

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 55

Rabu

26 November 2014

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 25)
USUL PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3): - Kertas Putih “Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State”	(Halaman 28)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Penjara (Pindaan)(No.2) 2014	(Halaman 51)
Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2014	(Halaman 78)
Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014	(Halaman 101)
Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2014	(Halaman 109)
Rang Undang-undang Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2014	(Halaman 124)
Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhadap (Pindaan) 2014	(Halaman 125)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 26)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 108)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 26 November 2014
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA
[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan dan perancangan kerajaan bagi mengawal perkembangan pertubuhan haram yang tidak berdaftar dan mengancam kestabilan negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengawal perkembangan pertubuhan haram yang tidak berdaftar dan mengancam kestabilan negara, pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia akan mengambil tindakan dengan mengisytiharkan dan mewartakan sesebuah pertubuhan di bawah seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966 sebagai sebuah pertubuhan yang menyalahi undang-undang berdasarkan risikan, maklumat. Bukti-bukti kukuh serta lengkap daripada Polis Diraja Malaysia terhadap aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan itu meliputi menyalahi, menyimpan ataupun menyeleweng daripada Perlembagaan Persekutuan, perlembagaan negeri dan sistem pemerintahan demokrasi Raja Berparlimen.

Setelah mengisytiharkan pewartaan di bawah seksyen 5 akta tersebut sebagai sebuah pertubuhan yang menyalahi undang-undang dilaksanakan, tindakan sewajarnya akan diambil oleh pihak Pendaftaran Pertubuhan dan Polis Diraja Malaysia dan juga Kementerian Dalam Negeri dengan memantau dan seterusnya menangkap. Mendakwa pemegang jawatan dan anggota-anggota individu yang terlibat membantu dan menghasut untuk menyertai pertubuhan yang menyalahi undang-undang tersebut jika masih menjalankan aktiviti mereka seperti biasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan isu ini iaitu apakah kementerian ada melakukan pemantauan dan mengikuti perkembangan terkini pertubuhan-pertubuhan haram seperti Comango, Negaraku dan Pasukan Peronda Sukarela

Pulau Pinang atau PPS. Jika ia, nyatakan perkembangan mereka dalam usaha membendung sebarang aktiviti yang tidak sepatutnya. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam jawapan yang pertama tadi Tuan Yang di-Pertua, bahawa polis apabila sesuatu badan sama ada berdaftar ataupun tidak berdaftar diisytiharkan sebagai satu kesalahan yang tidak sah di bawah undang-undang, maka pemantauan dan tindakan polis secara risikan akan berterusan. Barang siapa ahli mereka masih menjalankan aktiviti sebagaimana yang menyebabkan mereka ini diisytiharkan sebagai badan tidak sah, maka tindakan boleh diambil di bawah undang-undang.

Akan tetapi peringkatnya Tuan Yang di-Pertua, bukanlah peringkat Polis Diraja Malaysia (PDRM) ataupun pihak Jabatan Pertubuhan sahaja. Kertas siasatan perlu disalurkan kepada pihak pendakwa raya dan kepada Pejabat Peguam Negara untuk dipertimbangkan dan akhirnya untuk memutuskan di bawah perlembagaan bahawa Peguam Negara adalah kata pemutus dalam sudut menuduh seseorang ke mahkamah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah pertubuhan haram yang tidak berdaftar setakat hari ini dan berapa pertubuhan yang sudah berdaftar dengan kementerian. Minta penjelasan.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas soalan Yang Berhormat. Dua pertanyaan, satu berhubung dengan badan ataupun pertubuhan yang tidak berdaftar. Jadi, soalan badan yang tidak berdaftar ini, saya tidak boleh menjawab secara terperinci berapa banyak badan yang di luar sana kerana sebabnya tiap-tiap badan yang telah menjalankan aktiviti yang tidak didaftar perlu bukti-bukti daripada polis sebelum kita mengambil tindakan.

Akan tetapi setakat ini badan yang tidak berdaftar yang telah kita isytiharkan sebagai badan yang tidak sah di bawah undang-undang ialah 49 yang diisytiharkan dahulu yang menjalankan aktiviti kongsi gelap. Baru-baru ini kita mengisytiharkan satu lagi badan yang dianggap menjalankan aktiviti politik yang berlebihan dan lain daripada apa yang ditetapkan oleh mereka sendiri di bawah perlembagaan mereka ataupun dalam objektif mereka semasa penubuhan dulu.

■1010

Ketiga ialah menjalankan aktiviti yang sebenarnya bukan peringkat mereka untuk menjalankan khususnya umpamanya PPS yang melaksanakan aktiviti mengawal keselamatan yang mana hak untuk mengawal keselamatan ini terletak di badan peringkat persekutuan di bawah perlembagaan. Jumlah semuanya ialah 54.

Soalan yang kedua berhubung dengan yang didaftarkan saya perlu notis Yang Berhormat. Saya tidak mempunyai fakta yang ada di sini. Terima kasih.

2. **Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh mana keberkesanan program KOSPEN (Komuniti Sihat Perkasa Negara) di dalam melahirkan agen-agen perubahan kesihatan masyarakat daripada kalangan anggota KEMAS dan JKKK untuk membudayakan amalan hidup sihat di kalangan masyarakat serta apakah badan-badan bukan Kerajaan yang lain boleh juga mengambil bahagian.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inisiatif Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) yang dilancarkan oleh saya pada 13 hari bulan Februari tahun ini dibangunkan untuk meningkatkan mutu kesihatan rakyat dengan membendung beban penyakit tidak berjangkit yang semakin meningkat di Malaysia. Penyakit tidak berjangkit utama yang diberikan penumpuan oleh KOSPEN pada masa ini ialah *diabetes mellitus* atau penyakit kencing manis dan *hypertension* atau darah tinggi. Kedua-dua penyakit ini berfungsi faktor risiko yang sama iaitu amalan pemakanan yang tidak sihat, merokok dan obesiti. Oleh yang demikian, skop aktiviti KOSPEN terdiri daripada pemakanan sihat, hidup yang aktif, pengurusan berat badan, tidak merokok dan aktiviti saringan penyakit tidak berjangkit dan faktor risikonya.

Melalui KOSPEN, kementerian berusaha mendekatkan program-program kesihatan kepada masyarakat melalui pembentukan kumpulan sukarelawan kesihatan dari kalangan masyarakat yang dikenali sebagai Gerak Sihat Malaysia (GSiM). Mereka yang akan menerima latihan khusus oleh kementerian akan menjadi agen perubahan ke arah gaya hidup sihat di *locality* yang mengambil bahagian dan merekalah yang sebenarnya merupakan *functional unit* bagi KOSPEN di *locality* yang mengambil bahagian.

Kumpulan yang terlatih berkemampuan memberikan khidmat nasihat kesihatan asas kepada masyarakat setempat menjadi penggerak dan pemangkin kepada pembentukan persekitaran yang menyokong gaya hidup sihat serta berkeupayaan melakukan ujian saringan penyakit tidak berjangkit dan faktor risikonya yang mana kes-kes yang berisiko kemudiannya akan dirujuk ke klinik kesihatan berhampiran berdasarkan kriteria yang ditetapkan untuk tindakan lanjut.

Bagi melaksanakan inisiatif ini dan memastikan capaian program yang meluas, kementerian telah bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional. Hubungan rapat KEMAS dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional dengan masyarakat serta jalinan program yang meluas di peringkat akar umbi menjadikan mereka agensi pilihan untuk kementerian menjalinkan kerjasama dalam usaha untuk menerapkan gaya hidup sihat dalam masyarakat Malaysia.

Walau bagaimanapun, kementerian amat mengalu-alukan penglibatan lain-lain agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk menjadi rakan kongsi strategik dengan kementerian dalam menjayakan dan meluaskan program ini. Sehingga September tahun ini sejumlah 2,190 *locality* KOSPEN telah dibentuk melibatkan kampung-kampung yang mempunyai JKKK. Seramai 7,391 orang sukarelawan telah dilatih oleh kementerian dan telah berjaya membuat saringan ke atas 16,211 orang penduduk dewasa yang lebih daripada 18 tahun. Terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas jawapan yang diberikan. Cuma saya ingin memberikan satu soalan tambahan. Kita maklum bahawa KEMAS dan JKKK ini secara realistiknya di bawah itu kalau dianjurkan program-program seperti ini terdapat kecenderungan bahawa akan dihadiri oleh kelompok-kelompok yang tertentu di dalam masyarakat.

Sebab itu saya ingin tanya kementerian apakah program-program yang baik dan penting seperti ini dapat dibukakan ruang kepada kumpulan-kumpulan lain dalam masyarakat misalnya persatuan masjid, surau, Rukun Tetangga yang boleh diberikan manfaat kepada keseluruhan masyarakat secara maksimum kerana kita juga sedia maklum bahawa masyarakat di bawah ini terutama di luar bandar, mereka tidak ada pengalaman untuk melakukan ujian saringan.

Apakah Kementerian Kesihatan akan memberikan latihan kepada mereka secara menyeluruh agar program ini dapat diberikan maksimum outputnya kerana saya fikir program-program ini kalau tidak dirancang dengan baik tentunya dia akan menemui kegagalan seperti mana program MySihat dan beberapa program kementerian yang bermasalah sebelum ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah tujuan kementerian sebenarnya dan harapan kementerian ialah secara berperingkat untuk memberi latihan kepada satu kumpulan yang lebih besar supaya mereka yang boleh menjadi pejuang isu kesihatan di dalam peringkat akar umbi. Secara permulaan, program ini telah dimulakan dengan KEMAS kerana untuk mendekati khususnya mereka yang ada di dalam kampung-kampung luar bandar di mana kegiatan KEMAS ialah satu kaedah yang aktif dan mereka menjadi agensi yang paling sesuai untuk kita mendekati dengan kumpulan di luar bandar.

Di dalam fasa kedua, kementerian telah menjalinkan satu kerjasama dengan rukun tetangga supaya program yang sama boleh dibawa kepada kumpulan-kumpulan rukun tetangga mahupun di luar bandar ataupun di bandar. Selepas itu kementerian mempunyai pandangan yang terbuka untuk melibatkan agensi-agensi yang lain termasuk apa yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu jawatankuasa masjid atau jawatankuasa sukarelawan yang aktif di peringkat akar umbi termasuk badan-badan bukan kerajaan atau NGO yang mempunyai aktiviti yang paling tinggi di peringkat akar umbi yang mempunyai perhubungan yang rapat dengan akar umbi. Mereka akan diberi layanan yang sama.

Apa yang kementerian akan buat ialah untuk memberi latihan kepada kumpulan-kumpulan ini supaya mereka mempunyai sedikit kemahiran di dalam bidang kesihatan supaya mereka boleh menjalankan tugas mereka secara baik. Salah satu daripadanya mereka diberi latihan di dalam pemeriksaan darah, macam mana untuk periksa darah tinggi dan didedahkan untuk cara masakan yang sihat, langkah-langkah yang boleh dibuat untuk mengurangkan tabiat merokok, langkah-langkah yang boleh digunakan untuk mengurangkan berat badan, macam mana boleh menggerakkan masyarakat supaya hidup satu cara hidup yang lebih aktif. Ini

menjadi inisiatif KOSPEN dan kumpulan-kumpulan ini akan diberi latihan di dalam bidang-bidang tersebut supaya di peringkat akar umbi mereka boleh menjalankan aktiviti-aktiviti ini supaya ia boleh berkesan.

Harapan kerajaan dan kementerian ialah dalam dua tahun ini iaitu sebelum penghujung tahun 2016 untuk memberi latihan kepada lebih daripada 50,000 sukarelawan di seluruh negara yang akan mempunyai kapasiti untuk sampai ke sekurang-kurangnya 1.5 juta rakyat Malaysia di peringkat akar umbi. Terima kasih.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Disebabkan oleh anggota KOSPEN ini terdiri daripada *layman* dengan izin iaitu mempunyai berbagai-bagai latar belakang dan mempunyai kurang asas perubatan. Jadi saya ingin bertanya, untuk membuat *screening*, maka sudah tentu sedikit sebanyak mereka ini perlu melakukan *history taking* dan juga *physical examination* yang ringkas.

■1020

Jadi, apakah ada wujudnya kebarangkalian berlaku kesilapan dalam mendiagnosis sesuatu penyakit itu serta sejauh manakah pelaksanaan KOSPEN ini di kawasan luar bandar dan adakah ia turut dilaksanakan di kawasan pedalaman?

Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Mereka yang dilatih ini tidak akan memainkan peranan sebagai seorang doktor atau sebagai pembantu perubatan. Mereka cuma akan menjadi satu ejen yang akan membuat saringan.

Dalam pengalaman kita dan pengalaman di merata-rata tempat, rakyat biasa boleh diberi latihan. Kalau dengan latihan dan modul yang telah ditetapkan, tujuan ini boleh disampaikan tanpa risiko yang telah dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Contohnya seperti yang saya telah terangkan tadi, mereka akan dilatih untuk buat pemeriksaan, contohnya *blood glucose*, mereka akan diberi latihan macam mana untuk periksa untuk *blood glucose*. Selepas itu, kalau mereka sudah buat pemeriksaan itu, kalau dikesan bahawa seseorang mempunyai kandungan glukosa yang tinggi di dalam darah mereka, mereka akan dirujuk kepada pihak klinik yang berdekatan supaya tindakan lanjutan boleh diambil.

Oleh itu, dalam perspektif itu, apa yang kita mahu kumpulan ini buat ialah yang telah ditetapkan dalam modul kita yang khusus kepada menggerakkan masyarakat di peringkat akar umbi untuk hidup satu gaya hidup yang sihat iaitu mereka tidak akan merokok dan mereka akan makan makanan yang sihat. Mereka akan diajar macam mana masak makanan yang sihat, mereka akan nasihat mereka yang ada di dalam kampung supaya jangan merokok.

Perkara-perkara ini akan dibuat secara berterusan supaya ini akan membawakan satu perubahan dalam minda penduduk di dalam kawasan-kawasan di luar bandar dan di bandar supaya tujuan KOSPEN ini boleh dicapai.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ini bagi saya dan bagi orang ramai pun, kita rasa terpinga-pinga dan

dengan latihan 50,000 orang ini dengan modul yang disebutkan tadi, apakah kesannya dan apakah peruntukan untuk KOSPEN?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Kesannya akan dikaji selepas program ini telah diteruskan untuk satu jangka masa yang sesuai di mana KPI yang akan menentukan kejayaan program ini ialah seberapa banyak kita sudah melalui program ini, kerajaan, kementerian telah berjaya untuk mengurangkan, contohnya, kurangkan berat badan, mengurangkan jumlah mereka yang merokok, mengesan mereka yang sebelum ini tidak tahu ada penyakit kencing manis tetapi telah dikesan oleh program ini, mengesan mereka yang sebelum ini tidak tahu mereka ada *hypertension* tetapi telah dikesan melalui program ini. Ini akan menjadi satu pengiraan untuk menunjukkan tentang keberkesanan program ini.

So, daripada cara program ini dibuat, segala maklumat yang diperolehi di peringkat akar umbi akan dimasukkan kepada satu *database* dan *database* ini akan diperiksa dan disemak secara berterusan untuk pastikan keberkesanan program ini.

So program ini ada satu tujuan yang ditentukan iaitu untuk membawa perubahan dalam cara gaya hidup rakyat Malaysia supaya satu langkah untuk membendung beban yang kita hadapi melalui apa yang dipanggil sebagai *non-communicable diseases*.

Untuk tahun ini, kementerian sedang menggunakan peruntukan yang tersedia ada iaitu yang telah diberikan kepada kementerian di dalam bajet pengurusan dan di dalam bajet-bajet kumpulan, bahagian-bahagian tertentu seperti Bahagian Pengawasan Penyakit, Bahagian Pendidikan Kesihatan untuk menjalankan program ini dan pada tahun yang akan datang pun melalui itu juga. Walaupun ada permintaan untuk satu bajet khusus untuk program ini tetapi malangnya ini tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Terima kasih.

3. Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah rasional JKDM terhadap penukaran klasifikasi produk daripada suatu klasifikasi yang dikecualikan daripada cukai jualan kepada suatu klasifikasi yang dikenakan cukai jualan memandangkan ia akan membebaskan rakyat secara amnya kerana harga produk akan menjadi lebih mahal.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Perintah Duti Kastam (PDK) merupakan suatu standard penjenisan barangan yang diterima pakai daripada sistem berharmonis yang dibangunkan oleh Pertubuhan Kastam Sedunia, WCO atau dengan izin, *World Customs Organization*. Malaysia sebagai ahli kepada pertubuhan ini mempunyai tanggungjawab kepada semua bentuk perjanjian berkaitan kastam.

Bagi memastikan penjenisan atau klasifikasi produk dibuat dengan tepat, betul dan selaras dengan perkembangan semasa, pindaan kepada penjenisan produk ada kalanya perlu dibuat atas sebab-sebab berikut:

- (i) Bagi diselaraskan dengan pindaan struktur dan skop sistem berharmonis HS ataupun *harmonized system* dengan izin, yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kastam Sedunia;
Sebagai negara anggota, Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk menerima dan melaksanakan pindaan setiap lima tahun sekali.
- (ii) bagi diselaraskan dengan standard tarif ASEAN;
Sebagai negara anggota ASEAN, Malaysia juga perlu mengambil kira perubahan struktur tarif di peringkat negara-negara ASEAN;
- (iii) penukaran penjenisan barangan akan dibuat di mana pengikrar tidak mengikrarkan klasifikasi yang betul, lazimnya disebabkan kurang mahir dalam membuat klasifikasi atau bertujuan mengelak dikenakan cukai; dan
- (iv) penjenisan baru perlu dikeluarkan disebabkan penjenisan terdahulu dibuat berdasarkan maklumat yang tidak lengkap yang dikemukakan untuk permohonan penjenisan atau perubahan maklumat.
Kita dapat daripada agensi-agensi pakar seperti Jabatan Kimia, Jabatan Kesihatan, SIRIM dan lain-lain.

Sesuatu penjenisan dibuat tanpa dipengaruhi oleh elemen cukai terlibat yang diutamakan adalah klasifikasi yang dibuat dengan betul dan tepat berlandaskan peraturan penjenisan yang digariskan. Apabila sesuatu klasifikasi dipinda akan menyebabkan tiga keadaan.

Pertama, tertakluk kepada kadar duti cukai yang sama, yang mana tidak akan menjejaskan harga produk.

Kedua, tertakluk kepada kadar cukai lebih tinggi, maka harga produk akan menjadi tinggi.

Ketiga, tidak tertakluk kepada duti cukai atau tertakluk kepada kadar duti cukai yang lebih rendah, maka harga produk menjadi lebih rendah. Sebagai contoh, vitamin kesihatan tambahan atau dipanggil sebagai dengan izin, *health vitamin supplement*, duti import 0%, cukai jualan 5%. Akan tetapi pengimport mengikrar *health vitamin supplement* ini sebagai ubat untuk mengelak cukai. Dalam WCO atau *World Customs Organization*, ini di bawah kategori *food supplement* ataupun makanan tambahan yang diperlukan cukai 5%.

Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, sejauh manakah kerajaan akan mempertimbangkan cadangan yang mengatakan bahawa JKDM wajar dikorporatkan atau disuruhanjayakan di mana ia bukan sahaja akan membantu daripada aspek fungsinya dari segi kutipan hasil, fasilitasi perdagangan serta penguat kuasa pintu masuk, malah sebarang gejala rasuah juga dapat dibendung sekali gus menjadikan JKDM sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi dan bertaraf dunia. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Itu lain soalan itu tetapi tak apa.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri hebat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kita berhasrat untuk mengkorporatkan kastam ini pada tahun hadapan. Segala usaha dan persiapan untuk mengkorporatkan Kastam itu sedang berjalan.

■1030

Memang benar sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat Pengerang bahawa apabila Kastam itu dikorporatkan, maka pelbagai penambahbaikan boleh diadakan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Privatize* atau *corporation*? *Privatize* ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Pengkorporatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah layan Yang Berhormat Menteri, salah peraturan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Okey. Apabila disebut tentang gejala rasuah dan sebagainya, tentunya pihak kerajaan khususnya Kementerian Kewangan yang mana kastam adalah kementerianannya, kita tidak akan bertolak ansur terhadap perkara ini. Segala siasatan sedang dijalankan dan kita mengambil serius tentang perkara itu. Walaupun demikian, 22 orang pegawai dan kakitangan yang terlibat itu masih lagi dalam penyiasatan dan kita tidak boleh lagi mengambil kesimpulan terhadap penyiasatan. Pada tahun 2010 misalnya, ada 30 penangkapan dan tidak ada satu pun yang disabitkan kerana tidak ada sebarang bukti yang kukuh. Pada baru-baru ini, 22 orang dan mereka ini sedang dalam proses di mahkamah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri kata ada usaha untuk memperkorporatkan cukai di Kastam. Adakah ini bermakna komisen akan dibayar kepada pihak-pihak Kastam sekiranya dia dapat kutipan yang lebih? Kalau boleh jawab sebab ini rupanya macam LHDN.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Lembaga Hasil Dalam Negeri, Tuan Pengerusi, telah melaksanakan tugas yang lebih baik daripada sebelum dikorporatkan apabila telah dikorporatkan. Kita berharap begitu juga yang berlaku kepada Kastam ini dan segala perkara itu adalah untuk tujuan kebaikan. Kalau perkara itu tidak baik, kerajaan tidak akan melaksanakan.

Jika saya ingin kembali kepada soalan, ada fakta tambahan yang ingin saya kongsi. Kita ada beberapa kadar cukai jualan dalam Kastam ini. Jadual Pertama, Jadual Kedua. Saya ingin berkongsi contoh jadual yang dikecualikan dengan kadar cukai jualan pada saat dan ketika ini oleh Kastam. Contohnya ayam, ikan bilis, susu, telur ayam, halia, kunyit.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri, maaf ya. Isu komisen, isu komisen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Sama ada diberi komisen atau sebagainya itu, kita akan fikirkan kemudian. Akan tetapi sebagaimana yang berlaku pada Lembaga Hasil Dalam Negeri, apa yang berlaku kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, kita berikan peruntukan yang tertentu sebelum ini kemudian apabila baru-baru ini kita telah mengkorporatkan sepenuhnya sebagai suatu badan berkanun yang dibebaskan sepenuhnya daripada segi kewangan dan juga daripada segi sumber manusia, baru-baru ini kita luluskan di Dewan ini, maka mereka akan diberikan fi yang tertentu yang belum lagi dipastikan. Begitu juga Kastam akan dilakukan perkara yang serupa.

Kembali. Halia, kunyit tidak kena. Tepung gandum, tepung jagung, tepung beras, ikan bilis, susu, telur ayam, ayam. Itu sebagai contoh kadar cukai jualan sekarang ini. 5% contohnya keju, mentega, madu, kentang, jagung manis, pisang, anggur, epal, buah pear. Selepas ini apabila ada GST, segala jenis buah-buahan ini tidak akan ada sebarang cukai jualan. Pada saat dan ketika ini ada cukai jualan 5%. Segala bahan-bahan alkohol, minuman beralkohol 20% cukai jualan.

Kemudian RON95, RON97 sepatutnya ada cukai jualan RM0.5862 tetapi kita tidak mengenakan cukai jualan itu untuk tiap-tiap liter pada saat dan ketika ini. Diesel sepatutnya 40 sen seliter tetapi kita tidak kenakan juga. Natural gas sepatutnya RM0.01 sekilogram pun kita tidak kenakan cukai jualan. Terima kasih.

4. Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta Menteri Pendidikan menyatakan sebab-sebab kementerian mengamalkan dasar diskriminasi di mana hanya merizabkan tanah untuk pembinaan sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan apabila terdapat keperluan segera untuk membina lebih banyak SJK(T) dan SJK(C).

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching@Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat atas soalan yang berkaitan dengan pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar dan hasrat kerajaan untuk menyediakan pendidikan kepada semua kaum melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan. Dalam pembinaan sekolah baru, Kementerian Pendidikan Malaysia atau KPM sentiasa berusaha menyediakan tanah tapak yang sesuai kepada sekolah-sekolah kerajaan yang menyediakan pendidikan kepada semua kaum murid.

Namun Kementerian Pendidikan Malaysia juga mengambil maklum akan keperluan pembinaan SJKC dan SJKT berdasarkan keperluan setempat. Sehubungan itu, untuk memenuhi keperluan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membenarkan tapak yang direservakan untuk sekolah kebangsaan untuk pembinaan SJK(C) dan SJK(T). Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, terima kasih kepada jawapan tersebut. Saya terima baik hasrat kerajaan. Perkara yang saya ingin bangkitkan adalah di mana kerajaan kurang memberi perhatian kepada sekolah Cina dan sekolah Tamil dan juga kewangan. Ini tidak

membawa keseimbangan yang sama seperti di sekolah kebangsaan. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, 523 sekolah Tamil ada di negara ini dan 1,291 sekolah Cina. Walhal lebih kurang 50% sekolah ini patut diagihkan, patut ditukar daripada *rural areas* ke *urban areas*. Apakah polisi kerajaan untuk mengatasi perkara ini dan di mana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Satu soalan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hanya satu soalan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Situasi diskriminasi di mana dalam memperkasakan sekolah kebangsaan, nampaknya sekolah Cina dan sekolah Tamil didiskriminasikan dan ramai di antara penuntut tidak ingin pergi ke sekolah kebangsaan daripada masyarakat Cina dan India di mana masyarakat Cina lebih kurang 90% menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan dan masyarakat Tamil, India lebih kurang 60%.

Ini adalah sebab seperti yang kita semua tahu kerana terlampau banyak standard telah jatuh di sekolah kebangsaan dan juga *growing Islamization* di sekolah kebangsaan. Jadi apakah tindakan khusus dan polisi yang sedia ada oleh kerajaan untuk mengatasi polisi ini dan juga memperkasakan bukan sahaja sekolah kebangsaan tetapi juga memperkasakan sekolah Tamil dan Cina. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching@Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan diskriminasi. Yang Berhormat, ini adalah andaian atau persepsi Yang Berhormat tetapi ini tidak bermakna bahawa andaian atau persepsi Yang Berhormat adalah betul kerana saya ada bukti untuk menunjukkan bahawa diskriminasi tidak diwujudkan di mana Kementerian Pendidikan Malaysia juga daripada segi aspek pembinaan SJK(C) dan SJK(T) bahawa tapak atau tanah yang *direserve* digunakan untuk membina SJK(C) atau SJK(T) dan saya memberi beberapa contoh.

Kompleks Sekolah Wawasan Putra Height sebenarnya digunakan untuk membina sekolah kebangsaan tetapi ini sudah diserahkan untuk kegunaan semasa untuk SJK(C) Sungai Long. Berkaitan dengan SJK(T) sebenarnya Sekolah Kebangsaan Bandar Mahkota yang ketiga akan dibina tetapi berdasarkan keperluan SJK(T), SJK(T) Bandar Mahkota dibina dan ini merupakan satu sekolah yang baru, satu sekolah SJK(T) yang baru. Jadi saya ada bukti di sini. Sekiranya Yang Berhormat berminat untuk dapat maklumat selanjutnya, sila berjumpa saya jika diperlukan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kenapa Yang Berhormat? *Mike* tidak jalan kah Yang Berhormat?

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah dasar kerajaan tentang memberi peruntukan

pembangunan untuk sekolah-sekolah SJK(T) dan juga sekolah jenis kebangsaan Cina dan juga sekolah-sekolah mubaligh.

■1040

Adakah kerajaan membenarkan Lembaga Pengurusan Sekolah untuk mencari kewangan dan selepas itu kerajaan memberi peruntukan tambahan ataupun apakah sebenarnya dasar kerajaan untuk memastikan supaya sekolah-sekolah jenis ini dapat membina bangunan sekolah mereka masing-masing. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran yang berkaitan dengan peruntukan. Saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat di sini, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia memberi peruntukan dalam bentuk rancangan khas dalam bajet seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga turunkan peruntukan kepada sekolah berdasarkan per kapita seperti untuk mata pelajaran. Ini berdasarkan bilangan pelajar di sekolah. Untuk menambah peruntukan, kita ada satu inisiatif di mana memang sekolah mubaligh khasnya atau SJK(C) untuk Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) untuk mencari dana masing-masing. Saya boleh melihat khasnya SJK(C) adalah dalam satu tahap yang begitu membanggakan dan berjaya di mana LPS mengambil banyak inisiatif untuk melengkapkan kemudahan-kemudahan sekolah.

Seperti yang saya sudah pernah sebut bahawa pendidikan bukan hanya tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia, tetapi pendidikan adalah satu tanggungjawab secara kolektif. Jadi, itulah dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, anjakan kesembilan ada menyebut tentang peranan yang boleh dimainkan oleh ibu bapa dan ahli-ahli komuniti yang terdiri dari Lembaga Pengelola Sekolah untuk membantu Kementerian Pendidikan Malaysia mencapai hasrat. Sekian, terima kasih.

5. **Dato' Henry Sum Agong [Lawas]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada perlindungan kawalan keselamatan yang bakal dinikmati rakyat di kawasan sempadan seperti daerah Lawas mencukupi khususnya dari segi ancaman/ bahaya dadah (kemasukan dadah dari negara dan negeri sebagai pintu masuk, kemasukan Pendatang Tanpa Izin (PTI), kawalan judi haram/ Cyber Cafe dan kecurian dan lain-lain yang semakin meningkat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan geografi Malaysia berjiran dengan Brunei dan juga dengan Indonesia yang mempunyai keluasan sepanjang, kalau dengan Indonesia sepanjang 2,100 kilometer dan dengan Brunei 400 kilometer. Tetapi kalau kita lihat Lawas itu sendiri, dia berhadapan dengan laut Labuan, berhadapan dengan Labuan dan sebelahnya Sipitang dan lepas itu dengan Brunei, sempadan dengan Malaysia sendiri dan juga laut yang berdekatan dengan Labuan. Kita memahami kerunsingan yang dihadapi oleh Yang Berhormat Lawas oleh

kerana Labuan juga berpotensi menjadi laluan kemasukan dadah dan apa-apa sahaja perkara yang boleh dibawa daripada luar.

Kerajaan telah merangka strategi dan melaksanakan tindakan untuk menjaga sempadan negara daripada dicerobohi unsur dan menjamin keselamatan rakyat yang tinggal dengan kawasan yang berhampiran dengan sempadan negara.

Antara tindakan yang diambil ialah:

- (i) mempertingkatkan hubungan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam tukar dan berkongsi maklumat risikan di bawah payung *Malaysia-Indonesia General Border Committee (Malindo GBC)* dan dengan negara ASEAN yang lain;
- (ii) menggalakkan pertukaran maklumat antara negara ahli melalui sekretariat *ASEANAPOL* atau melalui *ASEAN Database System (e-ADS)* perkara berkaitan keselamatan sempadan dan perairan Malaysia dan negara tersebut;
- (iii) kementerian membuat kajian untuk menentukan lokasi baru untuk membina pos kawalan sempadan dan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di sempadan negara khususnya di sempadan Kalimantan dan Sarawak yang sepanjang saya sebutkan tadi 2100 kilometer. Kajian ini laporan telah diterima oleh pihak imigresen dan polis dan masih dikaji oleh pihak kementerian bagaimana melaksanakan pos-pos dan CIQ yang perlu untuk menjaga sempadan tersebut;
- (iv) pihak polis telah mempunyai pasukan khas untuk menangani sebarang bantuan ancaman dalam negara seperti *Special Task Force On Organized Crime (STAFOC)*, *Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING)* dan yang bakal ditubuhkan adalah Skwad Taktikal Khas 3 iaitu kongsi gelap, perjudian dan maksiat. Di samping pasukan elit yang sedia ada seperti VAT 69, Pasukan Gerakan Khas (PGK) dan Pasukan Gerakan Am (PGA) bagi menghadapi serangan ancaman kepada negara pada bila-bila masa. Ini untuk memperjelaskan lagi kerajaan telah meluluskan penubuhan satu batalion yang diadakan kemnya di Beluran. Maknanya PGA yang berkhidmat di Labuan, Sabah sekarang boleh dibawa balik ke Sarawak untuk menjaga sempadan Sarawak seterusnya;
- (v) membuat perolehan secara berterusan untuk membekalkan peralatan dan aset yang lebih canggih dan moden kepada pasukan polis dan imigresen seperti mesin pengimbas dan sebagainya bagi mengesan barangan yang salah dibawa masuk;
- (vi) pihak polis telah menubuhkan Unit Risikan Sempadan bagi mengawal dan mengesan kemasukan dadah ke dalam negara. Unit Perintis ditubuhkan di negeri-negeri, termasuk di negeri Sarawak.

Dengan adanya langkah-langkah yang diambil ini, dan juga kerjasama dengan jiran negara luar, segala maklumat tersebut dapat berkongsi secara holistik, bersepadu dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa seperti Interpol, Symbol, Regional Movement Alert System (RMAS) dan lain-lain badan perisik dunia yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, maklumat tambahan bahawa insiden dadah di Lawas tidaklah begitu tinggi, di kalangan yang terendah. Walau bagaimanapun kita memahami keadaan Brunei dahulu tidak pernah mendapat masalah dadah, tetapi sekarang juga berasa curiga soal dadah ini, begitu juga di Sabah sebagai laluan masuk dari Filipina. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lawas.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Daerah Lawas yang sebelum ini aman dan tenteram, kini menjadi sarang dan sasaran penjenayah yang terlibat dengan dadah, pencurian judi haram atau *cyber gambling* dan lain-lain semakin meningkat.

Baru-baru ini berlaku satu kematian kejam di sebuah *night club* di Lawas akibat dibelasah dan ditikam dengan pisau oleh pengunjung yang lain. Pencuri kereta di sekitar Lawas dan juga dari Sabah membawa kereta curi ke Long Bawah, Indonesia melalui Lawas tanpa dikesan oleh pihak penguat kuasa. Judi haram dan penglibatan anak-anak muda dengan dadah semakin menjadi-jadi di daerah Lawas. Semua ini memerlukan kawalan keselamatan yang mencukupi. Soalan saya, bilakah penambahan anggota polis dan kelengkapan yang diperlukan dapat dilakukan di lokasi sempadan seperti di *Ba'kelalan*, Long Semadoh yang masing-masing sekarang mempunyai seorang sahaja anggota polis. Di daerah kecil Terusan,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Sepatutnya ada anggota polis yang ditempatkan di sana, tetapi langsung tidak ada. Sementara di Mengkalab, sempadan Mengkalab, Merapoh, Sundar dan Lawas itu sendiri terdapat kekurangan anggota dan kelengkapan seperti kereta dan motosikal. Begitu juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dah macam berbahas Yang Berhormat.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: *[Ketawa]* Ya, supaya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri mendapat gambaran yang sejelas-jelasnya. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya di Sarawak. Yang luas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Di mana soalan, Yang Berhormat?

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Lebih dari 1,000 kilometer pantainya dari Tanjung Datu di bahagian Kuching dan Lawas di bahagian Limbang memerlukan kawalan keselamatan yang ketat agar tidak mudah dicerobohi oleh mana-mana pihak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Ada soalan yang satu lagi, Tuan Yang di-Pertua.

■1050

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payahlah. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tidak faham peraturan mesyuarat kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Bilakah CIQ yang dirancang di sempadan Sarawak dengan Indonesia di Ba'kelalan didirikan supaya dapat membanteras kegiatan *cross border trading*, dengan izin, tanpa kawalan terus berlaku? Sekian terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun mendapat gambaran yang amat jelas dari Yang Berhormat Lawas. Dalam masa yang sama Yang Berhormat saya memaklumkan begini Yang Berhormat ya, pihak kementerian dan pihak polis memang menerima hakikat bahawa penjenayah khususnya dadah dan juga perjudian telah menjadi bukan fenomena bandar sahaja.

Dia telah lari ke luar bandar dan itulah kenapa seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa di Lawas pun sudah ada jenayah dadah dan *gambling* ini berlaku. Oleh kerana mereka kena gempur oleh pihak polis di bandar-bandar, maka mereka melarikan tempat operasi mereka ke luar bandar. Saya telah berbincang dengan pihak polis dan meminta pihak polis supaya luar bandar jangan dilupakan dalam menangani masalah jenayah dadah dan perjudian ini. Jadi Yang Berhormat dalam radar skrin kita, Yang Berhormat.

Kedua soalan Ba'kelalan punya CIQ Yang Berhormat sebenarnya ini adalah projek keutamaan saya Yang Berhormat dan akan dilaksanakan tahun 2015, *insya-Allah*. Saya telah dimaklumkan minggu lepas bahawa projek ini adalah salah satu projek yang bakal dilaksanakan tahun 2015. Duit sudah ada, perancangan sudah ada dan pelan sudah cukup, hanya untuk menunggu proses tender dan sebagainya untuk dilaksanakan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah Labuan *Airport* ataupun Lapangan Terbang Labuan adalah lapangan terbang yang cuma mengendalikan penerbangan tempatan iaitu di antara Labuan dengan Miri, Labuan dengan Kuala Lumpur dan Labuan dengan Kota Kinabalu. Akan tetapi baru-baru ini kaunter Jabatan Imigresen telah diadakan. Ianya sesuatu yang baik dan positif bagi kita tetapi adakah ini menunjukkan bahawa kita telah mula mengesan bahawa Labuan ini adalah pintu kemasukan PTI ataupun penjenayah dari kawasan lain ke Sarawak dan ke Kuala Lumpur? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Memang ada hubung kait dengan persoalan Yang Berhormat Lawas, tidak berapa jauh pun. Kalau Yang Berhormat pandai berenang, boleh berenang dari Lawas ke Labuan. Jadi dalam keadaan sedemikian walaupun terkeluar sedikit daripada persoalan, saya akan jawab Yang Berhormat.

Jadi inilah telah menunjukkan bahawa pihak-pihak KDN, kementerian mengambil kira semua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi dan kita juga melihat potensi Labuan itu digunakan sebagai satu *transit centre* dari Filipina, dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur dan seterusnya ke Sarawak dan mana-mana tempat di Sarawak seperti ke Miri dan juga ke Lawas umpamanya.

Iniilah kita akan pantau bermula dengan Jabatan Imigresen. *Insyaa-Allah*, saya akan buat lawatan ke Labuan Yang Berhormat untuk melihat sendiri keperluan kepolisian dan sebagainya untuk keselamatan di Labuan supaya betul-betul menjadi *transit centre* walau potensinya ada, kawalan awal mesti dirangka dan dirancang untuk kita memberi maklumat kepada kerajaan untuk *briefing up*, dengan izin, keselamatan di sana Yang Berhormat. Terima kasih.

6. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada wujudnya garis panduan rasmi untuk mengendalikan bumbung asbestos yang pecah. Adakah penalti yang boleh dikenakan jika sesiapa pihak tidak mematuhi garis panduan dalam mengendalikan serpihan asbestos.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dalam bahasa Inggeris, DOSH dalam proses membangunkan garis panduan pembukaan dan pelupusan asbestos. Garis panduan ini bertujuan untuk memberi satu kaedah dan panduan kepada industri dan pihak berkaitan dalam menjalankan pembukaan dan pelupusan bahan mengandungi asbestos termasuk mengendalikan bumbung asbestos yang pecah.

Garis panduan ini meliputi perundangan yang berkaitan prosedur, kaedah peralatan perlindungan diri dan lain-lain perkara berkaitan kerja-kerja pembukaan dan pelupusan asbestos. Draf pertama garis panduan ini telah disiapkan. Sesi *public consultation* akan diadakan dalam masa terdekat untuk memuktamadkan garis panduan tersebut.

Mengenai soalan nombor dua iaitu yang menanyakan adakah penalti yang boleh dikenakan jika sesiapa pihak tidak mematuhi garis panduan dalam mengendalikan serpihan asbestos? Jawapannya, ada. Di bawah seksyen 51, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang menyatakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya akan dikenakan kepada pesalah. Sekian, terima kasih.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Menteri. Saya gembira dengar ada garis panduan ini akan dikeluarkan kerana ada banyak rumah-rumah kos rendah yang telah pakai *sheet* asbestos untuk bumbung juga di rumah-rumah yang mereka buat *extension* pun mereka ada pakai asbestos. Asbestos jika tidak kacau ia, ia okey tetapi apabila kita hendak buka ia, ia pecah dan debunya boleh masuk ke paru-paru kita. Ada bukti kukuh menunjukkan ia boleh menyebabkan kanser pada masa depan seperti barah, *lung cancer* dan semua ini.

Saya harap kementerian akan juga rujuk kepada akta-akta yang sedia ada di Amerika Syarikat dan di England di mana mereka ada satu akta yang khusus untuk kontraktor asbestos

untuk melupuskan asbestos. Ia ada *certified contractors* yang kena pakai respirator, dia kena membasuh asbestos itu, kena ada *working area* yang *clear* untuk pastikan.

Ini bukan yang kita senang boleh nampak. Sekarang kita tengok orang-orang kedai *second hand*, kedai-kedai botol dipanggil, pekerja mereka tanpa apa-apa perlindungan kesihatan. So saya ingat ini adalah satu yang penting kerana ia boleh membawa masalah kesihatan. So saya harap ini dipantau dan saya ingat RM10,000 untuk syarat ini, saya fikir tidak cukup tinggilah. Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Jadi untuk menjawab soalan yang telah diajukan, memang asbestos ini iaitu yang merupakan bahan *berfiber* yang digunakan dalam campuran pembuatan antaranya untuk atap bangunan, komponen *break* dan *collect* kenderaan dan bahan penebat haba. Memang kita menyedari bahawa ia boleh membawa pelbagai penyakit antaranya kanser paru-paru dan satu lagi penyakit dinamakan *asbestosis* iaitu juga sejenis penyakit yang bersangkutan paut dengan paru-paru.

■1100

Jadi, mengenai cadangan agar kita merujuk daripada apa yang dilakukan di Amerika Syarikat. Sebenarnya Yang Berhormat Sungai Siput, kita sebenarnya dalam merangka garis panduan tentang pelupusan, macam mana melupuskan bahan asbestos ini. Kita sebenarnya telah mengambil kira apa yang telah berlaku di Amerika Syarikat. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Pendedahan kepada asbestos ini kebanyakannya melibatkan pekerja-pekerja buruh yang bekerja di tapak-tapak binaan. Sehubungan dengan itu, sementara menunggu garis panduan yang bakal disiapkan oleh JKKP ini, tidakkah pihak kementerian merancang menggunakan pegawai-pegawai penguat kuasa daripada JKKP bagi memantau kawasan-kawasan tapak-tapak pembinaan.

Terutamanya rumah dan untuk membuat rumah dan *renovation* rumah. Ini kerana pekerja-pekerja ini tiada tempat untuk mereka mengadu jika mereka mempunyai penyakit akibat daripada pendedahan kepada asbestos. Dibanding dengan pekerja-pekerja di syarikat-syarikat industri yang mempunyai garis panduan ataupun Akta 1994 JKKP iaitu di bawah *Chemical Health Risk Assessment* (CHRA) yang kemudiannya menjurus kepada *medical surveillance* bagi mereka. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Cadangan itu baik. Akan tetapi jumlah atau bilangan pegawai-pegawai yang ada di bawah Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP) tidak mencukupi untuk mengendalikan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Ini kerana tumpuan kita sekarang adalah untuk memeriksa keselamatan dan kesihatan para pekerja, khususnya di tempat atau di *construction* atau tapak-tapak pembinaan.

Walau bagaimanapun, kita mempunyai perundangan. Di mana di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000. Peraturan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, memperuntukkan secara terperinci mengenai keperluan bagi tempat

kerja berkaitan asbestos selain daripada jenis *crocidolite* untuk melaksanakan pengenalpastian *hazard* dan risiko-risiko yang terlibat melalui penaksiran risiko kesihatan penggunaan bahan ini.

Dalam pada itu, peruntukan-peruntukan am lain adalah seperti:

- (i) Hierarki mekanisme kawalan keselamatan;
- (ii) Pemantauan pendedahan dan had pendedahan yang dibenarkan iaitu 0. *fibres* per mililiter *time weighted average* – lapan jam. *Eight hours*.

Terima kasih.

7. Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah seriusnya gejala denggi di negara ini dan negeri-negeri manakah yang dikenal pasti mempunyai kes tertinggi.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Yang Berhormat. Bilangan kes denggi yang dilaporkan di seluruh negara bagi tahun 2012 adalah sebanyak 21,900 kes dengan 35 kematian. Manakala bagi tahun 2013, sebanyak 43,340 kes dengan 92 kematian. Bagi tahun ini sampai 20 September, jumlah kes yang telah dilaporkan ialah 74,335 kes dengan 143 kematian.

Ia merupakan jumlah kes dan kematian denggi yang paling tertinggi yang telah dilaporkan dan telah melebihi jumlah kes keseluruhan tahun-tahun yang sebelumnya. Bagi menangani situasi denggi di negara pada masa ini, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan pelan tindakan khas untuk pencegahan dan kawalan denggi iaitu Pelan Tindakan Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi 2014.

Pelan tindakan ini telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Telah dilaksanakan bermula 14 Julai tahun ini di tiga buah negeri yang menyumbang kes yang paling tertinggi iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, serta Negeri Sembilan dan diperluas kepada Kelantan bermula 17 Ogos.

Pelan tindakan ini merupakan tindakan bersepadu pencegahan dan kawalan denggi yang melibatkan Kementerian Kesihatan dan enam kementerian lain iaitu Kementerian Kesejahteraan Bandar, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Komunikasi, Kementerian Dalam Negeri serta semua Setiausaha Kerajaan Negeri dan agensi kerajaan yang lain.

Di antara program yang telah dilaksanakan ialah untuk meningkatkan pengesanan dan notifikasi kes denggi dengan menggunakan *dengue clerking sheet* serta *dengue rapid test aid* di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta. Meningkatkan kualiti pengurusan kes denggi dengan perkhidmatan klinik luar waktu operasi iaitu *extended hours*. Mobilisasi dari negeri lain ke daerah di Selangor bagi mempertingkatkan keberkesanan aktiviti kawalan terhadap kes di kawasan wabak denggi.

Menyediakan perkhidmatan *outsourc* semburan kabus di Daerah Petaling, Hulu Langat, Gombak dan Kota Bharu. Mengadakan kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Industri atau

CIDB untuk melaksanakan pemeriksaan aedes di tapak binaan di keempat-empat buah negeri terutama. Menubuhkan pasukan dan untuk meningkatkan lagi, melaksanakan Ops Gempur Aedes iaitu Operasi Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 yang dijalankan pada setiap bulan sejak pada Julai 2013.

Selain itu, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan juga perlu memainkan peranan yang penting dalam usaha memerangi demam denggi ini. Beberapa perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan negeri dan PBT ialah untuk memastikan pengurusan sisa pepejal termasuk sisa domestik, pukal dan industri di semua negeri dilaksanakan dengan cekap. Kawasan-kawasan lapang dan rekreasi perlu dipantau dan diseliasa secara berkala serta memastikan ia sentiasa bersih dan bebas dari tempat pembiakan aedes.

Kerajaan negeri dan PBT juga perlu menyediakan sumber yang mencukupi sama ada dari segi peruntukan kewangan dan anggota pekerja untuk melaksanakan aktiviti penjagaan dan kawalan denggi dan penyakit berjangkit yang lain seperti leptospirosis. Hanya dengan sumber yang mencukupi, maka aktiviti ini dapat dipastikan dilakukan secara berkala dan sebaik. Terima kasih.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih jawapan Menteri. Kesedaran orang ramai dalam berhadapan masalah demam denggi amat penting. Akan tetapi malang sekali Yang Berhormat Menteri, kita sering melihat orang ramai sering mengabaikan soal kebersihan. Apakah Kementerian Kesihatan bercadang menaikkan kadar denda sedia ada supaya ia benar-benar menjadi pengajaran kepada orang ramai.

Kita juga menjangka kerana sekarang ini musim hujan, akan berlaku kenaikan mendadak kes denggi di seluruh negara pada akhir tahun ini berikutan faktor cuaca serta *serotype* virus. Apakah langkah kementerian bagi menghadapi situasi ini? Yang Berhormat Menteri yang budiman, mesin CT scan telah diluluskan untuk Hospital Tanah Merah pada tahun lepas. Sehingga hari ini, belum dipasang lagi walaupun pesakit denggi tidak perlu, saya harap mesin CT scan di Hospital Tanah Merah dapat dipasang segera. Terima kasih.

■1110

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Usaha kerajaan di peringkat kebangsaan, di peringkat negeri dan di peringkat kerajaan tempatan akan berjaya kerana kalau dapat sokongan daripada rakyat iaitu kerjasama daripada rakyat untuk mengamalkan tabiat yang sihat untuk menjaga kebersihan persekitaran, menjaga kebersihan di dalam rumah mereka sendiri dan menjaga kebersihan di halaman rumah mereka sendiri. Kalau mereka boleh berjaya melakukan apa yang telah saya sebutkan tadi, ini akan bantu kerajaan untuk mendapat satu kejayaan yang lebih tinggi.

Tentang soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bahawa pindaan dibuat kepada akta untuk menaikkan jumlah denda yang dikenakan kepada mereka yang tidak mematuhi langkah-langkah kesihatan di dalam rumah mereka. Ini adalah antara perkara yang dibincangkan oleh pihak kementerian. Baru-baru ini di dalam satu kes, mahkamah telah memutuskan satu denda yang paling tinggi sampai sekarang iaitu RM30,000 untuk seorang kontraktor di dalam

satu tapak pembinaan di mana ia telah dikesan sebagai positif untuk nyamuk aedes dan kali yang kedua pihak kontraktor ini tidak mematuhi saranan yang diberi oleh pihak berkuasa. Oleh itu mahkamah telah kenakan satu denda yang lebih tinggi.

Akan tetapi adakah isu denda ini menjadi satu *disincentive* untuk pastikan rakyat mengamalkan satu cara hidup yang sihat, ini adalah satu soalan yang tidak boleh dijawab bukan sahaja di dalam isu denggi malahan di dalam isu-isu yang lain. Ini kerana di dalam sistem perundangan negara kita, apa-apa denda yang dikenakan ialah sebagai *deterrence* dan apa yang diharap oleh kerajaan ialah melalui undang-undang yang tersedia ada, ini akan mewujudkan satu kesedaran yang lebih tinggi di dalam kalangan rakyat supaya secara sendiri mereka mempunyai satu niat untuk mengamalkan sikap yang bersih di dalam kehidupan mereka.

Harapan saya ialah di dalam semua kajian yang telah dilakukan, tahap pengetahuan rakyat Malaysia tentang yang menjadi punca denggi dan apa yang sepatutnya dilakukan untuk mengawal penyakit ini ialah di dalam satu tahap yang tinggi. Saya ingat lebih daripada 90% daripada rakyat Malaysia tahu punca denggi ialah daripada nyamuk aedes dan apa yang menjadi tempat pembiakannya.

Akan tetapi apa yang kita tidak berjaya ialah untuk meminda fikiran mereka supaya pengetahuan ini diterjemahkan di dalam perubahan cara hidup dan itu yang diharapkan oleh kerajaan melalui kempen-kempen yang dilakukan termasuk kempen-kempen yang dilakukan di peringkat akar umbi melalui COMBI dan sebagainya. Kita berharap bahawa tujuan ini boleh dicapai melalui usaha meningkatkan kesedaran tanpa keperluan untuk membuat pindaan untuk meningkatkan denda sedia ada. Walaupun pada masa sekarang kalau di dalam satu kesalahan yang dilakukan beberapa kali secara berikutan mahkamah mempunyai kuasa dengan akta-akta sedia ada untuk mengenakan denda yang lebih tinggi daripada apa yang telah dibuat sebelum ini. Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: *[Bangun]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Maaf Yang Berhormat Menteri soalan saya tidak jawab lagi, CT Scan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan yang selanjutnya kan. Saya bagi Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kadang-kadang budiman, kadang-kadang kena marah juga, Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya tidak pernah marah Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Menteri Kesihatan. Memandangkan kini telah merekodkan 143 kematian, ini membuktikan di mana epidemik wabak denggi kini menjadi ancaman yang besar kepada kesihatan awam. Sekiranya kita bandingkan dengan Ebola epidemik mengikut laporan *Voice of America*, tahun ini dekat 14,000 sahaja yang dijangkiti penyakit Ebola tetapi jika dibandingkan dengan denggi dekat 100 juta pesakit seluruh dunia.

Maka ini menunjukkan denggi merupakan satu ancaman yang cukup serius kepada kesihatan awam. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah adakah Malaysia berusaha untuk mengkaji dan menghasilkan vaksin untuk menyembuhkan wabak denggi kerana wabak denggi dijangkiti menerusi 4 virus. Mengikut laporan *New England Journal of Medicine*, ini Syarikat *Pharmaceutical Company for France Sanofi Pasteur* telah berjaya menghasilkan vaksin di mana kadar kejayaannya lebih kurang 60% hingga 80%.

Soalan saya ialah kerajaan Malaysia berusaha untuk mengkaji dan menghasilkan vaksin untuk menyembuhkan penyakit denggi? Jika tidak, adakah kerajaan berusaha untuk mencari bantuan daripada luar negara seperti adakan hubungan dengan *Dengue Virus Initiative*, satu badan antarabangsa, *scientist* yang menghasilkan vaksin untuk menyembuhkan wabak denggi ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam [Segamat]: Terima kasih Yang Berhormat. Banyak usaha yang dilakukan oleh bukan sahaja negara kita tetapi negara-negara yang lain di dalam menghasilkan satu vaksin yang berkesan untuk membendung penyakit denggi ini. Salah satu daripada yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat iaitu yang telah dihasilkan oleh Sanofi Pasteur ini Malaysia menjadi sebahagian daripada negara-negara yang telah menjadi pusat untuk menjalankan *trials* tentang keberkesanan vaksin ini.

Baru-baru ini kita telah semak tentang keputusan iaitu hasil daripada kajian ini. Seperti apa yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ada tiga perkara yang telah wujud hasil daripada *trials* yang telah dilakukan oleh vaksin yang telah dikeluarkan oleh Sanofi Pasteur. Salah satu daripadanya ialah ia tidak memberi perlindungan yang sama kepada keempat-empat *serotype* yang telah ada. Khususnya perlindungan yang diberi kepada *serotype* DEN-2 ini kurang daripada perlindungan yang diberi kepada denggi *serotype* yang lain. Nombor 1, nombor 2, itu satu isu yang tidak berapa memuaskan kerana keberkesananannya untuk memberi perlindungan kepada DEN-2 ialah di bawah 50% iaitu tidak di bawah satu tahap memuaskan walaupun untuk *serotype* yang lain ada di kadar yang lebih tinggi.

Akan tetapi kebbaikannya adalah di dalam dua perkara yang telah ditunjukkan di dalam kajian ini iaitu yang pertama mengurangkan jumlah mereka yang perlu masuk ke hospital daripada denggi iaitu bermaksud walaupun mereka mendapat penyakit tetapi penyakit itu begitu teruk dengan kalau dibandingkan dengan mereka yang tidak mendapat vaksin. Kedua, ialah jumlah mereka yang mendapat penyakit yang teruk iaitu *serious decease* itu kurang.

So, daripada segi ini kementerian sedang lihat daripada modul secara *trials* ini dibuat daripada segi lain dan selepas kita sudah *analyze* segala bukti yang ada berkaitan dengan vaksin ini, kerajaan akan membuat keputusan bahawa adakah ia wajar supaya kerajaan membuat keputusan *vaccination* diberi secara meluas kerana ini kalau dibuat keputusan.

Ini akan memerlukan satu kos yang begitu besar dan secara awal apa yang kita akan cadangkan ialah satu kajian yang lebih luas dijalankan di mana kerjasama kerajaan, dengan syarikat supaya dengan kerjasama itu mungkin kita akan membuat satu kajian yang lebih luas. Ini

kerana kajian dibuat di Thailand dan negara-negara lain ialah untuk yang umur mereka yang daripada— untuk murid-murid sahaja, kurang daripada 18 tahun.

Akan tetapi di dalam pengalaman di Malaysia kematian-kematian yang ada di dalam negara kita ialah mereka yang lebih daripada itu. Jadi orang muda mereka yang berumur 25 tahun sampai ke 30 tahun kerana ada perbezaan di dalam perkara ini pandangan kementerian mungkin ada keperluan untuk menjalankan satu kajian yang lebih luas dengan kerjasama syarikat untuk memastikan bahawa kalau kita menjalankan aktiviti *vaccination* ini ia sebenarnya akan memberi kesan yang positif. Terima kasih.

8. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta Menteri Pendidikan menyatakan status Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah St Thomas Kuantan bila akan dibina. Sekiranya tidak akan dibina pohon penjelasan masalah yang dihadapi pihak kementerian.

■1120

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Kuantan atas soalan berkaitan dengan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah St. Thomas, Kuantan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama kerajaan Negeri Pahang telah mengenal pasti tapak yang bersesuaian untuk pembinaan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah St. Thomas di kawasan bandar Kuantan. Buat masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia sedang membuat penelitian terperinci terhadap tapak ini dari segi teknikal supaya pembinaan sekolah berjalan lancar dan sekolah berada dalam keadaan selamat setelah siap kelak.

Pihak Kementerian Pendidikan juga sedang dalam proses mengumpul maklumat dan dokumen-dokumen berkaitan untuk digunakan bersama-sama permohonan perolehan tanah bagi tapak sekolah-sekolah tersebut. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan sekolah ini, Tuan Yang di-Pertua sekolah ini merupakan sekolah kluster ya dan saya telah beberapa kali membawa isu ini kepada pihak kementerian bahawa para pelajar telah dipindahkan terlalu awal malah pada pandangan saya masih boleh dirunding supaya mereka tidak pindah sebelum sekolah siap. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak meyakinkan saya kerana kawasan bandar Kuantan itu di mana sebab selama ini kita bertanya, kita tidak mendapat jawapan yang jelas di mana tidak ada tanah untuk sekolah.

Kedua, kalau sudah ada tanah pun berapa lama prosesnya pula sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri kata baru hendak buat kajian, hendak tengok dan sebagainya. Sementara itu Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah menumpang di dua buah sekolah. Sekolah menengah menumpang di Sekolah SKBS, sekolah rendah menumpang di Sekolah Teruntum. Sewaktu *assembly* mereka duduk di atas lantai sudah selama setahun,

Yang Berhormat Menteri pun ada di sini, Yang Berhormat Menteri patut dengar juga, Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga harus dengar. Pelajar-pelajar duduk atas lantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Duduk atas lantai.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Soalan, soalan Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Setahun mereka disuruh pindah sebelum tiba waktu sedangkan saya tahu ini *mission school* dan sekolah itu tidak pun menghalau tetapi disuruh pindah dan sebelum ada tapak, sekarang baru jawab ada tapak tapi tidak tahu di mana, baru hendak buat kajian, bila hendak siap dan sebagainya. Berapa lama lagi – soalan saya, berapa lama lagi pelajar bagi tahu pada kita, berapa lama lagi pelajar harus belajar dalam keadaan yang tidak selesa, bilik darjah tidak cukup, *assembly* atas lantai, bocor, duduk atas lantai yang basah ya. Ini malu kerajaan kalau tidak boleh selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ceramah kah ini?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, yang berkaitan dengan SK, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah St. Thomas di Kuantan, saya rasa adalah sangat penting bahawa kedua-kedua sekolah sebenarnya terletak di kawasan di *the mission authority* dengan izin dan apabila kuasa *mission* atau *the mission authority* memerlukan dana ambil tanah itu adalah sangat penting bahawa kita memberi penghormatan kepada *the mission authority*.

Apa yang Kementerian Pendidikan Malaysia sudah buat adalah untuk seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kuantan bahawa kedua-dua sekolah dipindah dan menumpang di Sekolah Kebangsaan Teruntum untuk SK St. Thomas dan SMK Abu Bakar untuk SMK St. Thomas dan bagi saya, saya rasa ini tidak ada masalah walaupun dari segi permulaan kedua-dua sekolah itu hendak membiasakan dengan suasana sekolah kerana berdasarkan saya punya pengalaman sebagai pengetua di Sekolah Menengah Teknik Tawau, apabila Kolej Komuniti Tawau diwujudkan, Kolej Komuniti Tawau menumpang di Sekolah Menengah Teknik Tawau.

Ini kita boleh dapat iktibar dari di sini di mana kita boleh mewujudkan kolaborasi dan pada masa itu Kolej Komuniti menumpang kemudahan, bengkel dan lain-lain. Jadi saya tidak melihat masalah dan sekiranya katalah Yang Berhormat Kuantan bagi tahu bahawa ada pelajar

duduk atas lantai, sebenarnya ini ialah satu amalan yang biasa untuk ada pelajar duduk di atas lantai.

[Dewan riuh]

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Memalukan sajalah. Betul-betul memalukan.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Apa itu yang memalukan apabila Kementerian Pendidikan Malaysia ada inisiatif untuk mengadakan satu program 1Meja 1Kerusi dan 1Buku Teks untuk semua pelajar dan ini bukan satu perkara yang luar biasa...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: 1Malaysia.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: ...Apabila kita ada pelajar duduk atas lantai dan untuk maklumat Yang Berhormat Kuantan saya akan mengadakan satu lawatan turun padang pada 5 Januari 2015 dan saya menjemput Yang Berhormat Kuantan bersama-sama supaya...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Menteri pergilah, Menteri, Menteri.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini tidak layak jadi Timbalan Menterilah. Letak jawatanlah lebih baik.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: ...Adakah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuantan adalah betul atau tidak. Sekian, terima kasih.

[Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh lantailah.

9. Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan Malaysia Mampu memperoleh manfaat bersih dari AEC (*ASEAN Economic Community*) dan apakah sektor-sektor berpotensi untuk Malaysia ketengahkan bagi memperoleh manfaat AEC.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sebagai mukadimah, satu integrasi ekonomi Asean telah diperkukuhkan lagi melalui Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN ataupun *ASEAN Economic Community, AEC Blueprint* yang disokong oleh ketua-ketua negara anggota ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-13 pada tahun 2007. *AEC Blueprint* merupakan pendekatan tersusun dan berperingkat bagi liberalisasi dan integrasi ekonomi ASEAN untuk meningkatkan daya saing negara-negara anggota ASEAN khususnya dalam menjadikan rantau ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pengeluaran antarabangsa yang kompetitif.

Tiga skop utama AEC adalah integrasi perdagangan, perkhidmatan dan pelaburan. Langkah-langkah utama yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:

Pertamanya, semua proses liberalisasi di bawah AEC di jalan secara berperingkat bagi memastikan bahawa kesemua pihak dapat menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan persekitaran perniagaan.

Kedua, melaksanakan program-program pembangunan modal insan bagi perusahaan kecil dan sederhana, khidmat nasihat tentang maklumat pasaran serta bantuan pembiayaan perniagaan.

Ketiga, memastikan bahawa rakyat Malaysia khususnya usahawan tempatan sedar mengenai kewujudan AEC melalui pelbagai program kesedaran ataupun *awareness programme*. Sebanyak 40 sesi taklimat mengenai AEC telah dianjurkan pada tahun 2013. Sehingga 29 September 2014, sebanyak 59 program kesedaran AEC telah dijalankan bagi tahun 2014 dan dijangka sebanyak 85 program kesedaran AEC akan dilaksanakan sepanjang tahun 2014.

Seterusnya keempat, misi perdagangan dan pelaburan ke negara-negara anggota ASEAN juga dilaksanakan setiap tahun bagi memberi pendedahan kepada ahli-ahli perniagaan termasuk syarikat multinasional dan PKS di Malaysia mengenai peluang-peluang perniagaan sedia ada di bawah AEC dan perjanjian-perjanjian bebas ASEAN. Sehingga Oktober tahun ini, 27 misi perdagangan ke negara-negara anggota ASEAN telah dilaksanakan.

Kelima, kerajaan juga bekerjasama rapat dengan majlis-majlis perniagaan Malaysia di luar negara khususnya Indonesia, Thailand, Myanmar, Singapura, Vietnam dan Kemboja. Kerajaan menyarankan supaya usahawan-usahawan tempatan dapat berinteraksi dengan majlis-majlis perniagaan ini supaya dapat memahami dengan dan seterusnya membuat perdagangan dan pelaburan berkesan di negara-negara ASEAN.

■1130

Akhirnya, dengan jumlah penduduk Malaysia seramai 30 juta, kerajaan berpandangan bahawa pembentukan AEC akan membawa banyak aspek positif terutamanya membolehkan syarikat-syarikat Malaysia meneroka pasaran ASEAN yang luas serta membolehkan syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di negara-negara ASEAN yang lain dan sektor-sektor yang menjadi tumpuan sepertimana dalam NKEA adalah sektor perkilangan, kewangan, perladangan, pembinaan tenaga dan hotel. Beberapa syarikat Malaysia juga telah diberikan kepercayaan oleh negara-negara ASEAN yang lain untuk membina lebuhraya, pusat pentadbiran, kondominium dan pusat membeli belah di negara mereka. Ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat Malaysia adalah kompetitif dan berdaya saing di rantau ini. Sekian, terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG MALAYSIA AIRLINE SYSTEM BERHAD
(PENTADBIRAN) 2014****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan undang-undang khas bagi pentadbiran Malaysian Airline System Berhad, syarikat subsidiari milik penuhnya dan syarikat subsidiari milik separanya yang membekalkan barangan atau menjalankan perkhidmatan atau kedua-duanya yang penting bagi pengendalian Malaysian Airline System Berhad dan pelantikan seorang pentadbir dengan kuasa untuk mentadbir dan menguruskan Malaysian Airline System Berhad, syarikat subsidiari milik penuhnya dan syarikat subsidiari milik separanya yang membekalkan barangan atau menjalankan perkhidmatannya atau kedua-duanya; untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu entiti baru yang akan menggantikan Malaysian Airline System Berhad sebagai syarikat penerbangan nasional; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN BEKALAN (PINDAAN) 2014**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kawalan Bekalan 1961; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) 2014**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980; dibaca ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN (PINDAAN) 2014**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendidikan 1996; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary

Yap Ken Jin]; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN) 2014

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.35 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dan diputuskan:

- (i) Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;
- (ii) Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No. 2) 2014;
- (iii) Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2014;
- (iv) Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014; dan
- (v) Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2014.

Seperti yang tertera di nombor 1 sehingga nombor 5 dalam Aturan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 27 November 2014.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ada mengemukakan usul di bawah Peraturan 18, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya memohon untuk membacakan sahaja usul-usul ini Tuan Yang di-Pertua untuk tujuan *Hansard*. Boleh? Tidak panjang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Usul mana Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Usul berkaitan dengan menangguhkan mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1).

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat terima jawapan saya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ada Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya ingin membaca untuk tujuan *Hansard*... [*Dewan riuh*] Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kadang-kadang yang mengecewakan saya ialah apabila saya membuat ketetapan berhubung dengan peraturan mesyuarat, kalau keputusan yang saya buat itu tidak kena kepada selera pihak-pihak yang berkenaan, saya dibantai atau dihentam secara habis-habisan, konon saya tidak adil. Akan tetapi apabila saya buat keputusan yang memenuhi selera pihak-pihak yang berkenaan, tidak ada komen pun yang memuji saya atau mengatakan saya adil. [*Ketawa*] Apa yang jelas sehingga ini ialah apabila saya buat keputusan sama ada dalam Majlis ataupun dalam *antechamber* atau di pejabat saya, itu adalah merupakan fatwa yang rasmi.

Jadi mengenai dengan usul Yang Berhormat P.M.18(1), saya telah jawab bahawa saya tolak di bawah P.M.18(7)(c). Kalau Yang Berhormat baca apa maksud peraturan mesyuarat itu, ianya mengatakan bahawa kalau sesuatu isu itu telah dijawab oleh kerajaan pada sesi Parlimen yang sama, tidak boleh dibangkitkan balik. Baru kelmarin Yang Berhormat bangkitkan isu ini dan dijawab oleh Menteri Dalam Negeri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak ada masa untuk berbahas dengan Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tidak juga setuju dengan keputusan saya, ada usul lain yang mengatakan bahawa boleh bawa usul kerana tidak setuju dengan keputusan saya. Kalau Yang Berhormat berdiri lagi dengan soal ini, saya akan rehatkan, Yang Berhormat. Percaya kepada saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila.

■1140

USUL PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3)**KERTAS PUTIH “KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE”****11.40 pg**

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I [Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) seperti berikut:

“**Bahawa** Dewan ini,

menyedari akan perlunya diberi penjelasan mengenai ancaman kumpulan militan *Islamic State* terhadap keselamatan negara kepada semua lapisan rakyat;

menyedari akan perlunya bekerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam semua usaha menangani ancaman kumpulan militan *Islamic State*;

menyokong kerajaan melaksanakan dasar-dasar dan usaha-usaha yang diperkenalkan menangani ancaman kumpulan militan *Islamic State*;

meluluskan dan merestui dasar-dasar dan usaha-usaha yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk menangani ancaman kumpulan militan *Islamic State*;

dalam meluluskan Kertas Putih “Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan *Islamic State*”, Dewan ini menyeru semua lapisan rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka untuk sama-sama menyokong kerajaan menangani ancaman berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini negara kita dikejutkan dengan berita seorang rakyat Malaysia menjadi pengebom berani mati Kumpulan Militan *Islamic State* (IS) di Iraq. Ini merupakan kali pertama seorang rakyat Malaysia bertindak sedemikian. Dalam insiden ini, Ahmad Tarmimi Maliki telah merempuh ibu pejabat pasukan keselamatan Iraq di Wilayah Anbar dengan sebuah SUV yang dimuatkan dengan bahan letupan.

Akibat tindakan itu, seramai 25 orang anggota pasukan tentera elit Iraq telah terbunuh. Pada usia muda 26 tahun, Tarmimi sepatutnya membantu menyara keluarga sebaliknya memilih untuk melakukan tindakan sia-sia dan bertentangan dengan ajaran Islam. Selain Tarmimi, empat orang lagi rakyat Malaysia telah terbunuh di Syria pada tahun ini.

Saya sedih dan bersimpati mengenangkan nasib mereka yang kehilangan ahli keluarga yang tersayang. Saya juga bimbang bilangan ini mungkin akan meningkat kerana seramai 39 orang rakyat Malaysia telah dikenal pasti sedang berada di Syria dan 40 lagi mungkin menerima nasib yang sama sekiranya pihak berkuasa tidak menahan mereka.

Sepuluh hari yang lalu tanggal 16 November 2014 sekali lagi dunia digemparkan dengan penyembelihan hidup-hidup seorang lagi warga Amerika Syarikat, Peter Kassig oleh IS walaupun beliau telah memeluk Islam dan menukar nama kepada Abdul Rahman. Di Sydney, seorang remaja berusia 17 tahun Abdullah Elmir warga Australia sanggup melarikan diri dari rumah dan

memeranjatkan keluarga dan dunia apabila muncul dalam satu video lengkap bersenjata di kalangan Kumpulan Militan IS di Syria.

Anak muda ini mencabar kerajaan Australia dan negara-negara pakatan untuk menyerang mereka. Dia juga secara angkuh menyatakan tidak akan berhenti berjuang selagi bendera IS tidak berkibar di rumah putih dan istana Buckingham. Perubahan mendadak seorang remaja yang masih bersekolah tiba-tiba menjadi militan menunjukkan betapa kuat pujukan dan propaganda IS.

Dalam kejadian lain pada bulan Mei 2014, Mehdi Nemmouche 29 tahun yang pernah berada lebih setahun di Syria bertindak sendirian melakukan serangan yang membunuh empat orang awam di Belgium setelah terpengaruh dengan fahaman ekstrem IS. Sebenarnya umat Islam kini menghadapi cabaran getir dari satu kumpulan militan yang menyasarkan kita dan anak-anak kita supaya pergi berjihad ke Syria dan Iraq atas jalan Islam. Kita berada di satu persimpangan di mana kita harus berusaha dengan lebih gigih untuk menjaga agama, bangsa, dan negara. Saya yakin ramai rakyat Malaysia masih tidak mengetahui IS yang sebenar sehingga mereka mudah terpedaya dengan ideologi ekstrem kumpulan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kertas Putih ini bertujuan mendedahkan wajah sebenar IS yang bertopengkan Islam bagi mencapai cita-cita mereka untuk menubuhkan negara Islam mengikut acuannya. Modus operandi perjuangan mereka berakar umbi kepada Al-Qaeda dan mirip Kumpulan Militan Al-Qaeda telah diisytiharkan sebagai pertubuhan pengganas oleh masyarakat antarabangsa dan jumurh ulama-ulama arus perdana hari ini.

Sebagaimana sifatnya kumpulan militan-militan yang lain, IS juga menyalahafsirkan ajaran Islam umpamanya dalam konsep jihad. IS beranggapan matlamat penubuhan negara Islam hanya dapat dicapai melalui apa yang dipanggil jihad peperangan. Sebenarnya ideologi Salafi-Jihadi yang diperjuangkan oleh kumpulan ini adalah berlandaskan ekstremisme dan keganasan yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah.

Jihad sebenar adalah membawa pengertian yang lebih besar dalam mencapai matlamat maqasid syariah termasuk melindungi keselamatan negara, menjaga agama, akidah, nyawa, akal, maruah atau keturunan dan harta benda. Kumpulan ini juga telah mengeksploitasi konsep hijrah yang sebenar. Sebaliknya IS menyeru umat Islam berhijrah ke Syria dan Iraq atas nama Islam sedangkan muslihat mereka sebenar adalah untuk membantu kumpulan itu berperang bagi meluaskan kawasan penaklukan.

Rakyat perlu menyedari bahawa peperangan ini hanya merupakan satu pertembungan politik dan konflik sektarian yang tiada kaitan dengan konsep jihad atau hijrah seperti yang diterima oleh jumurh ulama. IS cuba menangguk di air keruh dengan menggambarkan konflik ini sebagai peperangan akhir zaman, jalan pintas untuk mencapai agenda, cita-cita dan niat salah mereka. Pejuang asing seramai 15,000 orang yang berjuang untuk IS telah dipergunakan demi memenuhi agenda mereka.

Penyelewengan ajaran Islam oleh IS juga semakin ketara apabila sewenang-wenang mengkafirkan orang Islam yang tidak sehaluan dengan pendiriannya dan menghalalkan

pembunuhan mereka. Walhal ajaran Islam yang sebenar adalah berpegang teguh pada persaudaraan sesama Islam dan melindungi hak bukan Islam. Kita juga banyak mendengar tentang kekejaman IS sehinggakan wanita dan kanak-kanak juga tidak terlepas daripada menjadi mangsa.

Mereka juga sesuka hati menjatuhkan hukuman bunuh ke atas sesiapa sahaja tanpa hak untuk membela diri. Insiden pembunuhan pada awal November 2014 yang melibatkan sejumlah 322 orang termasuk 50 wanita dan kanak-kanak di Ambar Iraq juga menunjukkan mereka tidak teragak-agak membunuh penduduk sesama Sunni.

Kekejaman IS semakin tidak mengenal nilai kemanusiaan apabila sanggup menyembelih hidup-hidup rakyat Amerika Syarikat iaitu James Foley dan Steven Sotloff serta rakyat Britain iaitu David Haines dan Allan Henning. Banyak lagi perbuatan-perbuatan tidak berperikemanusiaan kumpulan ini namun tidak sanggup saya katakan dalam Dewan yang mulia ini. Lagipun saya tidak boleh terfikir bagaimana seorang manusia sanggup menyembelih manusia lain yang tidak lagi dapat melawan. Lebih-lebih lagi apabila ibu-ibu mangsa sendiri merayu supaya anak-anak mereka tidak diapa-apakan.

■1150

Lebih menghairankan lagi bagaimana kumpulan militan IS langsung tidak menunjukkan sedikit pun rasa kesal sebaliknya berbangga mempamerkan tindakan ganas ini melalui media sosial. Sudah tentu kita dapat bayangkan betapa hiba dan marahnya keluarga mangsa sehingga boleh menimbulkan kebencian yang amat sangat kepada agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dunia Islam dan ulama-ulama antarabangsa mengutuk apa yang dilakukan oleh IS. Sheikh Abdul Aziz Al-Sheikh Mufti Arab Saudi menganggap IS adalah musuh nombor satu dunia Islam sementara deklarasi penubuhan negara Islam oleh IS adalah bertentangan dengan syariat Islam.

Syeikh Shawqi Allam Mufti Besar Mesir pula melabelkan IS sebagai entiti pengganas yang menyalahi Islam dan peraturan-peraturan syariah serta mencemar imej agama Islam. Malaysia juga mempunyai pendirian jelas terhadap IS. Selain menyenaraikan IS sebagai kumpulan pengganas, Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan kali ke-106 baru-baru ini telah merumuskan penyertaan umat Islam negara ini dalam kumpulan militan IS di Iraq dan Syria adalah bertentangan dengan syarak dan kematian mereka tidak dikategorikan sebagai mati syahid. Ini berdasarkan hujah bahawa kumpulan ini memerangi dan membunuh sesama Islam.

Saya merasakan bahawa sebagai sebuah negara yang turut mempelopori pendirian *wasatiyyah* sebagaimana tuntutan ajaran Islam dalam semua aspek. Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan fahaman *extreme* IS adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan Perlembagaan Negara. Sehubungan dengan ini, Malaysia akan mempertingkatkan usaha menjelaskan jihad yang sebenar serta memperbetulkan persepsi barat yang kerap mengaitkan Islam dengan keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, melihat potensi ancaman daripada kumpulan ini kita bimbang dan tidak dapat dinafikan kepulungan rakyat Malaysia dari kawasan konflik di Syria dan Iraq boleh

meningkatkan lagi risiko keselamatan kepada negara. Lebih menakutkan lagi dengan pengalaman yang mereka ada taktik peperangan yang mereka miliki, militan-militan ini berupaya melakukan aktiviti pengganasan secara bersendirian dengan izin Tuan Yang di-Pertua sebagai *lone wolf*.

Dengan kepakaran ketenteraan dan kemahiran membuat bom yang diperoleh di Syria mereka berpotensi melancarkan serangan pada bila-bila masa sehingga boleh menyebabkan kehilangan nyawa dan kemusnahan yang besar kepada harta awam. Pada masa yang sama kita berasa kluatir mereka akan mewujudkan semula sel-sel pengganas dan membentuk jaringan dengan kumpulan-kumpulan militan sedia ada dalam negara atau dan serantau.

Umpamanya mereka boleh membentuk jaringan dengan kumpulan Abu Sayyaf di kepulauan Mindanao Selatan Filipina yang telah melakukan sumpah taat setia kepada IS. Oleh kerana kawasan operasi kumpulan Abu Sayyaf ini amat hampir dengan Pantai Timur Sabah, ia akan meningkatkan risiko keselamatan di kawasan ini. Setakat ini terdapat lima orang suspek Malaysia yang dipercayai masih bersembunyi di selatan Filipina. Sekiranya rangkaian IS berjaya wujud di Sabah, tidak mustahil ia akan merebak ke Sarawak sehingga menggugat keselamatan dan keharmonian pelbagai kaum di sana.

Cabaran pada masalah ini amat besar, kerana IS menggunakan media sosial untuk mengembangkan ideologinya bagi menarik sokongan masyarakat khususnya menyasarkan generasi muda. Apatah lagi IS turut menggunakan pelbagai bahasa asing dalam propaganda dan pujukan mereka termasuk bahasa Indonesia yang dilihat sebagai satu strategik IS untuk menarik sokongan serta simpati penduduk Islam yang besar bilangannya di rantau Asia Tenggara.

Dalam menghadapi ancaman ini, telah sampai masanya bagi kerajaan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mengekang pengaruh IS. Ini sejajar dengan tindakan negara-negara lain yang mana telah memperkenalkan dan memperkemas undang-undang Anti Pengganasan sebagai jalan utama menangani ancaman pengganasan. Sehubungan itu Kertas Putih ini mencadangkan satu undang-undang baru yang sesuai digubal untuk membanteras dan mengambil tindakan terhadap rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti militan dan kumpulan pengganas. Kerajaan bercadang membenteng rang undang-undang ini pada sesi Parlimen akan datang. Selain daripada itu Kertas Putih ini juga mencadangkan pemerkasaan undang-undang sedia ada seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) atau SOSMA, Akta Pencegahan Jenayah (POCA) dan Kanun Keseksaan khusus bagi menangani ancaman pengganasan dan militan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melihat konflik di Syria dan Iraq ini pihak kerajaan menghormati keprihatinan rakyat Malaysia terhadap krisis kemanusiaan yang sedang berlaku di sana. Kerajaan juga berpegang pada prinsip kebebasan bersuara dan hak asasi manusia terhadap akses pada media sosial. Namun adalah menjadi tanggungjawab semua untuk memastikan ia tidak mengancam keselamatan negara. Kerajaan sedar undang-undang sahaja tidak mencukupi untuk membendung ideologi IS.

Saya amat berharap supaya mendapat sokongan daripada semua lapisan rakyat supaya tidak terpengaruh dengan kefahaman sedemikian. Saya ingin menyeru kepada semua rakyat Malaysia terutama golongan belia dan ibu bapa supaya menolak ideologi *extreme* yang boleh merosakkan masa hadapan kita semua. Keharmonian dan keamanan yang kita kecapai selama ini tidak ternilai dan harus terus dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan adalah diharapkan Kertas Putih ini dapat menjelaskan dengan lebih mendalam tentang IS dan ancamannya kepada keselamatan negara. Kerajaan mencadangkan penggubalan satu rang undang-undang khusus serta pemerkasaan akta-akta sedia ada. Selain daripada undang-undang, semua lapisan rakyat perlu bersama-sama kerajaan menolak sebarang ideologi ekstrem dan yakin bahawa konsep *wasatiyyah* adalah jalan terbaik untuk menjamin keamanan dan kesejahteraan Malaysia sebagai negara berbilang kaum. Pada masa yang sama Malaysia akan terus komited untuk bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa menangani ancaman *radicalism*, *extremism*, pengganasan dan militan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bentang sebentar tadi terbuka untuk dibahas. Sebelum saya memanggil Ahli-ahli Yang Berhormat yang bahas, kita ada lagi lebih kurang sejam kerana perkara ini perlu dibuat keputusan pada tepat jam satu. Jadi saya mahu Menteri yang menggulung nanti lebih kurang 15 minit. Jadi saya terpaksa bagi masa. Saya telah diberi tiga nama daripada pihak pembangkang iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Tumpat dan Yang Berhormat Gelang Patah. Masing-masing mewakili parti masing-masing.

Saya diberi senarai daripada penyokong kerajaan seramai 14 orang. Jadi saya mohon kalau saya bagi 10 minit kepada seorang pembahas, bermakna sebelah pembangkang dapat setengah jam. Kalau menteri menggulung dalam masa 10 minit atau 15 minit, kalau ada tiga orang dari *backbenchers*, bermakna lima minit setiap seorang. Jadi setengah jam, setengah jam.

■1200

Saya menunggu nama dari penyokong kerajaan, tiga orang. Jadi untuk tidak membuang masa, jangan banyak-banyak berbunga-bunga, sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Permatang Pauh untuk memulakan hujah. Sepuluh minit Yang Berhormat. *[Tepuk]*

12.00 tgh.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyatakan sokongan atas langkah dan usaha kerajaan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi dalam menangani ancaman keganasan pelampau *Islamic State* (ISIL) atau (ISIS), kerana ia memerlukan muafakat seluruhnya di negara kita. Pertama yakin bahawa masalah ini adalah masalah yang nyata, dengan fakta yang jelas yang merupakan malapetaka kepada umat terutama di dunia Islam. Belum pernah dalam sejarah

mutakhir negara Islam telah diancam dari pergelutan serangan luar dan serangan dalam sehabat ini. Oleh demikian, kesungguhan kerajaan bersama untuk menangani masalah ini harus disegerakan dan mendapat dokongan.

Keduanya, saya juga mengalu-alukan tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan Kertas Putih di Parlimen. Satu tradisi dan amalan yang sihat, yang saya percaya boleh diteruskan terutama dalam menangani isu-isu nasional dan internasional yang besar yang sama-sama kita hadapi. Saya tidak mahu mengulang kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kumpulan pelampau *Islamic State* itu ternyata ditolak bukan sahaja oleh sarjana dan ulama tetapi oleh rakyat. Akan tetapi ia ada tarikan sendiri, sebab itu perlu ada usaha penjelasan yang teliti dan matang dan kita lihat umpamanya beberapa kenyataan yang dibuat oleh persatuan sarjana atau ulama sedunia sama ada oleh Sheikh Qaradawi yang menolak ISIL, tetapi dengan penjelasan yang agak *detail* menolak hujah mereka.

Ini saya fikir penting dilakukan oleh kerajaan kerana isu ini lebih menyentuh sentimen umat Islam terutama di kalangan muda dan tidak mudah hanya membuat kenyataan menolak tanpa ulasan dan hujah yang kuat bersandarkan hujah-hujah yang dikemukakan oleh para ulama berdasarkan hujah-hujah al-Quran, Sunah dan juga tafsiran mereka. Umpamanya Sheikh Abdallah bin Bayyah, bukan sahaja menukil dari ayat-ayat al-Quran tetapi juga kenyataan penegasan, peringatan oleh Khalifah Umar Al-Khattab r.a. tentang usaha orang mengangkat diri tanpa musyawarah.

Pesanan beliau kepada anak-anak muda yang mengangkat senjata menentang tanah air mereka sendiri dan memusnahkan negara dan rakyat mereka. Dengan hujah yang jelas menyatakan bahawa langkah-langkah mereka memusnahkan tanaman, membunuh orang tua, wanita dan kanak-kanak itu keganasan yang dibenci oleh Allah SWT. Maknanya mereka meninggalkan kesemua nilai Islam, memusuhi seluruh dunia tetapi masih mempunyai tarikan di kalangan beberapa orang anak muda. Oleh sebab itu penjelasan yang teliti patut dibuat.

Saya juga ingin Kerajaan Malaysia meneliti ulasan oleh Pertubuhan Ulama Sedunia yang dipengerusikan oleh Sheikh Qaradawi tetapi kenyataan dibuat oleh Prof. Dr. Ahmad Al-Raysuni kerana hujah beliau itu menangkis setiap hujah yang dibuat oleh ISIL, tentang kedudukan dan kesempurnaan hujah mereka (Khilafah 'Ala Minhaj Nubuwwah), itu yang memberikan tarikan kepada anak-anak muda, bukan sahaja sebagai khalifah biasa tetapi khilafah rasyidah (Khilafah 'Ala Minhaj Nubuwwah) yang memberikan tarikan ke dalam dan mereka mengatakan kegagalan pemerintah di dunia Islam melaksanakan bukan sahaja syariat Islam tetapi prinsip keadilan itu sendiri.

Jadi oleh yang demikian, saya untuk menyelamatkan terutama di negara kita selain daripada slogan-slogan *wasatiyyah* dan sebagainya yang perlu ialah penjelasan termasuk apa yang disebut oleh Perdana Menteri tentang apa yang dimaksudkan maqasid syariah itu. Maqasid itu matlamat syariah yang murni yang menjamin keselamatan, yang menegakkan hukum, yang menolak kezaliman, yang meletakkan asas-asas dan prinsip tata kelola pemerintahan yang adil yang tidak menyerang rakyat dan menimbulkan rasa benci rakyat kepada sistem yang wujud.

Oleh sebab itu sementara saya menyatakan sokongan jelas dan tegas, saya juga ingin mengingatkan kerajaan supaya jangan hanya menyebut soal ISIL di Syria kerana malapetaka di Syria itu dimulakan oleh Bashar al-Assad sehingga ratusan ribu terkorban. Jadi bahaya kita boleh bincang soal keganasan ISIL ini seolah-olah menutup kezaliman pembunuhan terang-terang ratusan ribu orang terkorban, tidak ada bicara. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, bahasa wacana kita, *language of discourse*, itu tidak patut hanya tertakluk kepada London atau Washington. Sementara kita menyokong langkah peringkat internasional, baik Amerika Syarikat atau Eropah dan dunia Arab, tetapi kita harus juga tahu bahawa apa yang kita hendak tegakkan ialah prinsip murni Islam dan keadilan.

Oleh sebab itu kezaliman dalam bentuk apa pun tidak harus dipertahankan ataupun didiamkan. Ini kerana kalau kita berbicara, berbeza dengan kenyataan-kenyataan ulama yang berwibawa, bila kita berbicara soal ISIL dan juga berbicara tentang malapetaka umat oleh kerana kezaliman penguasa-penguasa Arab yang ada. Ini berterusan dan ada kebimbangan disuarakan bahawa tindakan terhadap penganas ISIL ini, itu seolah-olah memberi sedikit lagi ruang kepada tokoh-tokoh pemimpin zalim seperti Bashar al-Assad untuk meneruskan rencana dan muslihat mereka.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya beri contoh umpamanya, yang terbaru, UAE...

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Permatang Pauh, boleh saya mencelah?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Sekejap, sekejap. Imarat umpamanya baru membuat satu keputusan kerajaan yang menyatakan Sheikh Qaradawi termasuk penganas dan dua buah organisasi yang cukup berwibawa di England iaitu *Muslim Council of Britain* dan *Care Islamic Relief* yang paling efektif di Amerika Syarikat, itu juga dianggap sebagai penganas. Walaupun ini ditolak oleh pentadbiran Amerika Syarikat, saya lihat kenyataan John Kerry yang menyatakan, "*Kami tidak tertakluk dengan pendapat ini.*" Akan tetapi bahayanya Tuan Yang di-Pertua ialah apabila kita diminta menyokong langkah ini, pemerintah menggunakan ini untuk menghentam kalangan yang tidak cocok dengan sikap dan pendirian mereka.

Kita ambil pengalaman tahun 1960 tatkala dibentangkan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan alasan pada masa itu cukup jelas. Ini ada kaitan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan hendak pinda undang-undang dan hendak diperkuatkan, yang pada prinsipnya saya boleh menyokong kerana soal keganasan ini, penganas ini, militan harus ditangani secara menyeluruh, *winning the heart and lines all the people*.

Akan tetapi kebimbangan saya ialah tahun 60-an bila umpamanya wakil-wakil PAS di Parlimen menyokong dengan jaminan ISA itu untuk komunis militan, maknanya bukan sahaja komunis, komunis yang angkat senjata. Akan tetapi akibatnya ISA digunakan kepada ramai yang

menjadi mangsa. Termasuk dari Menteri UMNO sendiri, Abdul Aziz bin Ishak dan lain-lain. *[Disampuk]* Saya tidak kiralah. Jadi oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingat pesanan ini.

Kedua, saya hendak sebut dalam perkara ini ialah tentang hal yang berkaitan dengan *Global Terrorism Index*. Saya minta sementara menyokong langkah kerajaan dan menyokong langkah-langkah yang diambil umpamanya dalam hal ini ialah Cawangan Khas Polis kerana ia dapat mengenal pasti dan kita tahu prestasi Cawangan Khas Polis dalam perkara ini dan peruntukan yang besar kepada mereka. Akan tetapi kita juga harus menjawab beberapa kritikan besar.

■1210

Umpamanya, *Global Terrorism Index* yang dikeluarkan oleh *Institute for Economics and Peace*. Selain daripada menyebut semua negara lain dan kematian yang besar, juga menyatakan masalah yang harus ditangani oleh Kerajaan Malaysia. *The majority of claimed death from terrorist attacks, 66% in 2013 are claimed by only four terrorist organizations, ISIL, Boko Haram, Taliban and Al-Qaeda and its affiliates*. Akan tetapi yang puncanya yang harus kita ketengahkan Tuan Yang di-Pertua ialah *weak political system and lack of political legitimacy and the presence of state sponsored violence*. Ini saya akan kaitkan dengan Syria dan juga peringatan kepada kerajaan supaya waspada tentang perkara ini. Ini kerana Malaysia berada dalam kedudukan 48 daripada 124 negara yang dianggap menghadapi ancaman kurang keupayaan memantau mengikut *Global Terrorism Index 2014*.

Jadi sebab itu, saya ingin sentuh sedikit sahaja lagi tentang contoh yang belum dijawab. Dalam kes keganasan dan wujudnya sel pengganas yang menggunakan nama Islam ini di Malaysia. Umpamanya, yang dikaitkan juga dengan peristiwa 9/11. Saya tidak kira sama ada hujah kita mendukung atau— Tafsiran yang dibuat oleh pihak negara lain. Apa yang saya hendak persoalkan ialah apa jawapan kita bila ada tuduhan bahawa kita lemah dalam mengenal pasti punca masalah. Umpamanya, Khalid al-Mindar, anggota Qaeda ke Kuala Lumpur, mesyuarat penting Qaeda di Kuala Lumpur. Dia terlibat, kemudian memang betul *Special Branch* berikan gambar, foto-foto ini kepada CIA.

Akan tetapi soalnya ialah bagaimana Ahmed Hikmat Shakir bekerja dengan MAS dan mengatur kehadiran Khalid al-Mindar, anggota Qaeda ke Kuala Lumpur dan mesyuaratnya di Kuala Lumpur. Harus ada penjelasan mengapa mengambil masa setengah tahun atau satu tahun untuk *Special Branch* mengenal pasti hal ini. Mungkin Perdana Menteri boleh bantu supaya *Special Branch* tumpu perhatian kepada pengganas dan jangan banyak sangat pantau kami ini. Jadi, kerja dia boleh lebih baik. *[Tepuk]*

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Mencelah sedikit.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Jadi, untuk rumusannya, kerana saya faham rakan-rakan hendak bangkitkan. Saya hendak ulang. Pertama, menyokong langkah ini. Kedua, memberi peringatan jangan kita guna wacana seperti mana yang digunakan oleh Barat atau negara-negara yang tidak mempunyai tata kelola pemerintahan demokratik yang baik. Ini kerana bahaya melebarkan hukuman ini kepada yang lain. Kita pernah lihat di sini juga, tidak

suatu yang aneh. Pernah berlaku di mana undang-undang yang ada, yang disokong kerana muafakat hendak bina negara, hendak jamin keselamatan, dikenakan secara zalim kepada yang tidak sepatutnya.

Kedua, saya hendak sebut juga di sini bahawa sementara kita menyokong langkah mengutuk ISIL, kita harus mendidik rakyat. Mendidik rakyat kalau digunakan maqasid itu adalah dengan menjamin tata kelola pemerintahan yang baik dan tidak menghina dan mendera rakyat.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: *[Bangun]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Dalam konteks ini juga, saya ingin menekankan kepada Ahli Yang Berhormat, sementara memberi sokongan, supaya undang-undang yang bakal diperkenalkan harus tegas dalam usaha menangani permasalahan pengganas. Akan tetapi tidak ada ruang sama sekali untuk diguna, ditafsir untuk tujuan dan muslihat politik sempit yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah diberi tiga nama daripada penyokong kerajaan iaitu yang Tanjong Karang, Yang Berhormat Mas Gading dan Yang Berhormat Kinabatangan. Saya ingatkan kembali bahawa masa suntuk. Tolong kalau boleh jangan ganggu pembahas. Yang Berhormat Tanjong Karang, ada lima minit. Sila.

12.15 tgh.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Saya hendak ucapkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah pun membentangkan Kertas Putih mengenai IS ini. Yang mana telah pun mendedahkan bahaya fahaman radikal dan juga ekstrem IS yang bertentangan dengan ajaran Islam, amalan demokrasi dan juga nilai-nilai kemanusiaan. Perkara ini penting kerana kalau kita tidak atasi daripada sekarang, ia akan memberikan kesan kepada dua. Pertama, di peringkat antarabangsa, seolah-olah Malaysia ini merupakan negara yang melahirkan *terrorist*. Banyak sudah, dahulu di Indonesia pun kita lihat ada dua orang yang telah pun mati dibunuh. Ini kita kena ubah persepsi negatif bahawa Malaysia bukannya negara yang melahirkan *terrorist*. Kedua ialah mengenai keselamatan dalam negara ini sendiri Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana kita lihat bahawa kalau pengaruh IS ini dibawa ke Malaysia, ia akan menyebabkan negara kita berada dalam keadaan huru-hara.

Kita lihat dalam negara kita, bukannya perkara baru kita menghadapi ancaman-ancaman *terrorist* seperti ini. Kita pernah menghadapi dengan Jemaah Islamiyah (JI). Kita telah pun menahan 136 orang JI di bawah ISA. Kita juga menghadapi dengan Abu Sayyaf, tujuh orang kita tahan di bawah ISA. Darul Islam, 29 orang kita tahan di bawah ISA. Kita juga menghadapi dengan KMM, pun kita ada tahan bawah ISA. Jadi, ini menunjukkan bahawa kalau tuduhan mengatakan ISA ini digunakan untuk kepentingan politik adalah tidak betul. Daripada angka yang saya sebutkan tadi, bahawa ISA digunakan untuk kita menjaga keselamatan di dalam negara kita.

Oleh sebab hari ini ISA sudah tidak ada, maka saya hendak mencadangkan suatu undang-undang khusus mesti dibuat untuk kita mengatasi *terrorist* dan juga keganasan. Kita lihat

di beberapa buah negara telah pun ada undang-undang khusus untuk mengatasi *terrorist* dan juga keganasan. Di US, ada PATRIOT 2001, undang-undangnya. Di UK, ada Terrorism Act 2006. Di Australia, ada Terrorism (Preventive Detention) Act 2005 (Qld). Di Indonesia pun ada, *Combating Criminal Acts of Terrorism, Regulation of the Republic of Indonesia No. 1/2002*. *Singapore* apatah lagi, masih kekal dengan ISA.

Ini menunjukkan bahawa untuk kita menjaga keselamatan dalam negara kita, kita mesti ada satu undang-undang. Walau apa pun orang kata undang-undang ini, kita mesti kembalikan undang-undang yang tangkap tanpa bicara, walaupun hari ini... [*Dewan riu*] Apa? Walaupun hari ini kita ada undang-undang SOSMA (Security Offences (Special Measures) Act 2012 dan Prevention of Crime Act 1959. Saya ingat undang-undang ini walaupun kita sudah luluskan di Parlimen tetapi tidak mencukupi untuk kita hendak mengatasi masalah *terrorist* dan juga keganasan.

Ini kerana kedua-dua undang-undang ini, kalau kita lihat SOSMA, kita tangkap, kemudian kita dakwa di bawah undang-undang biasa setelah beberapa hari kita tahan. Bermakna, kedua-dua undang-undang ini kebanyakan kepada hukuman. Maka, satu undang-undang baru yang mungkin sepertimana Yang Berhormat Permatang Pauh katakan tadi, khusus ditujukan kepada militan dan juga keganasan. Boleh kita katakan akta anti keganasan dan juga militan, yang mana khusus undang-undang ini akan digunakan kepada mereka yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti keganasan seperti ini.

Ini kerana undang-undang seperti ini penting. Undang-undang ini penting kerana ada pemulihan. Pemulihan cukup penting. Kalau kita lihat bawah SOSMA, apabila dia ditahan, dia akan dipenjarakan 30 tahun di bawah undang-undang yang sedia ada. Maka, yang penting ialah pemulihan semula kepada mereka yang terlibat. Saya hendak mengambil contoh Tuan Yang di-Pertua, bahawa pengalaman saya melawat Kemunting di mana polis kita ini cukup hebat, ASP kita cukup hebat. Ini diakui sendiri oleh seorang tahanan ISA. Sewaktu saya melawat di ISA, seorang rakyat Indonesia ditahan kerana terlibat dalam JI.

■1220

Tahanan ini bercerita dengan saya, dia puji polis Malaysia kerana dia mengakui bahawa dia... [*Disampuk*] Ini cerita betul, ini cerita betul.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang boleh?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini masalah pembangkang. Saya cakap ini cerita betul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam, tidak ada masa lagi Yang Berhormat. Sekarang ini pun lima minit sudah berhujah. Tolonglah Yang Berhormat beri kerjasama, tidak ada masa.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak ada jalan, tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tanjong Karang. Gulung Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak beritahu ialah tentang kecekapan polis kita. Ini diakui oleh seorang tahanan. Saya tanya dia, “*Bagaimana saudara boleh kena tahan ISA, di bawah JI?*” Dia kata, “*Dia betul, baru balik dalam perjalanan daripada Filipina singgah di Sandakan untuk jumpa kawan. Singgah di Sandakan sahaja, telah pun ditahan oleh polis kita*”. Ini menunjukkan bahawa polis, SB kita cukup cekap untuk mengawal gerakan-gerakan militan seperti ini. Maka kuasa seperti ini harus kita teruskan, kita berikan kepada polis.

Keduanya ialah pemulihan. Ini pun kisah benar. Bulan lepas saya jumpa seseorang di *shopping complex*, dia tanya saya, dia kata, “*Datuk kenal saya ke tidak?*” Saya kata “*Saya tidak kenal.*” Dia cerita beliau ialah bekas tahanan ISA. Dia lepas bawah JI dan hari ini dia hidup dengan melibatkan dalam perniagaan dan beliau beritahu saya bahawa kesan daripada tahanan ISA apabila pemulihan dibuat kepada beliau, maknanya beliau pada masanya tidak sedar bahawa dia terlibat dengan GI. Ini kisah benar kerana dia kata dia tidak sedar dia terlibat kerana pada masa itu dia terikut kawan, akhirnya dia ditahan.

Apabila dia ditahan di bawah ISA, ada pemulihan dan hari ini dia kembali ke dalam masyarakat dan menjadi seorang ahli perniagaan. Jadi, saya hendak cadangkan kesimpulannya ialah satu undang-undang yang baru, anti keganasan dan juga *the terrorist* di sini hendaklah di perkenalkan di Malaysia supaya mereka yang terlibat dapat kita tahan dan juga proses pemulihan boleh kita adakan. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat, okey sila.

12.23 tgh.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama DAP mengalu-alukan Kertas Putih dan usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendapatkan sokongan Parlimen ke atas usaha kerajaan bagi menangani ancaman IS. Sebelum saya teruskan, izinkan saya mengatakan bahawa inilah satu antara tiga *unfinished business* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri patut buat dalam Parlimen ini sebelum kita tangguh esok.

Ada dua perkara yang amat penting iaitu mengenai Laporan *Royal Commission of Inquiry, illegal immigrants* di Sabah, ini pun penting dan lagi satu ialah satu kenyataan *ministerial* mengenai skandal 1MDB. Saya harap bahawa sungguh pun esok hari yang terakhir bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bolehlah *finish* kedua-dua perkara ini dan kemukakan Laporan *Royal Commission of Inquiry* dan *ministerial statement* mengenai 1MDB skandal yang berbilion-bilion ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin satu-satunya Ketua Kerajaan di dunia yang secara terbuka pernah memuji kumpulan IS atau ISIL dan ISIS sebelumnya. [*Dewan riu*] Apabila beliau menggesa ahli-ahli UMNO pada 24 Jun supaya mencontohi apa yang beliau disifatkan sebagai keberanian ISIL dan ISIS supaya UMNO dapat terus bernyawa.

Seorang Ahli: Mabukkah?

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Sungguhpun Yang Amat Berhormat kemudiannya telah mengecam IS... [*Dewan riuh*] tanpa sebarang keraguan dan syarat dalam Perhimpunan Agung PBB pada 26 September, ia masih tidak mampu menghapuskan kesan buruk pujian beliau yang tidak tepat terhadap IS pada bulan lalu. Sebenarnya bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir pun sangat terperanjat mengenai pujian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dia pernah berkata dia berharap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu apa yang dia cakap.

Kertas Putih ini menunjukkan bahawa pihak berkuasa telah mengesan aktiviti rakyat Malaysia yang disyaki mempunyai kaitan dengan IS. Pada tahun 2012 dan jika benar, Yang Amat Berhormat berhutang penjelasan sebenarnya kepada Parlimen dan kepada negara bagaimana beliau boleh dinasihatkan untuk memberi pujian secara terbuka kepada penganas IS atau ISIL, ISIS pada masa itu dan ini sama ada menunjukkan *laps security intelligence* atau *misjudgement* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau sendiri.

Walau bagaimanapun, akhirnya beliau adalah berharap untuk menamatkan perkara ini dengan kenyataan yang sangat patut dipuji dalam *General Assembly* PBB dan apa yang mustahak di sini ialah bahawa dalam usul ini ada berkata bahawa kertas putih Malaysia berdiri teguh bersama masyarakat antarabangsa untuk menentang kumpulan penganas. Ini kerana perjuangan IS mencemarkan nama baik Islam dan bertentangan dengan nilai kemanusiaan.

Malah Pergerakan Kesederhanaan Global (GMM) harus berada di barisan hadapan dalam kempen antarabangsa untuk menggerakkan pandangan dunia terhadap penganas IS. Ini kerana Yang Amat Berhormat telah berulang kali membuat seruan dalam forum antarabangsa termasuk dalam Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu supaya para *moderate* daripada semua negara, semua agama untuk mengambil kembali jalan tengah untuk menuntut semula agenda keamanan dan *pragmatism* dan meminggirkan golongan pelampau.

Malangnya pergerakan GMM yang dimulakan oleh Yang Amat Berhormat tidak dapat menyahut cabaran besar kali ini untuk menggerakkan *opinion* kebangsaan atau antarabangsa terhadap *extremism*, keganasan dan tiada toleransi agama di Syria dan Iran. Ini kerana ia sedang jenuh menangkis serangan puak *extremist* dan haluan kanan yang tidak bertoleransi di dalam negara ini kerana badan ini dianggap sebagai satu badan yang tidak sah. Oleh kerana dikatakan untuk mahu melahirkan pendapat yang *extremist* GMM merupakan fahaman yang tidak selaras dengan kesederhanaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang mustahak ialah kalau kita berjaya dalam GMM, Yang Amat Berhormat mesti *a line* dasar-dasar domestik dengan deklarasi antarabangsa atau beliau akan kehilangan semua rasa hormat dan kredibiliti sama ada di negara sendiri atau di arena antarabangsa. Ucapan beliau dalam *General Assembly* PBB kali yang pertama pada 27 September 2010, beliau pada kali yang pertama untuk mengemukakan cadangan GMM. Beliau memuji sekumpulan Kristian Amerika yang telah bekerja tanpa mengenal penat lelah untuk mengelakkan ugutan pembakaran al-Quran dengan hujah yang menarik bahawa ia adalah sebenarnya tidak Kristian untuk membakar al-Quran.

Akan tetapi apabila Presiden Perkasa Yang Berhormat Ibrahim Ali buat ugutan mahu bakar *Bible*, beliau tidak rela untuk tampil ke hadapan untuk menutup bahawa itulah *unIslamic* apa-apa ugutan untuk membakar *Bible* atau apa-apa *sacred book*, apa-apa agama. Ini sebabnya perlulah ada satu contoh yang patut ditunjuk oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau sendiri. Yang Amat Berhormat perlu sedar bahawa kempen *wasatiyyah*, kesederhanaan beliau demi keadilan, keseimbangan dan kecemerlangan tidak mempunyai kredibiliti melainkan dasar-dasar kesederhanaan pun dijalankan di dalam negara kita ini.

Oleh sebab itulah semua mata sekarang tertumpu pada UMNO *General Assembly*. Adakah UMNO *General Assembly* akan dengan izin *grow the line the sand* bahawa menunjukkan ia berdiri atas kesederhanaan dan menolak segala kefahaman *extremism* dan kalau bagaimana kita boleh berjaya dalam kempen, apa ertinya usul di hadapan Dewan yang mulia ini?

■1230

Tuan Yang di-Pertua, usul di hadapan Dewan meminta sokongan dasar dan usaha-usaha kerajaan untuk menangani ancaman daripada militan. Apa yang mustahak ialah bahawa kalau kita mahu berjaya dalam tujuan ini, bahawa kita perlu ada satu pendekatan yang meliputi semua rakyat. Seandainya dalam pergelutan demi kesederhanaan ini, kempen GMM mahu berjaya di peringkat nasional atau antarabangsa dalam menghadapi ancaman yang ditimbulkan oleh IS dan pelampau sepertinya. Pihak yang tidak bertoleransi dan pertubuhan-pertubuhan penganas, ia mesti menjadi usaha untuk penyatuan nasional bagi semua rakyat Malaysia daripada semua kaum dan agama melangkaui bangsa, agama atau politik.

Atas sebab ini, saya mencadangkan diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk menggembelng sokongan demi kesederhanaan dan mendraf undang-undang dan langkah-langkah untuk menangani ancaman IS. Ini kerana ancaman oleh pihak pelampau, golongan yang tidak bertoleransi dan pertubuhan-pertubuhan penganas seperti IS tidak boleh ditentang dan memenangi melainkan jika ia adalah usaha bersama seluruh rakyat Malaysia dan bukan hanya UMNO atau Barisan Nasional.

Terutamanya pada ketika kerajaan UMNO BN hanyalah sebuah kerajaan minoriti dengan sokongan rakyat minoriti di Malaysia. [*Dewan riu*] Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk menggembelng sokongan untuk kesederhanaan dan untuk menggubal undang-undang dan langkah-langkah untuk menangani ancaman IS perlu ditubuhkan sebelum Parlimen ditangguhkan esok sehingga Mac tahun depan. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Mas Gading.

12.32 tgh.

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Kami cuma akan panggil nama-nama yang telah dimajukan kepada saya Yang Berhormat.

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]: Ini kerana memberi peluang kepada saya mewakili Ahli Yang Berhormat dari Bintulu, Pemangku Presiden SPDP untuk menyatakan

sokongan kami kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan ke atas usaha untuk menangani ancaman IS dan kumpulan militan.

Presiden Obama mengatakan dengan izin, *"No religion condones the killing of innocents."* Tidak ada mana-mana agama di dunia ini yang membenarkan pembunuhan sesama manusia. Apatah lagi kumpulan IS dilaporkan membunuh orang yang tidak bersalah termasuk memenggal kepala mereka. Ketua *Human Rights* di *United Nations*, Navi Pillay menyatakan dengan izin, *"Such cold-blooded, systematic and intentional killings of civilians, after singling them out for their religious affiliation, may amount to war crimes and crimes against humanity"*. Saya menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyifatkan tindakan militan IS adalah bertentangan dengan Islam dan kemanusiaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menegaskan kumpulan itu yang menggelarkan diri sebagai pejuang jihad tidak mewakili Islam yang sebenarnya.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa dengan izin, *"Terrorism has no nationality or religion. It is contempt to human dignity. Several group called themselves Jews, Christian, Hindus, Buddhist or Muslims have used religion to proof of their agenda issues and belief. And none of these groups represent the true religion"*. Maka tiada pihak yang boleh menggunakan agama dan kepercayaan mereka untuk menyebarkan sebarang fahaman ekstremis atau bertindak ganas. Kumpulan IS mendakwa ideologinya berlandaskan kepada Al-Quran dan Hadis. Akan tetapi sebenarnya dengan jelas menunjukkan kumpulan ini tidak sama sekali mencerminkan kemuliaan Islam yang sebenar.

Amalan-amalan IS jelas tidak berlandaskan kepada Islam malah ulama-ulama Islam sendiri menyifatkan IS sebagai sesat ataupun dengan izin, *"modern the deviance"*. Kumpulan ini menggunakan agama untuk kepentingan politik di mana mereka sanggup membunuh sesiapa sahaja yang menghalang agenda mereka. Malaysia selaku negara perintis Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) yang memegang kepada konsep *wasatiyyah* sememangnya mengutuk sekeras-kerasnya sebarang bentuk ekstremis ataupun fahaman melampau agama. Saya memohon supaya pihak kerajaan mengambil tindakan tegas dan drastik terhadap mana-mana pihak yang menyokong atau menjadi dalang kepada penularan kumpulan bersifat militan IS di Malaysia tanpa mengira bangsa, agama, kaum mahupun fahaman politik.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia harus juga memantau aktiviti kumpulan-kumpulan sebegini di media sosial. Memandangkan media sosial menjadi saluran utama dalam merekrut ahli-ahli baru khususnya generasi muda. Menyertai gerakan IS adalah satu kesalahan dan boleh didakwa di bawah Akta 574 Keseksaan dan boleh disiasat mengikut prosedur di bawah Akta Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau SOSMA.

Namun saya ingin mencadangkan supaya kerajaan merangka satu lagi undang-undang baru anti keganasan sebagai langkah pencegahan untuk membendung penularan kumpulan sebegini di Malaysia. Saya berharap semua pihak akan mengetepikan perbezaan masing-masing termasuk fahaman politik khususnya pada pihak pembangkang dan seterusnya bersatu dan berganding bahu dengan kerajaan dalam membendung penyebaran ideologi IS untuk

memelihara keamanan dan keharmonian negara yang kita sayangi. Malaysia dan rakyatnya harus sentiasa berpegang kepada konsep *wasatiyyah*. Prinsip *wasatiyyah* dan ketegasan menentang keganasan telah menjadi faktor mempengaruhi kejayaan Malaysia dipilih sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Penubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Bagi parti SPDP, kami sebulat suara mengutuk dan menolak sekeras-kerasnya kumpulan ekstremis, fahaman melampau agama dan ganas bersifat militan IS. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat.

12.36 tgh.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: *Assalamualaikum* Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mewakili parti saya, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) untuk sama-sama membahaskan dan menunjukkan pandangan kami berkaitan dengan tindakan puak-puak tertentu yang menggunakan keganasan untuk mencapai matlamat politik mereka.

Tuan Yang di-Pertua, nama IS atau ISIS atau ISIL ataupun negara Islam tiba-tiba menjadi popular dan menjadi sebutan harian media apabila mereka didakwa menakluki Mosul di Iraq pada 10 Jun 2014. Ia menjadi sangat menarik apabila kumpulan IS yang dikatakan tidak lebih daripada 1,000 anggota mampu menghalau keluar lebih 30,000 tentera Iraq yang dilatih oleh Amerika. Bahkan tentera Iraq dikatakan lari lintang-pukang meninggalkan senjata dan kenderaan tentera. Keanggotaan ISIS di seluruh Iraq pada akhir tahun 2012 dianggarkan hanya 2,500 orang.

Perkara ini lebih menarik perhatian lagi apabila kita perhatikan sebagaimana Yang Berhormat Gelang Patah sebutkan tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri apabila dalam ucapan beliau sempena 20 tahun UMNO Bahagian Cheras meminta ahli UMNO mencontohi keberanian ISIS yang kata beliau dengan hanya 1,300 orang berjaya mengalahkan 30,000 tentera Iraq. Bahkan kata beliau lagi Jeneral Iraq sehingga empat, lima bintang lari ikut tingkap di waktu malam. Untuk berlaku adil, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ayat-ayat selepas itu juga ada menyebut sama ada kita bersetuju atau tidak, itu soalan lain. Akan tetapi ucapan yang asal tadi itu telah sebagaimana Yang Berhormat Gelang Patah kata, mempunyai implikasi yang amat mendalam dan lama kesannya, yang agak negatif terhadap masyarakat dan seluruh dunia.

Lebih menghairankan lagi Tuan Yang di-Pertua, kumpulan ISIS yang dikatakan sedikit itu terus mara dengan pantas menguasai Utara dan Barat Iraq. Dalam masa seminggu mereka telah berada di sekitar Baghdad hampir 400 kilometer dari Mosul. CNN dalam laporannya pada 18 Jun 2014 melaporkan pertempuran dengan ISIS berlaku di Baquba iaitu 40 minit perjalanan kereta daripada Baghdad.

Tuan Yang di-Pertua, umumnya ISIS mempunyai hubungan buruk dengan dan ditentang oleh hampir seluruh ulama, masyarakat dan semua kumpulan pembebasan di Iraq sama ada

yang berasaskan Islam atau daripada kumpulan Syiah ataupun kabilah mahupun bekas anggota seperti *Islamic Army of Iraq*, *Hamas of Iraq*, Briged Revolusi 1920, Jamaat Ansar al-Sunnah, tentera mujahidin atau tentera al-Mahdi. Bukan sahaja di Iraq, ISIS juga menimbulkan kemarahan sekumpulan pejuang di Syria. Percubaan ISIS untuk mengembangkan sayap ke Syria ditentang oleh semua kumpulan pejuang Syria sama ada yang berasaskan Islam mahupun sekular.

■1240

Pada awal tahun 2014, kumpulan pejuang Syria telah bergabung melawan ISIS menyebabkan ISIS terpaksa berundur ke kubu kuat mereka di Ar-Raqqah iaitu utara Syria. ISIS pernah mendakwa mereka telah bergabung dengan Jabhat al-Nusra, kumpulan yang mewakili al-Qaeda di Syria, namun dinafikan oleh Jabhat al-Nusra. Dalam sepucuk surat yang dikeluarkan oleh Al-Jazeera, pemimpin al-Qaeda, Ayman al-Zawahiri cuba mendamaikan dua kumpulan itu tetapi tidak diendahkan oleh ISIS. Akhirnya pada bulan Februari 2014, kumpulan al-Qaeda secara terbuka mengisytiharkan ISIS bukan daripada kalangan mereka. Ini berlaku hanya beberapa bulan sebelum ISIS didakwa kononnya mempunyai kekuatan yang berjaya menawan Mosul sedangkan ISIS tinggal sendirian.

Keadaan sebegini menimbulkan tanda tanya Tuan Yang di-Pertua, bagaimana ISIS yang dianggap budak jahat, yang disisih oleh kumpulan pejuang Iraq dan Syria serta dibenci dan ditakuti oleh rakyat Iraq, tiba-tiba mempunyai kekuatan untuk menakluk utara Iraq dan mara dengan pantas ke Baghdad. Kejayaan seperti ini logiknya memerlukan tentera yang ramai dan terlatih serta mendapat sokongan penduduk tempatan.

Lebih menghairankan, ISIS yang kononnya ingin menegakkan Islam dan mendirikan khilafah sering bertindak jauh di luar batas-batas Islam dan kemanusiaan. Mana mungkin seorang yang ikhlas ingin melaksanakan Islam terpesong sebegitu jauh, membunuh sewenang-wenangnya dan dengan cara yang kejam. Mana mungkin seorang pejuang Islam berakhlak seperti mereka. Perbuatan mereka bukan sahaja jauh daripada sifat Islam, bahkan memberikan gambaran yang amat buruk kepada Islam dan pejuang-pejuang Islam.

Kalau begitu, apakah niat mereka sebenarnya? Kenapakah mereka menggunakan label Islam? Apakah yang mereka ingin capai dan apakah dan siapakah ISIS ini sebenarnya?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita ingin supaya masyarakat di Malaysia ini juga jangan semudah itu menuduh ISIS daripada segi melabelkannya sebagai orang-orang yang tersendiri melakukan perbuatan yang jahat ini. Pandanglah juga kepada politik antarabangsa, pandanglah juga kepada politik Timur Tengah yang mana kemungkinan besarnya kuasa-kuasa Barat, kuasa-kuasa di Timur Tengah sendiri, kuasa-kuasa di Teluk Parsi itu sendiri yang mempunyai kepentingan-kepentingan untuk mewujudkan dan untuk menyokong ISIS ini supaya menjadi kacau di Timur Tengah itu.

ISIS berterusan melakukan perkara yang pelik dan tidak dapat diterima oleh umat Islam umumnya. Pada 29 Julai 2014 bersempena 1 Ramadhan 1435 Hijrah, ISIS telah mengisytiharkan dirinya khalifah Islam di kawasan yang dikuasai mereka dari timur Syria hingga ke utara Iraq. Namun, sebahagian besar kawasan ini ialah padang-padang pasir yang tidak berpenghuni.

Pemimpin ISIS, Abu Bakr al-Baghdadi dilantik sebagai khalifah mereka dan mengeluarkan pelbagai fatwa yang adalah tidak benar.

Sebenarnya ini bukan perkara baru ini Iraq. Pada tahun 2007, Abu Musab al-Zarqawi, bekas pemimpin al-Qaeda yang ketika itu memimpin gerakan tauhid dan jihad di Mesopotamia telah pernah mengisytiharkan penubuhan negara Islam di Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, negara Islam memang menjadi idaman setiap Muslim dan gerakan Islam, tetapi pengisytiharan negara Islam oleh kumpulan yang membawa mesej pengganas, pembunuh dan mempunyai rekod kemanusiaan yang buruk hanya merosakkan agenda dan nama negara Islam.

Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sebutkan tadi, tokoh-tokoh ulama' sedunia seperti Presiden Persatuan Ulama' Sedunia, Sheikh Yusof al-Qaradawi dalam kenyataan pada 4 Julai 2014, menolak pengisytiharan negara Islam tersebut atau khilafah tersebut sebagai tidak sah, tidak realistik dan tiada sandaran hukum Islam.

Saya ingin juga menyentuh Tuan Yang di-Pertua dan menjelaskan bahawa PAS mempunyai pendirian yang jelas. Sebelum dari hari ini, bulan November ini, dalam bulan September sendiri, pemimpin PAS, Yang Berhormat Marang dalam ucapan dasar beliau di Muktamar PAS yang ke-60 telah menyatakan dengan jelas pendirian PAS tentang masalah yang berlaku di Iraq dan di Timur Tengah ini. Kenyataan beliau dalam ucapan dasar itu berbunyi begini, Tuan Yang di-Pertua... *[Membaca petikan]*

"PAS amat tersentuh dengan apa yang berlaku di bumi Syria, Iraq, Libya dan Mesir. Pertumpahan berdarah yang sedang berlaku di Syria mesti diberhentikan segera. Apa yang sedang kita lihat adalah amat tragis dan memilukan. Kini, lebih 200,000 orang rakyat Syria dan kebanyakan rakyat awam yang terbunuh dan lebih daripada 4 juta rakyatnya terpaksa menjadi pelarian di negara-negara jiran.

Lebih parah lagi, kini dunia Islam dikejutkan dengan kemunculan kumpulan yang dinamakan ISIL dan kumpulan yang bertindak secara melampau tanpa memahami fiqh jihad. Mereka berperang sesama sendiri sehingga dianggarkan lebih 3,000 yang dikaitkan dengan pejuang mujahidin terbunuh akibat pertempuran sesama sendiri".

Beliau lagi menyentuh... *[Membaca petikan]*

"Saya ingin tegaskan sekali lagi, PAS tidak mahu dan tidak akan membenarkan ahlinya terlibat dalam mana-mana kumpulan yang bertindak ganas melangkaui fiqh jihad malah bercanggah dengan etika berperang dalam Islam". [Tepuk]

Poin yang terakhir dalam kaitan ini oleh Yang Berhormat Marang dalam ucapan dasar parti tersebut mengatakan... *[Membaca petikan]*

“Campur tangan asing juga tidak boleh sekali-kali dibenarkan di bumi umat Islam. Biarlah rakyat Syria sendiri yang menentukan masa depan negara mereka tanpa sebarang campur tangan asing. Yang pasti, rejim kejam Bashar al-Assad mesti diturunkan segera.

Bagi rakyat di Mesir dan Iraq pula, biarlah rakyat mereka di negara masing-masing menentukan masa depan negara mereka tanpa sebarang campur tangan kuasa Barat yang cuba memporak-perandakan negara-negara ini”.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Tumpat.

Dato’ Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Satu minit sahaja.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Seminit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, seminit sahaja. Saya hanya mahu menegur takrif yang dalam Kertas Putih ini, mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memperbetulkan, di mana dikatakan bahawa...
[Membaca petikan]

“Perjuangan yang dibawa oleh Islamic State di Iraq dan Syria adalah bertentangan dengan hukum syarak dan kematian mereka tidak dikategorikan sebagai mati syahid. Ini berdasarkan hujah bahawa kumpulan tersebut memerangi dan membunuh sesama Islam.”

Ini memberikan gambaran bahawa sekiranya mereka membunuh yang bukan Islam, maka boleh. Lalu saya harap.... [Dewan riuh] Beri tumpuan kepada definisi yang jelas, bukan sekadar membunuh sesama Islam. Terima kasih.

Dato’ Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya anggap itu sebagai bahan sama daripada ucapan saya juga.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Marang tadi tentang Syria dan sebagainya, juga ingin kita teruskan lagi dengan menanya kepada Kerajaan Malaysia, apakah sikap dan apakah pendirian, adakah Malaysia menyokong pejuang-pejuang Syria yang ingin membebaskan negara mereka daripada kerajaan rejim kejam Bashar al-Assad itu?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap dalam harapan dan tujuan kerajaan yang disokong oleh Yang Berhormat Tanjong Karang tadi untuk mewujudkan undang-undang yang baru berkaitan dengan perkembangan yang baru ini, saya berharap bahawa kita bertindak di atas kepentingan kita sendiri, bukan untuk kita mengikut apa yang diarahkan, apa yang diminta oleh pihak-pihak lain seperti kuasa-kuasa besar. [Tepuk]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Dato’ Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum, baru kelmarin Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Chuck Hagel mengumumkan bahawa beliau akan meletakkan jawatan daripada jawatan tersebut. Rumusan, kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji, oleh akhbar-akhbar media di Barat mengatakan ini kerana Chuck Hagel sebagai Menteri Pertahanan mempunyai pendirian yang berbeza dengan Presiden Obama yang mana ia khusus berkaitan dengan politik dan peperangan di Syria dan di Iraq ini.

Jadi kalau kita memikirkan untuk mengikut Amerika atau Britain, kita tahu dan sedarlah bahawa Amerika atau Britain sendiri mempunyai perkelahian dan perbezaan pandangan di peringkat yang tertinggi di Washington DC itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah saya berharap bahawa kita sedar Amerika Syarikat ini mempunyai Presiden Obama nya yang dalam istilah yang Tuan Yang di-Pertua amat maklum, dipanggil *lame duck president*. Jadi janganlah kita mengikut *lame duck president* ini kecuailah kalau kita mempunyai *lame duck Prime Minister...* [Dewan riuh]

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

12.49 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan meringkaskan hujah saya.

Saya ingin merakamkan terima kasih kepada kerajaan sebab prihatin dan begitu bijaksana menangani isu-isu baru yang muncul dalam seluruh dunia. Pada saya, gerakan keganasan IS ini memang satu gerakan yang tidak boleh diambil ringan. Justeru itu, pada saya, sesuailah kerajaan mengambil langkah-langkah bijak untuk menahan beberapa suspek yang dikesan sebelum mereka menuju ke destinasi perjuangan mereka.

Saya juga tersentak dengan hujah rakan saya Yang Berhormat Tumpat bahawa kenyataan Presiden PAS yang tidak membenarkan mana-mana ahlinya untuk bersekongkol, tetapi melalui laman sosial *Facebook* anak menantu Presiden PAS sendiri iaitu Zaharuddin Muhamad terang-terang memuji langkah yang dilakukan oleh IS atau ISIL ini dan dia berasa begitu gembira, teruja sebab IS telah menawan beberapa bandar dan daerah.

■1250

Boleh *check* laman sosial *Facebook* beliau sendiri. Jadi, saya pun tidak tahulah presiden lain hala tujunya, anak menantu pula lain hala tujunya. Jadi, saya rasa itu pun harus dilihat. [Dewan riuh] Cukuplah, saya maklumkan sahaja, terserlahlah.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi, oleh sebab itu...

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, boleh sikit?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Pada saya kerajaan harus fokus untuk menentukan hala tuju yang sebenarnya termasuk menggempur...

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Minta sedikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Termasuk menggempur gerakan-gerakan IS ini kerana tidak boleh dibiarkan. Di Asia Tenggara ini, ia mempunyai rangkaian gerakan yang luar biasa melalui rangkaian Indonesia Omar Al-Bashir, melalui rangkaian Abu

Sayyaf dan melalui pelbagai rangkaian lagi. Apa yang menghairankan saya, yang direkrut oleh IS ini ialah anak-anak muda melalui laman media sosial.

Oleh sebab itu ada negara yang mengharamkan media sosial seumpama ini kerana ia boleh mendatangkan musibah kepada negara tersebut. Jadi, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk membendung masalah ini kerana mereka ditangkap mengakui bahawa mereka direkrut melalui laman sosial, *Facebook*. Kenapakah ini boleh terjadi? Mereka ini bijaksana, bijak pandai tetapi boleh merubah minda mereka.

GI ini juga pada saya, saya melihat GI ini bukan gerakan Islam yang sebenar. Ianya boleh memesongkan dan memudaratkan umat Islam di seluruh dunia serta memudaratkan akidah. Dalam konteks Malaysia...

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Ia boleh memecahbelahkan perpaduan kaum yang sedia ada ini.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oleh sebab Islam ini dilarang melakukan keganasan. Islam dilarang menyembelih, memotong kepala seseorang.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Kinabatangan, boleh?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Akan tetapi ini dibuat oleh IS.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Kinabatangan, boleh? Pendek sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pendek.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Pendek...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam duduk. Daripada awal saya beritahu bahawa pukul satu kita habis. Semua nampak jam. Saya kata, jangan lagi mencelah mahu mencelah lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, saya mahu habis sudah Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf. *[Ketawa]* Yang memakan masa Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tumpat, sebetulnya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak, saya akan berhenti perbincangan dan tidak akan ada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya – waktu, masa sudah tidak ada. Bagi pihak wakil-wakil rakyat dari Sabah, kita memang menyokong langkah yang diambil oleh kerajaan bukan sahaja membendung dan kalau boleh saya menyokong dengan cadangan Yang Berhormat Tanjong Karang untuk mewujudkan satu Akta Anti Keganasan untuk memerangi penganas-penganas yang ada niat serta hasrat untuk menghancurkan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Yang bising ini, suka penganas kah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

12.53 tgh.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya kagum dengan hujah-hujah yang diberikan oleh sahabat-sahabat daripada BNBB dan juga rakan-rakan di sebelah sana. Ertinya, kita sebagai rakyat Malaysia khususnya Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini memang komited yang kita serta rakyat Malaysia keseluruhannya tidak pernah bersetuju dengan mana-mana *militancy*, radikalisme dan juga ekstremisme.

Dalam hal ini, apa yang dibangkitkan oleh enam orang rakan-rakan di Dewan yang mulia ini terutamanya Yang Berhormat Permatang Pauh yang menyokong Kertas Putih ini adalah merupakan satu langkah yang positif dan beliau telah mengalu-alukan tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga memohon dan mencadangkan supaya ada keperluan untuk melakukan penjelasan oleh semua pihak, maka Kementerian Dalam Negeri bersama-sama dengan kementerian-kementerian lain akan mengambil tindakan untuk melakukan penjelajahan ke seluruh negara bagi memberikan penjelasan.

Dalam hal ini, apa yang disebutkan oleh beberapa orang rakan yang lain termasuklah tentang isu-isu utama seolah-olah kita mahu mengikut acuan daripada pihak negara lain. Saya ingin memberikan jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Malaysia tidak akan pernah mengikut acuan perundangan di negara lain jika mahu membentangkan Akta Anti Keganasan.

Walaupun hakikatnya terdapat enam buah negara lain yang telah memberikan fokus kepada undang-undang anti keganasan tetapi kita tidak akan menggunakan semua undang-undang itu sebagai acuan. Dalam hal ini, saya ingin memperlihatkan bahawa komitmen kerajaan dalam perkara ini adalah cukup jelas.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh mengenai Ahmed Hikmat Shakar yang kononnya merupakan seorang penganas yang hanya selepas enam bulan dapat diteliti oleh Cawangan Khas PDRM, saya ingin menjelaskan bahawa Ahmed Hikmat Shakar merupakan seorang penuntut Universiti Islam Antarabangsa yang bekerja secara sambilan dengan MAS untuk menguruskan pelancong-pelancong Arab. Beliau tidak pernah terlibat dengan kumpulan Al-Qaeda dan **ISIL** yang terlibat dalam peristiwa 11 September di US. Dakwaan bahawa pihak cawangan khas hanya mengetahui aktiviti Ahmed Hikmat Shakar selepas setengah tahun, adalah tidak benar kerana kita melakukan pemantauan bukan sahaja kepada beliau tetapi juga kepada beberapa orang individu yang lain.

Begitu juga cadangan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang mengenai pengetatan atau dengan izin *straightening* SOSMA dan POCA ialah satu cadangan yang baik. *Insya-Allah*, pagi tadi saya sendiri pun telah mempengerusikan mesyuarat *High Level Committee* dengan izin bersama-sama dengan kementerian dan jabatan-jabatan yang lain terutamanya dengan Jabatan Peguam Negara untuk menentukan bahawa undang-undang anti keganasan yang baru akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Sebelum itu, *insya-Allah* saya akan mengadakan perundingan dengan semua Ahli-ahli Parlimen dan kita mengetepikan perbezaan pandangan agar kita menerima undang-undang yang baru dan kita berbahas dengan baik demi kepentingan negara keseluruhannya.

Kita akan mengambil kira semua pandangan rakan-rakan dan kita berharap ia tidak ada prasangka terhadap akta baru ini termasuklah untuk digunakan sebagaimana yang pernah terkena kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Kota Marudu, Yang Berhormat Tumpat dan saya sendiri pada suatu ketika.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebutkan bahawa beberapa perkara yang melibatkan soal-soal untuk mencari jalan bukan sahaja di dalam pembanterasan atau dengan izin *combating* tetapi undang-undang yang akan dibentangkan nanti, *insya-Allah* akan memberikan elemen preventif yang lebih kuat kerana elemen-elemen preventif seperti ini adalah merupakan satu usaha bukan sahaja oleh pihak PDRM, Majlis Keselamatan Negara dan JPM serta lain-lain jabatan tetapi kita merasakan bahawa langkah-langkah preventif ini adalah bagi mengelakkan sesuatu tindakan setelah berlaku sesuatu peristiwa. Di dalam hal ini, langkah-langkah proaktif yang sebeginilah kita harap sokongan daripada rakan-rakan daripada sebelah sana untuk menyokong undang-undang yang akan dibentangkan nanti.

Saya lihat juga bahawa Yang Berhormat Tanjong Karang mempunyai pengalaman daripada segi menangani mereka yang ditahan di bawah ISA suatu ketika dahulu terutamanya mereka yang terlibat dalam soal keganasan. Ia merupakan satu pengalaman yang benar dan kita berharap pengalaman yang lalu tidak akan berulang kembali apabila langkah-langkah preventif dilakukan. Mudah-mudahan dengan langkah proaktif yang dilakukan oleh pihak kerajaan di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri komited untuk melaksanakan dan mencadangkan undang-undang baru ini. Mudah-mudahan kita akan bersama dengan masyarakat antarabangsa berupaya untuk mengatasi soal keganasan ini.

Yang Berhormat Gelang Patah telah membangkitkan...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, kalau panjang lagi saya akan memberi peluang Ahli Yang Berhormat untuk gulung sebelah tengah hari nanti.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya fikir saya minta masa lima minit sahaja, selepas itu petang kita ada akta lain mungkin. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Mas Gading, Yang Berhormat Tumpat dan Yang Berhormat Kinabatangan telah memberikan beberapa cadangan yang baik dan pada hemat saya, suatu tuduhan yang disebut oleh Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Tumpat terhadap ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 24 Jun yang kononnya meminta ahli-ahli UMNO mencontohi ISIS, ISIL, ataupun IS adalah tidak benar.

Beliau memang ada menyatakan perkara itu tetapi lihatlah konteks daripada ayat yang sepenuhnya, jangan ambil setengah sahaja. [*Dewan riu*] Jadi, dalam keadaan itu apa yang

harus disebut ialah roh kepada apa yang dimaksudkan bukan mengambil ayat itu setengah sahaja. Harus diambil...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ambil contoh roh pun tidak betul lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Ambil contoh roh pun tidak betul.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:...Dalam hal ini, saya harap...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Salah dan silap.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:...Maksud yang tersirat harus difahami.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: *[Mengetuk meja]* Ahli- ahli Yang Berhormat. Apabila Ahli Yang Berhormat berbahas tadi, Yang Berhormat Menteri mendengar dengan teliti. Tidak adil bagi Yang Berhormat Menteri apabila menjawab pula, tidak didengar. Tolong Ahli Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apakah pembangkang ini tidak ada salah kah?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak boleh tegur langsung.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sepatutnya Yang Berhormat Shah Alam ini direhatkan. Dia ambil tempat orang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Okeylah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Menyampuk]* Dia ambil semangat IS.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Dalam hal ini, saya mengharapkan agar sokongan dan dukungan semua pihak akan dapat benar-benar diterjemahkan apabila pembentangan Akta Anti-Keganasan ini dilakukan di Dewan yang mulia ini dan saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak atas sokongan kepada Kertas Putih ini. *Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah Perkara 1 itu hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan]

Tuan Yang di-Pertua: *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini menyokong keganasan. Laksamana bekas tentera.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Sandakan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bekas tentera sokong pegganas, keganasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Sandakan. Apalah you. *[Dewan riuh]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Lain kali minta Tuan Yang di-Pertua jangan tanya setuju atau tidak setuju, tidak perlulah jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun ada suara yang nyaring begitu tetapi telinga dan pendengaran saya lagi lebih suara yang bersetuju. Maka usul disetujui.

[Usul disetujui]

Ahli -ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang nanti, terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.04 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENJARA (PINDAAN) (NO.2) 2014

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[9 Oktober 2014]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat, kita sambung semula setelah kita berhenti sementara untuk Rang Undang-undang Perbekalan. Sebelum ini sudah sembilan orang berucap. Saya benarkan tiga, baru bangun dua, okey empat sahaja. Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Kuala Kedah dan Yang Berhormat Bukit Gantang sebab sahabat saya ini. Okey silakan Yang Berhormat Kuala Selangor, selepas itu Menteri jawab.

2.33 ptg.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Penjara (Pindaan) 2014. Tidak dapat dinafikan penjara adalah satu tempat dianggap menggerunkan dan menakutkan sesiapa sahaja yang mendengarnya terutama dalam hukum mereka yang melanggar undang-undang atau melakukan jenayah. Walau bagaimanapun

persepsi sebegini tidak lagi relevan pada masa kini di mana Jabatan Penjara Malaysia merentasi era transformasi yang banyak membawa perubahan dalam sistem pemulihan ihsan.

Jabatan Penjara Malaysia telah berfungsi sebagai institusi pembangunan semula insan yang pernah terpesong daripada norma kehidupan. Berasaskan kepada hasrat membangunkan semula insan, pelbagai program pemulihan penghuni penjara dilaksanakan bukan sahaja di dalam penjara tetapi turut juga dilaksanakan di luar tirai besi bersama masyarakat umum. Masyarakat sentiasa meletakkan harapan yang sangat tinggi agar mereka menerima mahupun sedang menjalani hukuman dapat menjadi insan serta mempunyai tingkah laku baik mengikut norma-norma hidup bermasyarakat. Namun semua pihak termasuk masyarakat secara keseluruhan harus memainkan peranan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan angka Jabatan Penjara Malaysia pada tahun 2012, ianya berjaya mengekalkan kadar *recidivist* iaitu orang mengulangi kesalahan pada paras 7.97% iaitu di bawah sasaran yang ditetapkan pada kadar 10%. Manakala dari Januari hingga September 2013, menunjukkan satu trend penurunan yang berada pada paras 7.3%. Bagi program pemulihan di luar tembok penjara iaitu pelaksanaan sistem parol, perintah kehadiran wajib, program pemulihan pemasyarakatan banduan serta perkhidmatan rumah pengantaraan telah melibatkan 14,322 orang penghuni sehingga September 2013.

Daripada jumlah tersebut, hanya 48 orang atau 0.34% yang kembali menjalani hukuman manakala sebanyak 90% penghuni yang mengikuti program bekalan pula berjaya mendapat pekerjaan sama ada menceburi bidang keusahawanan dengan bantuan pelbagai agensi seperti TEKUN, 1AZAM, GIATMARA dan Jabatan Pertanian Malaysia. Perangkaan itu jelas menunjukkan pencapaian positif terhadap keberkesanan program-program pemulihan yang dilaksanakan oleh jabatan ini. Tidak dapat dinafikan Jabatan Penjara memainkan peranan yang cukup besar dalam terus membentuk dan mengubah seseorang insan untuk hidup mengikut norma-norma masyarakat...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Selangor. Melihat daripada laporan dan juga maklumat yang diterima oleh Yang Berhormat Kuala Selangor, Tuan Yang di-Pertua, petanda bahawa Jabatan Penjara ini telah bergerak proaktif dan berjaya kepada sasaran yang dituju. Permasalahan sekarang ialah bersetujukah Yang Berhormat Kuala Selangor bahawa kejayaan itu tidak boleh kita lupa atas penghargaan yang telah mereka lakukan oleh pihak penjara ini.

Maka perlukah penggajian mereka ini yang lebih rendah daripada anggota polis dan tentera itu diambil kira dengan serius oleh kementerian supaya mereka juga diberi seimbang dengan penghargaan dan pengorbanan yang telah mereka lakukan hingga mencecah kepada kejayaan. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat. Saya menyambut baik saranan dan juga cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Kuala Langat kerana bagi hemat saya, dalam konteks untuk melakukan sesuatu perubahan dan juga kejayaan-kejayaan ini harus diberikan satu insentif yang setara dengan agensi-agensi yang lain. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meneruskan dengan apa yang dikatakan dengan pindaan Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No. 2) adalah pindaan-pindaan yang sangat penting demi terus memperkasakan institusi penjara negara secara keseluruhan. Saya juga ingin menyentuh fasal 6 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru yang memperkatakan tentang banduan yang dipindahkan di bawah Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 [Akta 754].

Skim Pemindahan Banduan Antarabangsa atau *International Transfer of Prisoners Act-TOP* iaitu untuk membolehkan banduan warganegara asing di negara ini dipindahkan ke negara asal mereka bagi menghabiskan baki hukuman dapat mengurangkan kesesakan di penjara serta kos. Namun harus dilaksanakan mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan serta dengan kerjasama erat negara-negara luar untuk memindahkan banduan warga asing ke negara asal mereka dengan berkesan dan efektif serta tidak menimbulkan apa-apa masalah termasuk menjejaskan hubungan baik dengan mana-mana negara.

Tuan Yang di-Pertua, statistik penghuni di penjara menunjukkan jumlah semasa ialah 48,392 orang di mana warga Malaysia ialah 33,492 orang atau 69.2% manakala warga asing ialah 14,900 orang atau 30.8% dengan lima negara yang paling ramai warga asing merangkumi Indonesia 37%, Filipina 18.9%, Myanmar 14%, Bangladesh 7.7% dan Vietnam 4.4%. Statistik penghuni warga asing yang layak mengikuti skim *International Transfer of Prisoners Act-TOP* adalah 2,119 orang iaitu dalam 14.2% daripada jumlah penghuni warga asing.

■1440

Pindaan-pindaan yang dicadangkan secara keseluruhan adalah relevan dari semasa ke semasa dan sebahagian daripada proses transformasi institusi penjara untuk terus efektif di mana tembok batu itu sebenarnya harus menjadi satu destinasi terbaik kepada mereka yang tersalah arah untuk kembali insaf dan menjadi insan yang berguna. Selain dari itu, penglibatan keluarga dan masyarakat adalah penyumbang penting dalam membantu mengembalikan keyakinan penghuni untuk berdepan dengan dunia luar yang banyak pancaroba setelah dibebaskan kelak.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin membawa perhatian kepada masalah banduan yang dibebaskan apabila mereka gagal memasuki masyarakat secara efektif dan menjalani hidup seperti seorang individu yang biasa. Penjara sering kali dilabelkan sebagai tempat hukuman kepada pesalah semata-mata sehingga ada yang memandang negatif terhadap individu yang pernah ditempatkan di sebalik tembok batu itu. Cabaran yang harus ditempuhi setelah banduan dibebaskan adalah sangat tinggi dan mereka harus berhadapan dengan suatu keadaan persekitaran yang sangat tertekan terutamanya dalam menempuh cabaran dari aspek keluarga, rakan-rakan, masyarakat umum, pekerjaan dan sebagainya.

Dalam menempuh cabaran ini, ramai yang gagal menyesuaikan diri mereka dan memasuki masyarakat secara berkesan dan efektif. Sehubungan dengan itu, mereka yang gagal dalam menempuh cabaran-cabaran ini setelah mereka dibebaskan sering kali mencari jalan yang salah untuk meneruskan kehidupan mereka. Adalah tidak dinafikan Jabatan Penjara telah banyak merangka pelbagai program berkesan untuk mengurangkan perangkaan *recidivist* dalam kalangan banduan, namun terdapat juga individu yang terus kembali ke jalan lama dan melakukan sebarang kegiatan yang salah dari segi undang-undang kerana gagal dalam menempuh cabaran setelah dibebaskan.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar rumah perantaraan yang bertujuan untuk dijadikan sebagai dengan izin, *halfway house*, untuk mereka yang dibebaskan dari penjara, untuk memastikan mereka dapat menyesuaikan semula diri seperti orang biasa dan seterusnya memasuki masyarakat secara efektif dan juga berkesan. Rumah perantaraan ini akan memberi perlindungan dan sokongan sehingga untuk memastikan mereka yang bebas tidak terabai dan tidak berasa tertekan dengan label masyarakat terhadap mereka. Pusat ini akan menyediakan mereka secara emosi dan mental serta membekalkan bantuan sokongan lain dalam proses membantu banduan yang bebas memasuki semula masyarakat dengan lancar. Sekiranya proses memasuki semula dalam masyarakat adalah efektif dan berkesan, maka mereka tidak akan terdorong untuk kembali ke jalan yang salah. Ini seterusnya akan mengurangkan kadar *recidivist* dalam kalangan orang tahanan ini serta menghalang mereka yang bebas dari melakukan jenayah atau apa-apa kegiatan yang menyalahi undang-undang yakni selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan jenayah.

Selain dari itu, saya juga amat berbangga untuk menyatakan bahawa keadaan penjara negara kita lebih baik berbanding negara lain kerana mengutamakan keselamatan dan kebajikan penghuninya. Koordinator Persidangan Pentadbir-pentadbir Penjara Rantau Asia Pasifik (APPCA), Profesor Neil Morgan berkata, "*Pihak pengurusan penjara di Malaysia menyediakan latihan kemahiran tertentu kepada setiap bantuan bagi membantu mereka memulakan hidup baru dan ini berbeza dengan negara lain.*"

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak penjara Malaysia diiktiraf antara yang terbaik di dunia kerana aspek kebajikan dan hak asasi banduan memenuhi standard antarabangsa yang telah ditetapkan. Jabatan Penjara Malaysia kini mencapai standard antarabangsa hasil transformasi yang dilaksanakan jabatan itu dalam memasyarakatkan penghuni penjara di negara kita. Program pemulihan yang dilaksanakan bukan sahaja dijadikan kursus Pegawai Penjara Rantau Asia Pasifik di bawah Program Kerjasama Teknologi Malaysia (MTCP) malah turut digunakan di beberapa negara lain.

Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa (ICRC) juga mengesahkan penjara Malaysia melaksanakan layanan terbaik kepada penghuninya. Lantas, sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No.2) adalah juga sebahagian daripada proses untuk meletakkan Jabatan Penjara Malaysia sebagai organisasi yang akan menjadi

tonggak harapan negara sekali gus meningkatkan keberkesanan, kecekapan dan keaktifan Jabatan Penjara secara keseluruhan dari segala aspek.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya lupa hendak ingatkan 10 minit, ya.

2.46 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beri pandangan sedikit mengenai penjara. Satu di antaranya ialah apakah tindakan kerajaan mengenai *death penalty* dalam penjara? Saya difahamkan ada banduan lebih kurang 992 orang yang menunggu untuk diambil tindakan gantung sampai mati. Tahun dahulu Tuan Yang di-Pertua, satu mesyuarat telah diadakan di Parlimen ini di mana *AG Chambers, Bar Council* dan peguam-peguam terlibat di mana beberapa pandangan telah diadakan antara Ahli Parlimen dengan pihak-pihak yang tertentu, *stakeholders* dan cadangan yang dibuat harus diambil kira mula daripada satu *research* yang telah diarahkan dibuat oleh *Bar Council* oleh *Roger Hood* dalam *The Death Penalty in Malaysia*.

Dalam *research* tersebut dengan jelas menunjukkan bahawa orang ramai di Malaysia ini berpendapat bahawa hukuman mati patut dihentikan dan dalam perkara yang sedemikian kerajaan dan Yang Berhormat Menteri pun telah mengatakan bahawa kerajaan rela untuk melihat apakah cadangan ini boleh diimplementasikan di negara ini supaya kita menghapuskan gantung hingga mati itu dihapuskan dan *replace with the life imprisonment*? Apakah yang sedang dibuat dengan masalah yang dihadapi ini dan keadaan yang terkini?

Saya hendak tahu juga Tuan Yang di-Pertua, tahun dahulu dan tahun ini, berapa orang yang telah digantung hingga mati di penjara Malaysia? Saya juga difahamkan Tuan Yang di-Pertua bahawa bila proses gantung ini dijalankan, keluarga-keluarga mereka hanya diberitahu pada saat-saat yang terakhir. Ini *pada amnesty international* dan sebagainya kalau kita tengok standard *prison rules* ini ia tidak munasabah. Apakah sebab ini berlarutan dan juga adakah kementerian mengikut ciri-ciri yang terletak di bawah *United Nations Standard Minimum Rules Treatment of Offenders 1954 prison rules* dan sebagainya?

Dalam keadaan ini saya hendak tahu berapakah orang yang telah dipenjarakan di negara ini pada waktu sekarang dan bolehkah kementerian memberi nisbah di antara kaum masyarakat bumiputera, cina, Melayu, Iban dan Kadazan yang ada di penjara? Apakah sebab kita perlukan-tidak menggunakan dengan efektif parol sistem walaupun mereka telah disabitkan kesalahan dan sebagainya tetapi telah berada di penjara untuk berdekad-dekad tetapi belum dilepaskan? Apakah kriteria-kriteria yang digunakan supaya:

- (i) boleh meringankan kos kita; dan
- (ii) bila seseorang yang telah disabitkan kesalahan boleh diberi satu masa depan dengan harapan dia keluar dan tukar *style* dan sebagainya.

Dalam proses ini memandangkan kita membawa balik *prevention of crime act*, di mana ada undang-undang tahanan. Setakat ini berapa orang yang ditahan di Simpang Renggam di bawah akta tersebut? Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Kuala Kedah.

■1450

2.50 ptg.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk bercakap dan menyumbang kepada Rang Undang-undang Penjara ini. Saya ingin jelaskan bahawa saya menyokong sebagaimana juga sahabat-sahabat saya yang lain menyokong supaya penjara kita diperkasakan dan diperbaiki, dibawa ke taraf yang paling tinggi sama dengan standard antarabangsa. Ini kerana ia merupakan satu elemen penting dalam masyarakat demokratik moden. Di mana kita menghormati hak-hak asasi tahanan yang juga merupakan manusia seperti kita yang kerana sebab tertentu mereka ditahan. Harusnya setelah mereka masuk penjara, mereka keluar, kita mengharapkan mereka jadi individu yang lebih baik lagi.

Banyak disebut tentang hak asasi manusia dan juga keadaan-keadaan penjara oleh kawan-kawan saya. Kita mengharapkan yang lebih baik, terutamanya seperti dibangkitkan oleh saudara saya, Yang Berhormat Subang. Saya ingat tentang beberapa isu yang dibangkitkan dalam Penjara Kajang. Kita harap itu dapat diperbaiki tetapi saya nak khusus cakap tentang satu faktor, satu benda yang belum disentuh iaitu tentang pemakanan atau *nutrition*. Ini kerana ia adalah satu yang bagi saya sangat penting. Di luar ini kita ada pilihan, kita boleh pilih makanan tetapi dalam penjara kita tak ada pilihan. Makanan yang diberi sahaja dalam kebanyakan kes dan kalau kita dipenjarakan bertahun-tahun dan makan makanan tertentu yang tidak baik misalnya, maka kesan buruknya ke atas kesihatan sangat tinggi.

Ini kerana *nutrition* ataupun makanan menyumbang kepada 80% masalah kesihatan moden. Saya juga nak sebut di sini bahawa ada pandangan-pandangan baru, dapatan-dapatan baru, kajian tentang *nutrition* dan juga panduan juga tentang kecenderungan melakukan keganasan, melanggar disiplin dan juga pemahaman baru kita tentang kenapa setengah-setengah kes keganasan yang melampau berlaku dalam masyarakat moden. Hubungan antara pemakanan dengan tingkah laku itu sekarang lebih jelas. Tuan Yang di-Pertua, antaranya yang saya ingin nak sebut ialah kajian yang cukup lama dan pembentangan yang cukup banyak oleh Profesor Michael Crawford dari Institute of Brain Chemistry and Human Nutrition di London. Hasil usaha beliau adalah antaranya yang menunjukkan kepada kita, menjelaskan apa yang sebenarnya berlaku.

Kita tahu bahawa Omega 3, salah satu Omega 3 yang disebut DHA atau *docosahexaenoic acid*, itu berkait langsung dengan otak kita. Kita rasa simpati, empati, kasih sayang, kasihan belas, itu peranan DHA. Kurang DHA dan berlebih Omega 6 misalnya,

membawa kepada kecenderungan kepada keganasan, antisosial, kurang disiplin dan juga melakukan tindakan-tindakan ganas yang tidak berperikemanusiaan.

Adalah penting makanan kerana itu sangat penting, makanan di penjara itu ia cukup Omega 3-nya dan tidak terlalu banyak Omega 6-nya yang merupakan satu ciri yang tidak baik kepada makanan moden. Makanan moden di luar ini ialah, dengan izin, *calory rich*, Omega 6 *rich* and *nutrient deficient*. Kaya dengan kalori, kaya dengan Omega 6 dan kurang nutrien. Sedangkan makanan yang baik, yang tradisional, yang asalnya manusia makan, kaya dengan Omega 3 dan kaya dengan nutrien, tidak hanya dengan kalori.

Ada kajian Tuan Yang di-Pertua, yang saya nak sebut di sini, di Oxford oleh seorang pakar *nutrition* dan *criminology* dari Oxford, Bernard Gesch pada tahun 2002. Dia dapati bahawa apabila makanan penjara itu, ini berdasarkan kajian di penjara di UK, baik dan seimbang Omega 3-nya, zat omeganya, lemak omeganya, 35% kurang masalah disiplin di kalangan banduan dan 37% kurang masalah keganasan yang menonjol. Kajian terus dilakukan misalannya, di penjara di UK.

Dalam 1,000 tahanan, kajiannya 1,000 banduan di tiga penjara UK. Yang paling terkenal ialah penjara di Aylesbury. Seterusnya, ada kajian di Belanda oleh Zaalberg, *Effect of Nutritional Supplementation and Agression, Rule Breaking and Psychopathology Among Young Adult Prisoners*. Dia juga mendapati bahawa di bandar, keganasan kurang 34%, sangat signifikan dan benda ini berterusan.

Yang saya nak jelaskan di sini ialah, selain daripada kecenderungan kepada keganasan tadi, apa yang berlaku ialah kalau pemakanan itu tidak sihat, banyak zat Omega 6-nya dan banyak gulanya dan lain-lain lagi, jangka panjang banduan juga yang ditahan berdekad-dekad boleh kena sakit jantung, strok, kanser dan pelbagai masalah termasuklah imunitinya rendah, dia boleh kena tuberkulosis misalannya.

Kalau saya sebut makanan yang disebut sebagai kaya dengan Omega 3 tadi, bukanlah bererti makanan dari hotel yang mahal, tidak, ikan salmon ke tidak. Diet Malaysia juga asalnya begitu. Makanan yang kaya dengan Omega 3 dan banyak nutriennya. Bahan-bahan yang asasnya biasanya dalam diet kita ialah minyak kelapa, santan, ikan kembung misalannya, ikan laut, ikan marin kaya dengan zat Omega 3 dan juga sayur-sayuran hijau misalannya itu. Bukan diet yang tertentu, tidaklah merupakan satu peningkatan kos yang tiba-tiba sangat tinggi, cuma kita perlu buat dengan betul.

Yang kita kena kurangkan ialah makanan-makanan proses, bergula dan banyak Omega 6-nya, itu kita kena kurangkan. Saya hendak mengakhiri dengan menyebut apa yang disebut oleh bekas *Chief Inspector of Prison* di Uk, Lord Ramsbotham. Dia sebut, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, *I am absolutely convinced that there is a direct link between diet and anti social behaviour. Both that bad diet causes bad behaviour and that good diet prevents it*. Ini hasil daripada kajian saintifik dan saya rasa kita kena manfaatkan dan ini boleh kita lakukan.

Saya sangat berbesar hati sekiranya pihak penjara dapat memberi peluang kepada kita untuk misalannya, menyumbang pandangan-pandangan kita tentang diet yang sesuai untuk

tahanan dalam penjara kita. Supaya mereka lebih sihat dan supaya hilang *tendency* atau kecenderungan untuk melakukan keganasan tadi.

Ini dibuktikan secara saintifik dan kita sedia menyumbang. Semoga dengan itu akan lebih baik kesihatan mereka dan mereka akan keluar menjadi individu yang lebih baik dan dapat menyumbang kepada masyarakat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang. Lepas Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Menteri menjawab.

2.57 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tujuan penjara ini ialah untuk kita memberikan keinsafan kepada pesalah dengan harapan supaya mereka ini kembali ke pangkal jalan. Sepatutnya falsafah penjara ini ialah untuk membolehkan mereka ini menjadi seorang yang baik.

Ertinya, sebelumnya tidak baik dan kemudian selepas itu biarlah mereka itu menjadi orang yang baik. Maka, sudah tentu ia mempunyai kaitan yang rapat dengan mereka yang tinggal di dalam penjara. Terutamanya ialah daripada kalangan pegawai-pegawai ataupun warden penjara di situ dan juga rakan-rakan yang banyak mempengaruhi watak dan pembentukan mereka di dalam penjara. Ini kerana Nabi SAW menyebut... *[Membaca hadis Nabi]* Maksudnya, *“Manusia ini bersama-sama dengan rakan dia. Maka, kau perhatikan siapakah kawan dan rakan dia”*.

Justeru itu, di sana yang boleh mendidik dan membimbing mereka itu ialah daripada kalangan warden penjara dan juga orang-orang yang terlibat secara langsung dengan mereka. Begitu juga dengan kawan-kawan, rakan yang berada di dalam penjara. Kita kena yakin bahawasanya manusia ini boleh berubah. Kita mesti letakkan manusia itu boleh berubah, tidak ada satu benda yang mustahil untuk mereka ini berubah. Yang penting ialah perubahan itu perubahan yang mesti dibuat mengikut saluran-saluran yang benar kerana Allah SWT pun berfirman, ertinya *“Sesungguhnya Allah Taala tidak mengubah diri seseorang itu melainkan dia sendiri yang akan mengubah”*.

Sebab itu di dalam penjara, biarlah latihan pembinaan insan, pembinaan modal insan ini mesti digandakan kerana bagi mementingkan supaya sistem ataupun apa yang dilakukan oleh banduan di penjara itu dapat menghasilkan kesan yang positif setelah mereka keluar. Antaranya ialah konsep pengasingan yang perlu dilakukan juga iaitu antara mereka yang melakukan jenayah berat dengan jenayah ringan.

■1500

Kerana kita bimbang kalau kita tidak mengasingkan, mula-mula dia masuk penjara kerana ditangkap mencuri motor. Selepas dia masuk, dia keluar daripada penjara, dia belajar dekat sana daripada tahap diploma naik ijazah iaitu supaya hendak curi pula kereta. Ini kalau kita

bercampur antara jenayah ringan dengan jenayah yang berat, sekarang sudah ada 27 buah penjara. Kalau ikut rekod yang saya dapati dan sehinggakan penjara hari ini tak cukup, malahan ada cadangan untuk hendak sewa bangunan-bangunan yang kosong untuk dijadikan penjara. Ertinya penjara ini, permintaan penjara ini macam inflasi dah. Permintaan melebihi penawaran kerana orang hendak masuk itu banyak sangat dan kerajaan juga belanja yang agak tinggi.

Kalau ikut dalam yang pernah dijawab oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri dahulu Datuk Fu Ah Kiow, dia menyebut hampir 1.2 juta sehari perbelanjaan untuk banduan-banduan di penjara. Oleh sebab itu kita tak boleh berbangga dengan pertambahan penjara kerana bertambahnya penjara, bererti di sana kegagalan kerajaan untuk membendung kesalahan-kesalahan jenayah yang berlaku dalam negara kita. Macam juga kita tak boleh bangga dengan penerima BR1M yang datang setiap tahun bertambah. Kalau tahun 2012, 4.2 juta penerima, tahun 2013, 6.8 juta penerima, tahun 2014, 7 juta penerima. Ini peningkatan orang menerima, ertinya kegagalan kita dalam konteks untuk hendak mengurangkan kadar yang menerima BR1M.

Tuan Yang di-Pertua, bekas banduan ini juga mesti dilatih dengan latihan berdikari terutama latihan vokasional. Begitu juga dalam soal kesihatan di penjara seperti disebutkan oleh di Kuala Kedah. Menurut WHO, Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah memperkenalkan Program Kesihatan di Penjara (HIPP) pada tahun 1996. Program ini berkenaan untuk memberikan tumpuan bagi meningkatkan kesihatan awam dengan menggalakkan hubungan antara penjagaan kesihatan di penjara dan sistem penjagaan kesihatan awam kerana penghuni penjara cenderung mempunyai keadaan kesihatan yang kurang sihat.

Kalau laporan ringkas statistik bagi dadah dan jenayah pejabat PBB, berhubung jenayah bagi sebuah negara sepanjang tahun 2005 hingga 2006. Nampaknya dia kata, meletakkan tentang pihak penjara di Malaysia mahupun Kementerian Kesihatan tidak mampu untuk memberikan data yang asas sekali pun mengenai nisbah banduan yang menderita ketagihan dadah, yang menghidap HIV, AIDS, Tibi dan masalah mental kerana sejumlah tahanan di Malaysia dimasukkan ke penjara kerana kesalahan yang dikaitkan dengan dadah, AIDS dan penyalahgunaan dadah menjadi masalah semakin bertambah di penjara Malaysia...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Tadi Yang Berhormat Bukit Gantang ada sebut mengenai pesalah-pesalah ataupun banduan-banduan di dalam penjara ini, kadang-kadang dia dicampurkan. Saya tak tahu macam mana sistem sekarang ini. Kita kata dicampurkan, sama ada banduan ini melakukan kesalahan berat ataupun banduan ini melakukan kesalahan yang tidak begitu berat.

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Bukit Gantang, adakah Yang Berhormat Bukit Gantang bersetuju dengan beberapa cadangan supaya di penjara-penjara juga diasingkan pesalah-pesalah atau banduan-banduan yang melakukan kesalahan di bawah Undang-undang

Syariah. Misalnya kalau dia berpoligami tanpa kebenaran mahkamah misalnya, dia kena denda dan juga penjara ataupun dia melanggar fatwa misalnya, dia kena penjara. Adakah bersetuju Yang Berhormat Bukit Gantang, kita asingkan kerana kita bimbang kalau tak asingkan, ini mungkin terpengaruh dengan banduan kes-kes yang besar-besar ini? Minta pandangan. Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu antara perkara yang boleh kita fikirkan supaya berlakunya pengasingan terutama dalam kes yang melibatkan kesalahan jenayah syariah yang biasa macam kes poligami ataupun tak mampu hendak bayar dan sebagainya. Mereka ini sepatutnya boleh diletakkan di tempat-tempat yang tidaklah menggunakan penggunaan kos yang agak tinggi untuk memelihara mereka ini kerana kesalahan mereka itu bukan dianggap sebagai kesalahan yang berat walaupun masih dalam lingkungan yang disebut sebagai penjara dan masukkan sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat Kota Bharu tadi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh bertanya Yang Berhormat?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, *assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Yang Berhormat mungkin sedar bahawa kita akan membahaskan satu lagi undang-undang iaitu undang-undang memasukkan daun ketum sebagai kesalahan. Jadi apabila ini menjadi undang-undang, bagaimana mereka yang masih menanam daun ketum ini tidak sempat untuk merubah tanaman mereka dan mereka didapati bersalah, bermakna penjara kita makin berlambak disebabkan undang-undang baru ini.

Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan, kerajaan sedar kah bahawa ini juga akan mungkin melambakkan penjara-penjara kita disebabkan undang-undang baru ini tetapi tidak ada pemberitahuan kepada mereka-mereka yang menanam ketum sekarang ini bahawa memiliki ketum adalah satu kesalahan. Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, sahabat saya dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kalau lagi kesalahan ketum, kalau tak silap dia akan penjara sampai seumur hidup dan dia akan menambahkan lagi bebanan kepada kerajaan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Okey, silakan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Apa pandangan Yang Berhormat Bukit Gantang kalau penjenayah-penjenayah yang berada di penjara-penjara ini, di akhir masa-masa mereka menamatkan tempoh mereka di penjara, kalau ada kelonggaran diberikan mereka untuk buat *community service*. Contohnya mungkin enam

bulan ataupun lapan bulan, kalau kita lihat mereka berperangai elok, rekod dia baik, mungkin dia boleh buat *community service*. Yang kedua, tentang parol. Adakah parol harus diintroducekan di Malaysia supaya kita dapat mengurangkan penghuni-penghuni penjara, *at the same time* mereka kembali ke masyarakat lebih awal daripada sepatutnya. Apa pandangan Yang Berhormat Bukit Gantang tentang ini? Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu satu pandangan yang baik. Oleh sebab itu saya juga hendak mencadangkan dalam konteks sama seperti Yang Berhormat Sungai Petani sebut tadi supaya mereka yang berkelakuan baik ini dipercepatkan dan terus mereka ini keluar dan melibatkan diri bersama-sama dengan masyarakat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Begitu juga dengan parol yang dibayar oleh pihak banduan sendiri kepada ini, maka dengan sebab itu secara tak langsung boleh menggalakkan...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Nanti sekejap. Akan serah, saya hendak jawab ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Gantang baru hendak respons Yang Berhormat Sungai Petani punya.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Nanti sekejap. Sebab itu ini satu cadangan yang baik. Sekurang-kurangnya dia boleh mengurangkan bebanan kepada kerajaan dan mereka juga bercita-cita untuk cepat jadi baik dan supaya dapat bebaskan diri daripada penjara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Bukit Gantang. Tadi saya dengar perbahasan yang mengatakan banyak banduan yang bercampur aduk. Ada yang poligami pun kena masuk jel. Saya hendak tanya tentang banduan-banduan yang disebabkan oleh dadah sebab selama ini penangkapan dan memasukkan dalam penjara ini terhadap orang-orang yang bersabit dengan dadah ini, adakah perkara ini dapat menyelesaikan masalah dadah? Sebab kita dengar hari ini dadah makin banyak dan juga dadah-dadah sintetik pula datang hari ini dan ia jadi lebih *advance* pula sekarang ini. Apakah pendapat Yang Berhormat Bukit Gantang? Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang boleh gulung.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Berkenaan dengan dadah ini, sebab itu ada kes yang berlaku, yang masuk ini pun banyak kes dadah kerana ada kes banduan yang berumur 21 tahun yang ditangkap bersama-sama dengan enam bungkus plastik berisi 189 pil Erimin-5 seberat 49.9 kilogram seperti mana yang dilaporkan oleh media.

■1510

Persoalan saya, kalau dalam penjara pun dadah boleh masuk, sedangkan mereka ini dah memang masuk ke dalam penjara, kalau dalam penjara pun dadah boleh masuk, jadi ertinya seolah-olah Yang Berhormat Kinabatangan macam seolah-olah kita pungut siput, dalam tong yang berlubang, sampai kiamat pun tak penuh tong tersebut. Sebab itu, ini perkara yang perlu kita atasi. Oleh sebab itu sekali lagi Tuan Pengerusi, saya juga ingin menegaskan supaya program pembinaan jati diri, pembinaan insan terutama dari kalangan pegawai-pegawai penjara itu sendiri, mesti diperbanyakkan dan mesti diperkasakan kerana mereka itu adalah orang paling rapat dengan banduan. Banduan ini melihat orang panggil... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Kata *hukama'* kerana cara tindakan mereka itu, lebih berkesan daripada bercakap. Kalau mereka itu rapat dengan banduan ini tadi dengan tunjukkan akhlak-akhlak yang baik, *insya-Allah* di sana akan dapat memberikan satu tingkah laku yang baik juga kepada banduan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3.11 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya mengucapkan terima kasih kepada 13 orang ahli yang telah membahaskan Rang Undang-undang Pindaan ini semenjak beberapa minggu yang lalu. Sebelum saya menjawab secara terperinci, Tuan Pengerusi, biarlah saya memberi sedikit garis panduan terlebih dahulu untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kalau kita lihat dalam peraturan dewan, apabila membahaskan rang undang-undang pindaan, kita hanya boleh membangkitkan perkara-perkara yang ada hubung kait terus dengan pindaan tersebut. Jadi dengan keadaan sedemikian juga tidak boleh menyentuh soalan-soalan akta induk dan dengan keadaan sedemikian, maka saya ingin menyebut perkara yang disentuh dalam rang undang-undang ini yang perlu dipinda, iaitu:

- (i) mekanisme dan kuasa melaksanakan pemindahan banduan antarabangsa;
- (ii) mewujudkan jawatan Timbalan *Commissioner General* memastikan pengurusan dan pentadbiran penjara yang lebih cekap dan sistematik; dan
- (iii) mewujudkan jawatan Pengarah Penjara Negeri bagi memastikan pengurusan penjara, parol, pusat latihan penjara dan pusat pemulihan

pemasyarakatan di sebuah negeri diuruskan dengan lebih cekap dan sistematik.

Jadi dalam keadaan sedemikian, hanya tiga perkara ini sahaja sebenarnya yang relevan yang perlu sepatutnya saya menjawab. Selepas mendengar semua perbahasan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dapati hanya lima orang sahaja Ahli-ahli yang menyentuh perkara yang relevan. Dengan keadaan yang sedemikian Tuan Pengerusi, biarlah saya menjawab perkara-perkara yang relevan dengan peraturan ini dan di bawah Rang Undang-undang ini. Oleh kerana saya tidak juga akan menyisihkan soalan-soalan penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat walaupun tidak relevan di bawah peraturan, saya akan jawab juga. Dalam masa yang sama saya juga mengulas perkara-perkara yang dianggap penting kepada Jabatan Penjara itu sendiri.

Tuan Pengerusi, saya bernasib baik hari ini sebabnya yang pertama, saya mendapat naskhah yang di *prepare* awal oleh kerana perbahasan telah berlaku dua hingga tiga minggu yang lepas. Jadi, tidaklah macam semalam saya menjawab secara macam ini sahaja. Akan tetapi, *alhamdulillah*, dengan bantuan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi, saya dapat melaksanakan tugas menjawab saya dengan sebaik mungkin. Terima kasih semua.

Untuk ini saya memaklumkan bahawa rang undang-undang ini bertujuan mengadakan suatu peruntukan yang melaksanakan pemindahan antarabangsa banduan khususnya banduan yang dipindah masuk ke Malaysia, di bawah Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 [Akta 754] dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Kedua, Akta 754 yang saya sebutkan tadi memperuntukkan pemindahan antarabangsa banduan hanya boleh dilaksanakan melalui hubungan bilateral kedua-dua negara yang bersetuju untuk menandatangani perjanjian atau *treaty*. Butiran perjanjian atau *treaty* yang disediakan akan memperincikan mekanisme pemindahan banduan antara Malaysia dengan negara-negara yang berkenaan.

Setakat ini, sembilan buah negara yang telah menyatakan hasrat untuk memeterai perjanjian atau *treaty* secara rasmi dengan negara kita Malaysia iaitu negara Korea Selatan, Filipina, Arab Saudi, Bulgaria, Iran, Turki, Azerbaijan, Latvia dan Romania. Kategori banduan yang layak dipindah mengikut skim ini adalah seperti berikut:

- (i) bagi pemindahan banduan dari Malaysia ke negara asing yang ditetapkan, banduan itu hendaklah warganegara asing yang ditetapkan atau mempunyai hubungan komuniti dengan negara tersebut; dan
- (ii) bagi pemindahan banduan ke Malaysia, dari satu-satu negara asing yang ditetapkan, banduan itu hendaklah warganegara Malaysia.

Akta 754 juga memperuntukkan kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk menolak permohonan bagi pemindahan atau tidak memberikan keizinan bagi pemindahan banduan, jika:

- (i) banduan itu telah dijatuhkan hukuman mati;
- (ii) pemindahan akan menjejaskan kedaulatan, keselamatan, ketenteraman awam atau kepentingan awam Malaysia;

- (iii) pemindahan itu akan mengenakan tanggungan beban yang berlebihan ke atas sumber kewangan Malaysia; atau
- (iv) pemindahan itu akan menghendaki langkah-langkah yang bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis.

Selain itu, terdapat juga syarat-syarat pemindahan banduan ke atas atau dari Malaysia yang perlu dipenuhi seperti berikut:

- (i) hukuman pemenjaraan atau perintah adalah tidak tertakluk kepada rayuan mana-mana mahkamah atau tribunal. Ini bermakna Yang Berhormat, proses undang-undang itu sendiri di peringkat mahkamah atau pun peringkat kehakiman telah tamat, berakhir;
- (ii) sabitan hukuman tersebut adalah juga merupakan satu kesalahan di dalam negara berkenaan. Makna dia, salah di sini, dan salah juga di negeri sana;
- (iii) pada masa permohonan pemindahan dibuat, banduan mempunyai lebih daripada enam bulan untuk menjalani hukuman penjara atau pun parol;
- (iv) persetujuan Menteri dan pihak berkuasa yang bersesuaian kepada pemindahan tersebut telah diperoleh;
- (v) keizinan banduan telah diperoleh jika keizinan dikehendaki oleh *treaty* atau apa-apa perjanjian lain antara Malaysia dan negara asing ditetapkan; dan
- (vi) apa-apa syarat tambahan lain yang dikehendaki oleh perjanjian atau *treaty* antara Malaysia dan negara asing yang ditetapkan.

Tuan Pengerusi, rang undang-undang ini turut mewujudkan bahagian baru, Bahagian 4B yang memperuntukkan keperluan bagi pengurusan banduan yang dipindah masuk ke Malaysia di bawah Akta 754, khususnya berkaitan perintah tetap *Commissioner General, remittance*, kuasa Lembaga Parol, pengecualian syarat layak parol dan pindaan kepada jadual pertama.

■1520

Bagi tujuan memperkasakan pengurusan dan pentadbiran Jabatan Penjara, rang undang-undang ini mewujudkan juga jawatan Timbalan Komisioner Jeneral dan Pengarah Penjara Negeri bagi memastikan pengurusan pentadbiran yang lebih cekap dan sistematik. Secara amnya, Timbalan Komisioner Jeneral bertanggungjawab melaksanakan tugas semasa ketiadaan atau ketidakupayaan Komisioner Jeneral.

Perwujudan jawatan Timbalan Komisioner Jeneral penjara ini adalah bertatapan memastikan kelancaran pentadbiran Jabatan Penjara. Perkara ini turut menjadi amalan jabatan-jabatan lain dengan mewujudkan jawatan Timbalan Ketua Pengarah. Di samping itu, rang undang-undang ini juga memperuntukkan jawatan Pengarah Penjara Negeri tidak termasuk negeri Sabah dan Sarawak yang telah ada Pengarah Negeri masing-masing.

Ini maknanya hanya negeri-negeri di Semenanjung Malaysia yang akan bertanggungjawab dalam menyelia dan memantau pengurusan dan pentadbiran penjara, Pusat Latihan Pegawai Penjara serta Parol dan perkhidmatan komuniti yang bertanggungjawab ke atas negeri-negeri berkenaan. Pada masa ini pengurusan dan pentadbiran di peringkat negeri hanya ditempatkan di negeri Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, secara khususnya Yang Berhormat Batu Pahat dan Yang Berhormat Pasir Mas bertanya jumlah banduan asing daripada 48,000 orang banduan tahanan dan penghuni yang ditahan atau menjalankan hukuman di seluruh negara dan jumlah yang boleh dipindah serta-merta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 9 Oktober 2014 terdapat seramai 15,655 orang atau 32% adalah banduan warga asing.

Daripada jumlah tersebut, seramai 2,119 orang banduan adalah layak mengikut skim pemindahan antarabangsa. Jika terdapat permohonan dibuat serta negara-negara berkaitan telah menandatangani *treaty* dengan Kerajaan Malaysia. Yang Berhormat Tanah Merah pula bertanya status kes dan usaha yang dilakukan bagi membolehkan kes mereka ditahan di luar negara menjalani hukuman di penjara negara kita iaitu:

- (i) Umi Azlim *Mohamad* Lazim, 24 tahun dari Kelantan;
- (ii) Khairil Azuan Abu Hasan, 32 tahun dari Perak; dan
- (iii) Sheikh Faizan ataupun Pak Tam, 24 tahun dari Johor;

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [*Bangun*].

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya habiskan jawapan ini dahulu ya, Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Okey.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Untuk makluman Yang Berhormat, Umi Azlim *Mohamad* Lazim sedang menjalani hukuman di negara China manakala Khairil Azuan dan Sheikh Faizan di negara Taiwan. Setakat ini hanya keluarga Sheikh Faizan sahaja yang berhubung dengan Jabatan Penjara Malaysia untuk pertanyaan bagi maksud membawa balik penama. Mereka telah memberi penerangan berhubung perkara ini serta prosedur yang terlibat. Jabatan Penjara melalui Kementerian Luar Negeri akan memaklumkan kepada ketiga-tiga rakyat kita berhubung kaedah untuk memohon menjalani hukuman di Malaysia sebaik sahaja *treaty* ditandatangani di antara Malaysia dengan kedua-dua negara berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada di Malaysia, adakah mana-mana peruntukan di mana mereka yang dipenjarakan di luar negara dan telah layak dipindah balik ke Malaysia, adakah apa-apa peruntukan di mana kita boleh pergi ke mahkamah Malaysia untuk semak semula *or review* keputusan yang dibuat di negara lain? Pada pengalaman saya ada negara di mana sistem perundangannya memang tidak begitu adil kerana ada unsur-unsur politik dan juga tentera yang terlibat. Adakah mana-mana peruntukan yang kita

boleh dapat semakan dari mahkamah Malaysia untuk menentukan hukuman yang telah diputuskan di mahkamah luar negara?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang tertariklah dengan pertanyaan ini. Pada saya kali pertama saya mendengar dalam kita membahaskan undang-undang pertukaran panduan dalam Undang-undang 754 dahulu pun tidak pernah dibangkit, Yang Berhormat.

Jadi pada masa sekarang, pada saya, secara amalannya memang amat payah. Kena semua bukti-bukti yang diguna untuk menuduh banduan ini telah berlaku di negara mana mereka telah dituduhkan. Apa yang tinggal pada kita mungkin untuk *review* undang-undang keputusan itu sendiri. Itu pun *the presiding not*, Yang Berhormat tahulah juga mungkin masih kekal berada di negara itu sendiri. Jadi soalan untuk mengambil tindakan untuk menyemak semula kes-kes yang berkenaan secara praktikalnya amat payah. Akan tetapi walau bagaimanapun Yang Berhormat, tidak ada jawapan kepada saya pada masa sekarang dan saya akan bertanya dengan pihak AG macam mana kita boleh melaksanakan perkara ini. Saya menerima Yang Berhormat, amat baik persoalan ini, amat relevan kepada seorang peguam. Pada saya sendiri pun perkara ini amat menarik. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat Sepang bertanya adakah satu kajian dibuat secara mendalam berhubung dengan keberkesanan hukuman memenjarakan banduan? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara menyedari bahawa hukuman penjara semata-mata tidak mampu membentuk dan membina semula insan bergelap penghuni penjara sebagai warganegara yang mampu menyumbang kepada keluarga dan masyarakat.

Oleh itu, selain daripada program pemulihan yang dilaksanakan dalam penjara mulai tahun 2008, program pemulihan bersama komuniti termasuk alternatif pada hukuman penjara mula dilaksanakan seperti berikut:

- (i) sistem parol;
- (ii) program pemulihan kemasyarakatan;
- (iii) perintah kehadiran wajib; dan
- (iv) program rumah perantaraan;

Sebagaimana yang telah diucapkan oleh sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat tadi kita telah mendengar dan di sini saya boleh mengesahkan bahawa kita punya parol sistem pada masa sekarang amatlah berjaya daripada sudut pelaksanaannya. Kalau kita banding dengan sistem-sistem parol yang telah dilaksanakan di negara-negara yang lebih lama menggunakan dan menjalankan amalan sedemikian dan melaksanakan sistem ini di negara mereka. Padahal di negara kita hanya baru bermula pada tahun 2008 dan hampir 10,000 orang masyarakat telah melalui sistem ini dan *recidivism*, orang itu kembali kepada jenayah didapati kurang - yang menerusi sistem parol ini kurang daripada 1%.

Jadi dalam keadaan di sini kita boleh mengatakan bahawa sistem parol kita adalah amat berjaya yang mana sistem parol yang diguna pakai oleh pihak negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Australia belum boleh dapat menandingi apa yang kita laksanakan

di sini. Dengan itu, saya boleh menekankan di sini bahawa sistem parol yang kita kenali dilaksanakan oleh pihak penjara amat berjaya.

Program pemulihan kemasyarakatan ini juga melihat kejayaan yang amat menyerlah. Begitu jugalah perintah kehadiran wajib yang mana orang di luar tembok batu dan dikehendaki membuat laporan sendiri dan rumah perantaraan mempunyai satu program yang amat baik daripada sudut bimbingan, latihan dan pemulihan secara minda kepada mereka ini.

Salah seorang daripada pensyarah yang saya jumpai, seorang bekas penghuni. Mengikut kata beliau sendiri, dia adalah anak keluarga yang sederhana kehidupannya maknanya dia dari *middle class family*. Bapanya bekerja dengan kerajaan, emaknya bekerja dengan kerajaan tetapi dia bukan kekurangan sumber kewangan tetapi apa yang tinggal pada dia adalah kekurangan kasih sayang dan belaian dari ibu bapanya. Jadi akhirnya dia telah melakukan kesalahan iaitu 16 kali masuk dan keluar penjara sebagai penagih dadah dan sebagainya. Akan tetapi ditakdirkan beliau insaf dan kembali atas didikan dan bimbingan pihak penjara, beliau menjadi manusia yang berguna. Sekarang menjadi pensyarah di rumah perantaraan dan tengah melanjutkan pengajian di peringkat universiti.

■1530

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa program yang saya sebutkan tadi memang amat berjaya. Program pemulihan di luar penjara serta alternatif hukuman di atas telah melibatkan lebih 18,000. Hasilnya amat baik di mana *recidivist case* kemasukan sangat rendah iaitu kurang daripada 5% serta peluang mendapat pekerjaan yang lebih tinggi.

Oleh itu pemulihan di luar penjara dan alternatif hukuman penjara dikaji secara berterusan untuk diperluaskan. Begitu juga bagi meningkatkan lagi penambahbaikan dan keberkesanan pemulihan pengurusan kesihatan, pelaksanaan sistem parol, pembelajaran akademik, latihan vokasional, pemulihan pesalah dadah serta lain-lain. Beberapa kajian telah dilaksanakan bersama pakar-pakar akademik termasuk SUHAKAM. Hasil kajian oleh mahasiswa daripada pelbagai peringkat pengajian universiti berhubung dengan jabatan penjara turut diteliti bagi kegunaan dan penambahbaikan pelaksanaan program-program yang kita wujudkan di penjara.

Ahli Yang Berhormat Sepang juga bertanya apakah usaha yang dilakukan oleh kementerian untuk menjadikan penjara sebagai pusat pemulihan dan bukan pusat hukuman semata-mata. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penjara sebenarnya telah berubah dan bukan hanya melaksanakan hukuman semata-mata. Pemulihan dan pembangunan semula insan yang tersilap langkah telah dilaksanakan dengan aktif melalui program latihan dan pemulihan dalam dan luar penjara.

Pelaksanaan program di dalam penjara melibatkan aktiviti akademik, pembentukan disiplin, sahsiah, kerohanian, motivasi, usahawan, kaunseling, latihan vokasional. Manakala program pemulihan luar penjara dengan kerjasama komuniti ialah sistem parol, perintah kehadiran wajib, pusat pemulihan kemasyarakatan dan rumah perantaraan. Petunjuk kepada kejayaan program pemulihan tersebut ialah kadar *recidivist* atau kadar kemasukan berulang

rendah berbanding dengan negara lain iaitu sekadar 70.6% iaitu keseluruhannya Yang Berhormat, penjara.

Program yang kedua khas pemulihan Jabatan Penjara Malaysia iaitu Program Pembangunan Insan telah menjadikan contoh oleh beberapa buah negara luar untuk diguna pakai di negara mereka.

Ketiga, Jabatan Penjara Malaysia juga telah terlibat dengan Malaysia's Technical Corporation Program dengan memberikan latihan dalam bidang pemulihan untuk negara-negara luar seperti Thailand, Brunei, Papua New Guinea dan Solomons Island.

Ahli Yang Berhormat Sepang seterusnya bertanya sejauh manakah sistem parol telah berjaya menyelesaikan masalah jenayah? Berapakah jumlah banduan-banduan yang di penjara telah didapati bersalah oleh mahkamah dalam kes jenayah yang telah pun menerima parol telah diberi parol itu? Berapa ramai pula yang telah melanggar syarat-syarat parol?

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sistem parol dilaksanakan bertujuan untuk memudahkan pengintegrasian banduan dengan masyarakat, *reintegration to the society* dan mengurangkan pengulangan jenayah atau *reduce reoffending*. Dalam *parole system* pula dilaksanakan di Malaysia semenjak Julai 2008. Dengan pelaksanaan 64 orang banduan sebagai kumpulan pertama orang di parol dan sehingga kini seramai 8,935 orang banduan telah terlibat. Sebanyak 8,475 orang daripadanya telah menamatkan perintah parol, 460 masih menjalani perintah. Daripada jumlah tersebut, hanya 1.72% atau 154 orang yang dibatalkan perintah parol dan dihantar semula ke penjara untuk meneruskan hukuman kerana melanggar syarat atau ketidakmampuan banduan untuk meneruskannya. Manakala kadar *recidivist* atau kemasukan berulang di kalangan bekas banduan yang telah meningkat mengikut sistem parol adalah kurang daripada 5%.

Kejayaan sistem parol Malaysia iaitu 98.28% adalah lebih tinggi berbanding dengan negara luar seperti Australia hanya 70%, Kanada hanya 85% dan Amerika Syarikat 30% hingga 70%.

Ahli Yang Berhormat Subang juga membangkitkan isu status kes kematian dalam tahanan seperti berikut, R. Mohana Sundaram, 23 Oktober 2012 kes bunuh diri, R. Kumarajah 29 Oktober 2012, Kamarulnizam Ismail, 6 Mac 2014 dan Koi Sun Guan tahun 2000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebih daripada 90% kematian kemalangan penghuni penjara adalah di hospital semasa mereka menjalankan rawatan kerana masalah kesihatan. Jabatan Penjara mempunyai SOP atau perintah tetap bagi mempercepatkan tindakan memberi rawatan kepada banduan yang memerlukannya dan menguruskan setiap kes kematian banduan memenuhi SOP yang ditetapkan. Dalam aspek pengurusan kematian, setiap langkah diambil dapat dijelaskan seperti berikut:

- (i) melaporkan kejadian kepada pihak polis untuk tujuan siasatan;
- (ii) memastikan kehadiran koroner untuk pemeriksaan jenazah dan mengarahkan tindakan lanjut;
- (iii) memaklumkan kematian kepada keluarga;

- (iv) memastikan bedah siasat dilakukan dan dengan kehadiran keluarga atau peguam keluarga atau wakil keluarga; dan
- (v) menjalankan siasatan dalaman berhubung kematian tersebut.

Tindakan yang dijalankan adalah secara telus melibatkan arahan dan tindakan pihak-pihak luar dari bidang kuasa jabatan penjara semenjak 2014 apabila Mahkamah Koroner ditubuhkan dan setiap kematian penghuni penjara telah dimaklumkan kepada Hakim Khas Mahkamah Koroner untuk arahan dan tindakan lanjut.

Berhubung dengan kematian banduan R. Mohana Sundaram, koroner telah hadir memeriksa mayat. Bedah siasat yang dijalankan dan mendapati kematian berpunca dari gantung diri, *apraxia due to strangulation by hanging*. Jenazah telah diserahkan kepada keluarga untuk upacara pengebumian dan tanpa pemeriksaan, ia perlu dipercepatkan. Siasatan yang dijalankan mendapati tidak ada kegunaan kekerasan terhadap penama. Walau bagaimanapun kakitangan bertugas didapati tidak membuat rondaan seperti mana tempoh dan kekerapan yang ditetapkan dan telah dikenakan tindakan tatatertib.

Seterusnya kes kematian banduan R. Kumarajah. Penama semasa diterima masuk ke Penjara Kajang pada 9 Februari 2012 telah dibuat ujian darah dan didapati ada jangkitan virus yang membahayakan. Jadi oleh sebab saya tidak hendak mendedahkan apakah virus yang dihadapi takut mengaibkan keluarga, jadi saya tidak sebut walaupun ada di sini Tuan Yang di-Pertua, kita boleh memberi kepada Yang Berhormat kalau mahu, apa penyakitnya.

Penama seterusnya didapati ditempatkan di klinik penjara untuk rawatan dan pemerhatian kerana kerap mengadu tidak sihat. Koroner telah hadir semasa kematian. Bedah siasat telah dilaksanakan oleh pakar forensik di *general* Hospital Serdang dan turut dihadiri oleh peguam. Penerangan kepada keluarga oleh pakar forensik menjelaskan bahawa tidak ada kesan pukul atau dera. Kematian disebabkan oleh jangkitan bakteria jantung.

Manakala berhubung kes kematian banduan Kamarulnizam Ismail pula, penama pada 7 Mac 2014 telah diterima masuk ke Penjara Tapah. Semasa proses penerimaan, penama diberikan rawatan dan ubatan kerana mengadu cirit birit. Penama pada 8 Mac 2014 didapati tidak sedarkan diri oleh rakan sebilik dan mengejutkannya untuk solat subuh. Koroner telah datang bedah siasat dilakukan dengan kehadiran keluarga. Hasil bedah siasat mendapati kematian berpunca daripada jangkitan kuman dalam paru-paru, *chest infection*.

■1540

lanya hanya selaras dengan hasil siasatan terhadap isteri penama yang turut menjalani hukuman penjara yang memaklumkan penama menghidap penyakit batuk lebih kurang dua bulan lamanya sebelum ditangkap. Isteri penama telah mengajak untuk mendapatkan rawatan sebelum ditangkap tetapi penama berdegil hingga telah tarikh ditangkap pada 12 Disember 2014. Isteri penama juga berpuas hati dengan bedah siasat yang dijalankan dan kematian suaminya kerana tidak ada unsur-unsur jenayah.

Akhir sekali berhubung kematian banduan Qoi Soon Guan. Penama telah dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang pada 14 April 2014 dengan tuduhan di bawah seksyen 12(3) dan seksyen

15(1)(a) Akta dadah Berbahaya. Pada 6 April 2014 subjek ini didapati tidak sedarkan diri di sel penempatan dan seterusnya dibawa ke Hospital Pulau Pinang dan disahkan meninggal kerana telah datang dan dibedah siasat telah dijalankan. Hasil bedah siasat mendapati punca kematian penama ialah *severe coronary artery diseases*. Hasil siasatan juga mendapati tidak ada sebarang unsur kekerasan berlaku terhadap penama.

Manakala negara lain, pertanyaan yang dimaksudkan dijawab secara bertulis berdasarkan kepada alasan-alasan berikut. Pertanyaan-pertanyaan tersebut tidak berkaitan dengan RUU ini. Pertanyaan-pertanyaan tersebut telah dijawab sebelum ini pada 24 Oktober 2013 masa perbahasan Rang Undang-undang Penjara yang berasaskan laporan akhbar terdapat permohonan di mahkamah berkaitan dengan Makkal Osai 15 November 2014. Begitu juga sebahagian penjelasan berhubung penyakit banduan jika dimaklumkan oleh mengaibkan keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, belum pukul 4, terima kasih. Yang Berhormat Sepang telah membangkitkan supaya seksyen 49 Akta Penjara dikaji semula kerana penggunaan perkataan lazimnya tidak meletakkan kewajipan dalam pengasingan banduan. Ini bersamaan dengan apa yang telah dibangkitkan Yang Berhormat berhubung dengan pengasingan banduan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun seksyen 49, Akta Penjara 1995 mengguna perkataan banduan reman dan banduan kes sivil lazimnya tidak boleh dicampurkan dengan banduan yang menjalani hukuman penjara. Jabatan Penjara adalah tertakluk kepada peraturan *standard operating procedure* (SOP) dalam pengasingan, penempatan banduan mengikut umur, jantina, tahap kesihatan, kesalahan, reman, kes sivil dan sabitan telah dilaksanakan secara kekal dan teratur.

Banduan berkenaan sama ada ditempatkan secara berasingan dalam bahagian atau bangunan berasingan di sebuah penjara atau dengan mewujudkan penjara khas. Ketetapan *United Nations Standard Minimum Rules* (UNSMR) turut diguna pakai oleh Jabatan Penjara Malaysia dalam urusan penempatan banduan. Yang Berhormat Sepang juga bertanya usaha yang dilakukan bagi mengurangkan risiko penyakit berjangkit kepada warden dan pegawai penjara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pegawai penjara menghadapi pelbagai risiko semasa menjalankan tugas. Mengawal keselamatan dan melaksanakan program pemulihan kerana mereka perlu berada bersama dengan banduan setiap hari. Risiko yang dihadapi bukan sahaja dalam bentuk ancaman keselamatan, tetapi termasuk juga kesihatan. Oleh itu pelbagai langkah telah diambil bagi mencegah berlakunya jangkitan penyakit dari banduan kepada pegawai penjara. Antara langkah tersebut ialah:

- (i) membuat satu pemeriksaan kesihatan saringan darah terhadap banduan masa kemasukan seterusnya mengasingkan penempatan banduan yang menyenangkan kawalan penyakit dari merebak dan rawatan oleh anggota terlatih;
- (ii) menyediakan tatacara kawalan terhadap banduan yang mempunyai penyakit berjangkit;

- (iii) memberikan suntikan pencegahan dan peralatan untuk kegunaan pegawai penjara semasa membuat kawalan dan pengiringan;
- (iv) menggalakkan pemeriksaan kesihatan yang menyeluruh di kalangan kakitangan; dan
- (v) bekerjasama dengan hospital pejabat kesihatan termasuk pihak universiti bagi kajian kes penyakit berjangkit bagi tujuan meningkatkan kemudahan kesihatan serta pencegahan penyakit.

Yang Berhormat Subang juga telah mengemukakan beberapa aduan oleh bekas banduan Uthayakumar. Melalui penerbitan buku *Torture in Malaysia Prison* iaitu berhubung layanan yang diterima semasa menjalani hukuman di Penjara Kajang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat aduan yang membangkit telah menjelaskan oleh Jabatan Penjara sebelum ini kepada Majlis Peguam Malaysia, The Bar Council. Persatuan Pengguna Malaysia peguam bela kepada Uthayakumar dan juga media, ini termasuk penjelasan di Dewan Rakyat pada 24 Oktober 2013 semasa perbahasan Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) 2013. Saya sendiri telah membaca beberapa muka penjelasan. Isu berkenaan pelaksanaan hukuman di penjara yang didakwa *primitive* di mana banduan disuruh duduk mencangkung dan tunduk kepala.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pelaksanaan '*rolled cold*' adalah satu prosedur *standard* yang bertujuan keselamatan *master* ataupun kiraan jumlah banduan dan ianya bukan bertujuan untuk mendera dan merendahkan maruah seseorang banduan. Ia dapat memastikan jumlah banduan di dalam kawalan sentiasa cukup jumlahnya serta membolehkannya keadaan seorang banduan dapat diperhatikan dengan lebih jelas. Ini dilakukan mengikut jadual yang ditetapkan bergantung kepada aktiviti semasa banduan. Semasa banduan keluar dari sel untuk aktiviti atau sedang berada di luar kerana aktiviti banduan diminta untuk berkumpul tanpa bergerak bagi membolehkan kiraan disebut dengan jelas dan sempurna. Dalam waktu tertentu, kiraan jumlah banduan juga dilakukan semasa banduan berada dalam sel.

Yang Berhormat juga membangkitkan keadaan kebersihan dalam penjara yang mana pemotong kuku yang berkongsi ataupun untuk 500 banduan menyebabkan penyakit kudis berjangkit kepada banduan lain. Begitu juga Uthayakumar mendakwa telah mengalami kudis buta sehingga beliau dibebaskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berasaskan statistik pada Oktober 2014 hanya seramai 30 orang daripada 4,800 banduan di Penjara kajang mengalami penyakit kudis buta. Ia berlaku terutamanya di kalangan banduan yang baru masuk dan mereka segera diberikan rawatan.

Manakala Uthayakumar juga pernah dirawat kerana masalah gatal dan berasaskan rekod kesihatan ia telah sembuh ia telah sembuh dalam tempoh kurang dua minggu. Oleh yang demikian beliau telah lama sembuh sebelum dibebaskan dan telah mendapat rawatan yang sewajarnya. Mengikut SOP penjara, peralatan seperti pengetip kuku dan gunting rambut merupakan peralatan terkawal dan disediakan dalam bilangan terhad serta diletakkan di tempat khas. Jika semua banduan dibekalkan dengan peralatan berkenaan ia boleh diguna ia boleh untuk menjejaskan keselamatan diri banduan lain serta kakitangan penjara. Dakwaan Yang

Berhormat mengenai banduan baru dipaksa secara berbogel, telanjang untuk melihat sama ada mereka membawa dadah atau tembakau serta seramai 250 orang dipaksa telanjang untuk pemeriksaan *tattoo* di hadapan banduan yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut SOP penjara pemeriksaan terhadap banduan dilakukan dalam bilik dan di hadapan pegawai penjara dan bukan di hadapan banduan yang lain. Banduan yang diperiksa akan dibekalkan tuala dan bukannya telanjang tanpa sebarang alas. Pemeriksaan tersebut adalah penting untuk keselamatan banduan berkenaan.

Banduan lain dan juga kakitangan bagi memastikan mereka tidak membawa sebarang artikel atau barangan larangan sebagaimana yang disebut oleh seorang Ahli Yang Berhormat menyatakan ada kemasukan dadah masuk ke dalam penjara. Inilah yang cuba kita terangkan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Manakala pemeriksaan *tattoo* dilakukan hanya dengan menanggalkan baju sahaja.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh sedikit sahaja. Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam penjara kita di Malaysia sekarang ini adakah diadakan klinik dengan ada pakar-pakar datang melawat. Contohnya pakar penyakit *scabies* sakit kudis buta tadi dan juga *addiction psychiatrist*. Maknanya pakar sakit jiwa tetapi pengkhususan dengan *addiction*, dengan izin. Terima kasih.

■1550

Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah berbincang dua ke tiga kali dengan pihak penjara dan juga bersama dengan pihak Jabatan Kesihatan berhubung dengan untuk menempatkan pegawai-pegawai kesihatan di dalam penjara. Ini bergantunglah dengan kebolehan Jabatan Kesihatan dan ada juga dicadangkan bahawa supaya penjara itu sendiri dibekalkan dengan pegawai-pegawai yang tertentu. Saya mendapat nasihat secara khusus dan saya telah berbincang dengan Profesor Dr. Adibah dari Universiti Malaya berhubung dengan penyakit ini khususnya penyakit sebagai *Tibi*, HIV dan penyakit-penyakit berjangkit lain.

Jadi saya telah disarankan bahawa menempatkan tiap-tiap penjara itu dengan sekurang-kurangnya tiga ataupun empat orang pegawai kesihatan. Tidak payah doktor tetapi melatih pegawai kesihatan ataupun *health assistant* ataupun seorang *nurse* yang terlatih dalam sudut mengawal penyakit-penyakit berjangkit. Akan tetapi kita masih meminta supaya perkara ini dipertimbangkan oleh pihak kerajaan Yang Berhormat. Jadi tindakan itu ada tetapi prosesnya memakan masa dan kajian yang terperinci bagaimana boleh kita menyediakan kesihatan di tiap-tiap penjara di seluruh Malaysia. Buat sementara ini, kita bekerjasama dengan pihak Jabatan Kesihatan dan hospital-hospital yang berdekatan yang mana memberi lawatan dari semasa ke semasa apabila keperluan kita berbangkit.

Kedua berhubung dengan Pegawai *Psychiatrist* tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Saya telah berbincang juga dengan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam satu persidangan dan saya telah diberi maklumat yang terperinci oleh seorang pakar *psychiatrist* dari Kementerian Kesihatan yang mengatakan memang perlu diadakan ini. Jadi untuk maklumat Yang Berhormat bahawa saya telah diberi tugas oleh Jawatankuasa *Cabinet Committee* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk membuat laporan selama dalam masa tiga bulan dari bulan inilah Yang Berhormat, tiga bulan untuk memberi laporan kepada kerajaan keperluan-keperluan sedemikian khususnya berhubung dengan AADK.

Mereka yang ditahan dalam pusat tahanan yang kena penyakit dadah. Jadi dalam masa yang sama saya cukup yakin saya akan boleh berbincang juga atau membuat saranan supaya penjara juga dibekalkan dengan pegawai-pegawai tertentu kerana mengikut nasihat dari Kementerian Kesihatan bahawa *there is a need for psychiatrist help* dalam tiap-tiap hospital. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Subang membangkitkan berkenaan penggunaan gayung yang digunakan bagi mencuci najis dan turut digunakan sebagai bekas untuk makan bubur nasi. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, mengikut prosedur yang ditetapkan, kemudahan gayung sememangnya disediakan sebanyak satu unit sahaja untuk setiap banduan bagi kegunaan kebersihan diri dan bukannya untuk mengisi bubur nasi.

Jadi ini Yang Berhormat, saya boleh menafikanlah. Saya telah banyak melawat penjara-penjara ini. Saya lihat gayung itu memang untuk mereka mencuci sendiri dan bukan untuk menghidangkan atau menyajikan makanan. Jadi sebaliknya satu unit kol juga disediakan untuk setiap banduan sebagai bekas yang digunakan untuk mengisi bubur nasi semasa sarapan pagi. Jika berlaku kerosakan...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Orang Sarawak tidak tahulah, 'kole' ini...
[Ketawa]

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ini semua sudah tertidur. Cakaplah, cerita sedikit ini. Yang Berhormat diam sahaja. Cakaplah sedikit.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih, memang 'sekole'. Yang Berhormat *member 'sekolelah'*.

Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Duduklah, duduklah saya sebut 'kole'.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: 'Kole' itu maknanya macam cawanlah 'kole' itu. Itu 'kole'.

Seorang Ahli: *Mug.*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *Mug*, tetapi dia dibuat daripada tin.

Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Daripada tin.

Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Cangkirilah Yang Berhormat, cangkir.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak sokonglah.

Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sokong.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, sekejap. Saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri tadi kata memang tidaklah saja-saja hendak makan dengan timba yang digunakan untuk basuh najis itu, gayung. Akan tetapi kalau dia makan juga, itu dia sendiri-sendirilah. Macam saya pernah duduk dalam Penjara Kajang. Jadi bulan puasa, hendak buka puasa hendak kena ada sambal belacan. Jadi mintalah pada kawan-kawan pegawai-pegawai penjara, minta cabai dengan belacan, penumbuk tidak ada, yang ada gayung itu. Kemudian mintak botol, tumbuk dalam gayung itulah. Bila buang najis, berak pun pakai yang itulah basuh... [Ketawa] Jadi apa boleh buat, sudah tidak ada, hendak buat macam mana, jadi guna. Itu atas inisiatif sendiri. Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa penjara tidak menyediakan gayung untuk makan, itu inisiatif, kreativiti orang yang duduk dalam penjaralah... [Ketawa] Itu pengalaman sayalah.

Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Akan tetapi bagus jugalah, dia ini berlatih hendak jadi Yang Berhormat Menteri hari ini, beri penjelasan. Jadi terima kasihlah Yang Berhormat. 'Kole' berkenaan boleh dipohon dan diganti dengan yang baru manakala hidangan tengah hari dan malam pula disediakan dalam tray khas untuk setiap banduan dan bukannya dalam gayung. Terima kasihlah Yang Berhormat dari Pokok Sena memberi penjelasan. Memang kita tidak menggunakan gayung untuk mencuci sendiri, itu sebagai untuk menghidangkan barang, menyajikan barang makanan Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat juga bertanya. Banyak pertanyaan ini, mengenai isu tidak-peralatan mop, penyapu untuk membersihkan tandas. Oleh yang demikian, banduan terpaksa menggunakan tangan untuk membersihkan tandas berkenaan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kemudahan mop, penyapu dan berus yang disediakan untuk membersihkan sel dan tandas hanya sebahagian daripada proses penjaran kebersihan untuk setiap banduan. Sebahagian tugas tersebut dilakukan oleh banduan kerja, orang yang bekerja untuk mencuci. Walau bagaimanapun, bagi tujuan keselamatan, peralatan berkenaan tidak disimpan di dalam sel banduan. Oleh itu kenyataan yang menyebut bahawa hanya tangan digunakan untuk membersihkan tandas adalah tidak benar. Zaman saya cuci tandas itu mesti guna tangan, tidak boleh guna penyapu, tidak guna berus dan sebagainya, kena guna tangan.

Selain dari itu Yang Berhormat Subang turut mendakwa bahawa mengenai isu banduan juvana berkongsi kantin, lokap, hospital, penjara, klinik pergigian sama dengan banduan dewasa atau semasa menunggu perjumpaan. Untuk makluman Yang Berhormat, walau bagaimanapun kemudahan rawatan pergigian dan klinik menggunakan tempat yang sama tetapi pemeriksaan kesihatan dan rawatan dilakukan berasingan secara berkumpulan. Jadual rawatan untuk banduan dewasa dan juga juvana juga adalah berasingan. Sehubungan dengan itu, mereka tidak ditempatkan dalam lokap bersama menunggu rawatan walaupun semasa menunggu

perjumpaan. Malah, semasa sesi perjumpaan, tempat yang khas disediakan untuk juvana tanpa melibatkan percampuran dengan banduan dewasa.

Yang Berhormat Subang juga membangkitkan berhubung penempatan lima orang banduan yang dikurung secara bersama dalam sel yang kurang daripada 12 kaki, sepuluh kaki serta turut mendakwa berlaku kejadian buli dalam sel.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam mesyuarat, muka surat 20, buku P. *Uthayakumar*, yang bertajuk *Tortures Malaysian Prison*, saiz sel di Penjara Kajang ialah 12 kaki, sepuluh kaki. Manakala dalam muka surat 45 berkenaan, sel dikatakan saiz sepuluh kaki, sepuluh kaki dan turut menempatkan sepuluh orang banduan. Saiz sebenar sel penjara Kajang ialah 13 kaki, sepuluh kaki hanya diguna untuk menempatkan tiga orang banduan manakala bagi *dormitory* yang saiz 23 kaki dan 16 kaki hanya diguna untuk menempatkan sepuluh orang banduan sahaja.

Dakwaan mengenai banduan gengster Melayu yang melakukan kegiatan sesuka hati di dalam penjara seperti mengugut banduan lain dengan memaksa mereka berguling 100 kali serta mengambil barang banduan lain adalah tidak benar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian banduan membuli atau mengugut atau mengambil barangan banduan jika berlaku telah diambil tindakan disiplin di bawah peraturan penjara. Setakat ini kejadian berbentuk buli sangat jarang berlaku, terkawal dan tidak melibatkan perkauman tertentu sahaja. Kejadian seperti yang dicatatkan dalam buku berkenaan tidak berlaku dan juga tiada aduan dibuat mengenainya.

■1600

Yang Berhormat Subang juga membangkitkan isu berhubung pelaksanaan hukuman sebatan terhadap seorang banduan bernama Mohana Sundram yang telah lumpuh dari pinggang ke bawah akibat menjalani hukuman tujuh kali sebatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banduan Mohana Sundram a/l Krishnan, masuk Penjara Kajang 30 Mac 2012 untuk menjalani hukuman penjara tiga tahun. Penama menjalani hukuman sebat rotan pada 3 Mei 2012. Sebelum menjalani hukuman rotan, penama telah menjalani pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan dan didapati sihat dan layak. Manakala hukuman sebatan yang dilaksanakan terhadap penama adalah menggunakan rotan bersaiz kecil secara disiplin sekolah. Malah beralas dan tidak mencederakan kerana penama disabitkan dengan tujuh kesalahan di bawah seksyen 420, Kanun Keseksaan iaitu menipu dengan curang supaya harta diserahkan kepada orang lain.

Oleh itu, hukuman tersebut tidak menjadi penyebab kepada penyakit saraf iaitu *guillain-barre syndrome* yang dihadapi penama. Penama hanya mengadu mengalami cirit birit dan tidak boleh berjalan hanya pada 18 Julai 2012 iaitu lebih sebulan selepas sebatan rotan dilaksanakan. Semenjak tarikh tersebut, penama dibawa untuk rawatan sebanyak 20 kali ke Hospital Kajang dan Hospital Kuala Lumpur mengikut jadual yang ditetapkan oleh pihak hospital. Penama telah dilepas secara Perintah Parol pada 9 Oktober 2013 walaupun tarikh kebebasan sebenar penama adalah 30 Mac 2014.

Yang Berhormat Kota Kinabalu, membangkitkan isu rampasan kitab *Bible* dalam Bahasa Melayu yang dibuat di Penjara Kajang.

Untuk makluman Yang Berhormat, semakan mendapati tiada kejadian rampasan kitab *Bible* Bahasa Melayu di penjara berkenaan. Prosedur Jabatan Penjara menetapkan semua bahan bacaan atau bahan bertulis atau lain-lain barang yang dibawa masuk atau keluar perlu diperiksa dan ditapis terlebih dahulu. Ia bagi memastikan bahan berkenaan tidak akan menjejaskan keselamatan sebelum bahan tersebut diberi kepada banduan atau dikeluarkan dari penjara. Keluarga setiap banduan adalah digalakkan untuk memberikan bahan bacaan yang berfaedah kepada banduan.

Yang Berhormat Kota Kinabalu juga ingin mengetahui sama ada terdapat kes kematian dalam tahanan atau penjara di Sabah jika ada terdapat kes kematian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun ini berlaku lapan kes kematian banduan di penjara negeri Sabah. Semua kes kematian tersebut berlaku di hospital iaitu semasa banduan berkenaan menjalani rawatan kerana masalah penyakit yang dihadapi. Walaupun kes kematian tersebut berlaku di hospital, semua SOP yang ditetapkan oleh Jabatan Penjara telah dipatuhi iaitu melaporkan kepada pihak polis, memastikan kehadiran koroner, memaklumkan kepada keluarga, memastikan bedah siasat dilaksanakan untuk mengetahui punca kematian dan menjalankan siasatan dalaman.

Yang Berhormat Subang, mengenai program pemulihan untuk menjalani parol dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan tersebut adalah tidak benar kerana seorang banduan dari segi pemulihan boleh dipertimbangkan untuk mengemukakan laporan mereka kepada Lembaga Parol, perlu mengikut fasa-fasa pemulihan ditetapkan dengan markah sekurang-kurangnya 70%. Laporan pemulihan diri banduan akan mengandungi antaranya saringan dadah, ujian psikologi, kerohanian, kemahiran vokasional dan lain-lain yang memerlukan penglibatan secara langsung oleh Pegawai Penjara. Proses tersebut memerlukan kemahiran khusus oleh Pegawai Penjara yang terlatih dan dipilih serta bukannya dilaksanakan oleh banduan.

Banduan yang dilatih dan terpilih hanya digunakan di peringkat awal fasa pemulihan sebagai Pembantu Wadar semasa banduan menjalani latihan kawad sahaja. Latihan ini di bawah kawalan oleh beberapa Pegawai Penjara dan ianya merupakan sebahagian kecil aktiviti dalam fasa pertama sahaja. Sedangkan Program Pemulihan untuk parol memerlukan proses yang lebih panjang.

Yang Berhormat Sepang juga mengetahui sama ada kerajaan bersedia untuk meminda berhubung keanggotaan Lembaga Parol memandangkan jumlahnya sedikit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini keanggotaan Lembaga Parol masih lagi memadai dan mampu mengendalikan jumlah dosir banduan yang dipertimbangkan untuk pelepasan secara Perintah Parol. Kementerian Dalam Negeri bersedia meneliti dan mempertimbangkan sekiranya berlaku peningkatan jumlah banduan yang dipertimbangkan untuk pelepasan secara perintah parol.

Yang Berhormat Sepang turut bertanya jaminan terhadap banduan yang dipenjarakan tidak akan mengulangi kesilapan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jaminan yang boleh diberikan ialah banduan berkenaan akan mengikut Program Pemulihan Jabatan Penjara iaitu Program Pembangunan Insan. Mereka akan diberikan berulang latihan pemulihan dan dibangunkan semula bersesuaian dengan latar belakang kesalahan dan kecenderungan. Proses pemulihan tersebut kini mendapat bantuan dan sokongan dari pelbagai pihak. Pelbagai program pemulihan telah diatur untuk banduan antara keagamaan, sahsiah, kaunseling, motivasi, vokasional, akademik dan kemasyarakatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tidak berapa panjang Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau boleh, jawapan bertulis. Peringkat Jawatankuasa masih lagi ada dan kita ada tiga lagi rang undang-undang.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Baik Yang Berhormat, atas saranan yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya akan memberi jawapan secara bertulis mengikut apa yang ada dalam naskhah buku saya ini. Jadi, dengan itu sekali lagi saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada semua Yang Berhormat, termasuk jawapan-jawapan daripada empat orang yang membahaskan terkini yang mana jawapannya juga kita akan beri secara bertulis. *Incidentally* Yang Berhormat, saya pun hendak pergi ke *airport*, hendak pergi ke Bangkok, menghadiri satu Mesyuarat Pendaftaran. Kalau tidak, pagi esok saya terpaksa membentangkan kertas untuk perbahasan di Bangkok. Jadi, memang saya sendiri pun perlu keluar dengan cepat Yang Berhormat. Ucapan terima kasih yang telah diberi kepada saya oleh Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu saya ucapkan terima kasih kepada semua kerana telah membantu saya dalam membentangkan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Jawatankuasa*

[Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.]

■1610

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO.2) 2014**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.11 ptg.**

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum Cukai Petroleum Cukai Pendapatan 1967, dan Akta Keuntungan Harta Tanah 1976 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2014 yang dicadangkan tersebut adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2015 di samping melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 29 fasal yang dibahagikan kepada empat bab seperti berikut. Bab I permulaan. Dalam bab permulaan terdapat dua fasal seperti berikut:

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan (No. 2) 2014.

Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta 1976.

Bab II yang terdiri daripada 21 fasal iaitu fasal 3 hingga 23 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

Fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Kesemua pindaan kepada akta mempunyai tarikh kuat kuasa mulai tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran berikutnya kecuali fasal 11, 13, fasal 14, perenggan 15(a), fasal 17, fasal 18, fasal 19, sub-sub perenggan 20(a)(iv)(A) dan perenggan 22(a) yang mula berkuat kuasa apabila akta ini dikuatkuasakan sementara perenggan 15(b) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

Fasal 4 bertujuan memotong *proviso* kepada subseksyen 5(1) dan memasukkan subseksyen baru 5(1A) bagi memperuntukkan bahawa pendapatan daripada pengeluaran caruman Skim Persaraan Swasta yang tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109G tidak diambil kira sebagai pendapatan dalam menentukan pendapatan bercukai.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 29 seperti berikut:

Memasukkan perenggan baru 29(3)(aa) yang menetapkan bahawa pendapatan faedah kepada pemberi pinjaman yang sepatutnya dibayar oleh pihak peminjam bagi pinjaman antara individu yang mempunyai hubungan persaudaraan adalah dianggap dapat diterima apabila ia dituntut oleh pemberi pinjaman.

Memasukkan subseksyen baru 29(4) yang memperuntukkan bahawa sebarang pendapatan pengajian, faedah, diskaun, sewa, royalti atau apa-apa pencen, anuiti atau bayaran berkala yang lain yang sepatutnya diterima dari individu yang mempunyai hubungan persaudaraan atau syarikat berkaitan dalam satu tahun taksiran semasa hendaklah dianggap boleh diterima dalam tahun taksiran berikutnya apabila pendapatan tersebut dituntut.

Memasukkan subseksyen baru 29(5) bagi menjelaskan bahawa takrif "*relative*" dan "*transaction*" dengan izin adalah sama seperti dalam sub seksyen 1408.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 46 seperti berikut:

Meminda subseksyen 46(1)(d) untuk menaikkan amaun pelepasan maksimum daripada RM5,000 kepada RM6,000 ke atas pembelian alat sokongan asas bagi kegunaan diri sendiri, isteri, anak, dan ibu bapa kurang upaya dan meminda subseksyen 46(1)(g) untuk menaikkan amaun pelepasan maksimum daripada RM5,000 kepada RM6,000 ke atas perbelanjaan rawatan penyakit serius untuk diri sendiri, pasangan dan anak.

Fasal 7 bertujuan meminda subseksyen 48(2)(b) untuk menaikkan amaun pelepasan maksimum bagi anak kurang upaya dari RM5,000 kepada RM6,000 bagi setiap orang.

Fasal 8 bertujuan memasukkan subseksyen baru 60(4c) bagi membenarkan perniagaan insurans menuntut potongan ke atas perbelanjaan yang dilakukan dalam mengurus pelaburan atau hak *right* yang berkaitan dana hayat, dana am dan dana pemegang saham.

Fasal 9 bertujuan meminda seksyen 60AA berhubung layanan cukai pendapatan ke atas perniagaan takaful seperti berikut:

Meminda sub perenggan 5(b)(iii), 5(b)(viii), 7(b)(iii), dan 7(b)(viii) bagi menjelaskan bahawa potongan cukai yang dibenarkan untuk perbelanjaan komisen, perbelanjaan pengurusan dan pemberian diskaun oleh perniagaan takaful di bawah dana am hanya diberikan kepada perniagaan takaful am yang menggunakan prinsip mudarabah sahaja.

Meminda subperenggan 9(a)(iii) dan 10(a)(iii) bagi menetapkan bahawa untuk perniagaan takaful yang berasaskan prinsip wakalah, pendapatan fi wakalah yang diterima oleh dana pemegang saham dari dana keluarga adalah tidak dikenakan cukai.

Memasukkan subperenggan baru 9(a)(vi) dan 10(a)(vi) bagi menetapkan bahawa lebihan aktuari yang dipindahkan daripada dana keluarga kepada dana pemegang saham adalah dikenakan cukai ke atas dana pemegang saham.

Meminda subperenggan 9(b)(iii), 9(b)(iv), (10)(b)(iii) dan (10)(b)(iv) bagi menjelaskan bahawa potongan cukai untuk perbelanjaan komisen, perbelanjaan pengurusan dan pembelian diskaun oleh pemegang takaful di bawah dana pemegang saham melalui peruntukan-peruntukan tersebut hanya diberikan kepada perniagaan takaful am yang menggunakan prinsip wakalah.

Memasukkan subseksyen baru 60AA(10A) bagi membenarkan perniagaan takaful menuntut potongan ke atas perbelanjaan yang dilakukan dalam menguruskan pelaburan atau hak yang berkaitan dengan dana keluarga, dana am dan dana pemegang saham.

Fasal 10 bertujuan memasukkan subseksyen baru 60(3A) bagi memperuntukkan bahawa syarikat bertujuan khas, *Special Purpose Vehicle* (SPV) adalah termasuk SPV yang ditubuhkan

oleh suatu amanah pelaburan harta tanah... atau dana amanah harta tanah (PTF) yang semata-mata bagi maksud penerbitan sekuriti Islam.

Fasal 11 bertujuan memasukkan subseksyen baru 75B(3) dan 75B(4) bagi memperuntukkan bahawa setiap ahli kongsi di dalam perkongsian yang bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad akan terus bertanggungjawab ke atas cukai pendapatan masing-masing bagi tahun taksiran sebelum pertukaran perkongsian menjadi PLT iaitu Perkongsian Liabiliti Terhad. Untuk syarikat yang bertukar kepada PLT pula bertanggungjawab ke atas liabiliti cukai bagi tahun-tahun taksiran sebelum pertukaran syarikat menjadi PLT adalah dipindahkan kepada PLT.

Fasal 12 bertujuan meminda subseksyen 77C(1)(a) dan (c) supaya kriteria individu yang layak memilih untuk tidak mengemukakan borang nyata cukai pendapatan diperluaskan kepada individu yang ada menerima manfaat pengajian dan tempoh pengajian pula kurang dari 12 bulan.

Fasal 13 bertujuan memasukkan subseksyen baru 91(5) bagi memperuntukkan bahawa tempoh had masa untuk membangkitkan taksiran ke atas kes pindaan harga ditetapkan kepada tujuh tahun selepas berakhirnya satu tahun taksiran.

Fasal 14 bertujuan meminda subseksyen 99(4) bagi meluaskan asas, mengemukakan rayuan ke atas taksiran yang diisytiharkan oleh pembayar cukai supaya meliputi pendirian, ketetapan atau amalan pentadbiran Cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri semasa taksiran dibangkitkan.

■1620

Fasal 15 bertujuan meminda seksyen 107C seperti berikut:

- (i) meminda subseksyen 107C(4A) bagi mengenakan syarat kelayakan supaya selain daripada mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas pada tahun taksiran syarikat tersebut hendaklah diperbadankan dan bermastautin di Malaysia untuk menikmati kadar cukai konsesi dan kemudahan tidak perlu mengemukakan anggaran cukai dalam tempoh dua tahun taksiran selepas penubuhannya; dan
- (ii) meminda subseksyen 107C(12) untuk menetapkan bahawa tarikh akhir pengemukaan bayaran ansuran cukai syarikat ditukar daripada hari yang ke-10 kepada sesuatu bulan, kepada hari yang ke-15 bagi maksud penyeragaman tarikh akhir pembayaran.

Fasal 16 bertujuan memasukkan seksyen baru 110C berhubung pemindahan lebihan aktuari daripada dana keluarga kepada dana pemegang saham. Layanan cukai yang ditetapkan adalah nilai cukai ke atas bahagian lebihan yang dipindahkan tersebut adalah dibenarkan tolakan terhadap nilai cukai yang boleh dikenakan ke atas pendapatan dana keluarga.

Fasal 17, fasal 18 dan fasal 19 bertujuan meminda subseksyen 112(1), 115(1) dan 120(1) untuk menaikkan jumlah denda maksimum daripada RM2,000 kepada RM20,000. Ini melibatkan kesalahan gagal mengemukakan borang cukai atau mengisytiharkan cukai,

meninggalkan negara tanpa membayar cukai dan lain-lain kesalahan yang berkenaan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 20 bertujuan meminda kadar cukai pendapatan selaras dengan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015 seperti berikut:

- (i) meminda perenggan 1 Bahagian I Jadual 1 untuk menurunkan kadar cukai pendapatan individu bermastautin di antara satu hingga tiga mata peratusan mulai pendapatan bercukai RM5,000. Kadar untuk banjaran cukai tertinggi iaitu pendapatan melebihi RM400,000 ditetapkan sebanyak 25%;
- (ii) meminda perenggan 1A Bahagian I dalam Jadual 1 untuk menurunkan kadar cukai yang dikenakan ke atas individu bukan bermastautin daripada 26% kepada 25%;
- (iii) meminda perenggan 2, Bahagian I dalam Jadual 1 untuk menetapkan cukai pendapatan ke atas sesuatu syarikat, badan amanah, wasi, penerima dan perkongsian liabiliti terhad pada kadar 25% pada tahun taksiran 2015 dan 24% bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya; dan
- (iv) meminda perenggan 2A dan 2D, Bahagian I, Jadual 1 untuk mengenakan kadar cukai pendapatan ke atas satu syarikat yang diperbadankan di Malaysia atau sebuah perkongsian liabiliti terhad yang bermastautin di Malaysia dan mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2,500,000 pada permulaan tempoh asas bagi tahun taksiran seperti berikut:
 - (a) kadar cukai sebanyak 20% dalam tahun taksiran tahun 2015 dan 19% dalam tahun taksiran berikutnya ke atas RM500,000 yang pertama; dan
 - (b) kadar cukai sebanyak 25% dalam tahun taksiran tahun 2015 dan 24% dalam tahun taksiran berikutnya ke atas pendapatan melebihi RM500,000.

Fasal 20 juga meminda Bahagian IV dalam Jadual 1 untuk menurunkan kadar cukai pendapatan koperasi sebanyak satu hingga dua mata peratusan bagi pendapatan bercukai melebihi RM150,000. Kadar untuk banjaran cukai tertinggi iaitu pendapatan melebihi RM750 ditetapkan sebanyak 24%.

Fasal 21 bertujuan meminda seksyen Jadual 3 seperti berikut:

- (i) meminda subperenggan 8(1) dalam Jadual 3, bagi menjelaskan bahawa hanya seseorang yang mempunyai konsesi atau lesen untuk mengeluarkan balak sahaja yang layak menuntut elaun modal perbelanjaan hutang. Elaun modal tersebut adalah bagi perbelanjaan pembinaan jalan dan bangunan di mana aktiviti pembalakan dijalankan;

- (ii) meminda subperenggan 19A(1) dalam Jadual 3, supaya setiap aset bernilai kecil yang layak diberi layanan istimewa dengan membenarkan tuntutan elaun modal sepenuhnya dalam tempoh satu tahun dinaikkan nilainya dari RM1,000 kepada RM1,300;
- (iii) meminda subperenggan 19A(1) dalam Jadual 3, untuk memperuntukkan bahawa jumlah maksimum perbelanjaan aset bernilai kecil yang layak menerima layanan istimewa di atas dinaikkan daripada RM10,000 kepada RM13,000; dan
- (iv) meminda subperenggan 42(1) dalam Jadual 3, untuk menetapkan bahawa pembayar cukai perlu memaklumkan pemilihan salah satu layanan cukai sama ada elaun bangunan industri, elaun pertanian atau elaun hutan dalam penyata cukai bagi tahun semasa.

Fasal 22 meminda Jadual 6 seperti berikut:

- (i) meminda perenggan dalam 12B dalam Jadual 6 bagi menjelaskan lagi layanan cukai ke atas pemegang saham yang menerima dividen. Bagi tujuan menentukan pendapatan larasan ke atas dividen, sebarang perbelanjaan dalam memperoleh dividen tersebut tidak layak menuntut potongan;
- (ii) meminda perenggan 20A dalam Jadual 6 untuk menjelaskan bahawa sebarang kerugian larasan yang terbit dari dana anuiti tertanggung tidak akan diambil kira; dan
- (iii) meminda perenggan 35A dalam Jadual 6 supaya pengecualian cukai ke atas pendapatan faedah yang diterima oleh unit amanah dari institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 atau Akta Perbankan Islam 1983 adalah juga diperluaskan kepada institusi kewangan yang dikawal selia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

Fasal 23 bertujuan meminda Jadual 7A seperti berikut:

- (i) memasukkan subperenggan baru 2A(2) ke dalam Jadual 7A bagi menjelaskan kaedah penarikan balik pemberian elaun pelaburan semula EPS. Sekiranya aset dilupuskan dalam tempoh lima tahun dari perolehan aset tersebut, maka EPS yang telah dituntut perlu ditarik balik; dan
- (ii) memasukan perenggan baru 4A ke dalam Jadual 7A untuk menjelaskan bahawa hanya projek yang layak di bawah perenggan 8, Jadual 7A sahaja boleh menuntut elaun pelaburan semula.

Bab III yang terdiri daripada tiga fasal iaitu fasal 24 hingga fasal 26 bertujuan meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Fasal 24 bertujuan menyatakan pindaan ke atas fasal 25 yang mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini;
- (ii) Fasal 26 pula akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015;
- (iii) Fasal 25 bertujuan memasukkan subseksyen baru 39(5) untuk memperuntukkan bahawa tempoh had masa untuk membangkitkan taksiran ke atas pemindaan harga adalah ditetapkan kepada tujuh tahun selepas berakhirnya satu tahun taksiran; dan
- (iv) Fasal 26 bertujuan meminda takrif "*due date*" dalam subseksyen 49A(16) bagi menetapkan tarikh akhir pengemukaan bayaran ansuran cukai ditukar daripada hari yang ke-10 dalam sesuatu bulan kepada hari yang ke-15.

Bab IV mempunyai tiga fasal iaitu fasal 27 hingga fasal 29 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976. Pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Fasal 27 menyatakan pindaan ke atas Akta ini berkuat kuasa pada 1 Januari tahun 2015;
- (ii) Fasal 28 bertujuan untuk menggantikan subseksyen 21B(1) agar jumlah yang dipegang disimpan *retention sum* berhubung dengan pelupusan suatu aset yang boleh dikenakan cukai dinaikkan daripada 2% kepada 3%;
- (iii) Fasal 29 bertujuan meminda Jadual 2 kepada akta tersebut seperti berikut:
 - (a) meminda subsubperenggan 4(3)(d) dalam Jadual 2 bagi menjelaskan bahawa pelupusan sesuatu hartanah milik seseorang yang telah meninggal dunia dan harta diperoleh sebelum 1 Januari 1970. Maka, nilai harga perolehan untuk tujuan pengiraan cukai keuntungan hartanah adalah berdasarkan nilai pasaran hartanah itu pada 1 Januari 1970;
 - (b) memasukkan subsubperenggan baru 12(2)(a) dalam Jadual 2 bagi memperjelaskan lagi penentuan harga pemerolehan sesuatu harta tanah yang diberikan sebagai hadiah antara suami dan isteri, ibu bapa dan anak atau datuk nenek dan cucu, iaitu adalah dasar kasih sayang- pemberian harta tanah tersebut adalah dianggap tidak menerima untung atau rugi;
 - (c) mencadangkan sub-subperenggan baru 12(2)(b) dalam Jadual 2 bagi memperuntukkan penentuan harga pemerolehan untuk harta tanah yang dihadihkan antara suami dan isteri, ibu bapa

- dan anak atau datuk, nenek dan cucu di kalangan pemberi yang bukan warganegara atau pemastautin tetap. Penerima hartanah hendaklah dianggap memperoleh hartanah itu pada harga perolehan yang dibayar oleh pihak pemberi selepas mengambil kira perbelanjaan yang dibenarkan; dan
- (d) mencadangkan sub-subperenggan baru 12(2)(c) dalam Jadual 2 bagi memperuntukkan layanan penentuan harga pemerolehan oleh harta tanah yang dihadiahkan antara suami dan isteri, ibu bapa dan anak atau datuk, nenek dan cucu bagi pemberi warganegara atau pemastautin tetap. Bagi hartanah yang dihadiahkan dalam tempoh lima tahun selepas tarikh perolehan, pihak penerima hendaklah dianggap memperoleh harta tanah itu pada harga perolehan yang dibayar oleh pihak pemberi selepas mengambil kira perbelanjaan yang dibenarkan.

Sementara bagi aset yang dihadiahkan selepas melebihi tempoh lima tahun dari tarikh pemerolehannya, pihak penerima hendaklah dianggap memperoleh harta tanah itu pada harga pasaran semasa iaitu harga pada tarikh pemberian dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ada siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Separuh bangun tidak kira Yang Berhormat. Yang Berhormat Kelana Jaya dan saya melihat tidak ada lagi bangun. Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya dahulu.

4.32 ptg.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau dibenarkan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak *clarify* sedikit. Walaupun saya akan menimbulkan perkara dasar, saya juga akan memberi fokus kepada fasal-fasal terperinci. Jika dibenarkan, sepatutnya fasal ini *Committee stage* tetapi dia gabungan dua perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tetapi fasal terperinci dibuat dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Okey. Kalau begitu, saya akan fokus pada dasar dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, *we have to stick to the standing order.*

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi peluang bagi saya untuk berucap dan berbahas mengenai Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2014.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bermula dengan menyentuh perkara tentang cukai pendapatan dan GST. Yang Amat Berhormat Pekan selaku Menteri Kewangan dalam penyampaian Bajet 2015 pada permulaan sesi Parlimen ini telah memberitahu Dewan ini bahawa pembayar cukai pendapatan iaitu pembayar cukai pendapatan peribadi akan menikmati potongan 1% ke 3% cukai. Ini adalah jelas sebab ia dalam poin nombor 70 teks ucapan bajet beliau.

Rang undang-undang di depan kita Tuan Yang di-Pertua, bila kita perhatikan, ia tidak menyokong secara substantif apa yang dikatakan oleh beliau. Kita fokus kepada isu Jadual 1, Akta Cukai Pendapatan yang baru, ia menunjukkan dengan jelas potongan kadar cukai adalah di antara 0.5% ke 1% sahaja. Oleh itu, poin yang saya hendak buat adalah pendek tapi perlu dapat penjelasan daripada Menteri ialah Menteri perlu memberi penjelasan benar mengenai perkara ini sama ada *statement* Yang Amat Berhormat Pekan mungkin atau tidak telah mengelirukan Dewan ini. Niat tidak ada niat. itu soalan lain, ya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, konteks potongan kadar cukai ini sebanyak 0.5% ke 1% adalah berkaitan dengan isu GST. Pindaan yang terdapat di dalam Jadual 1 ini nampaknya adalah satu percubaan Kerajaan Barisan Nasional untuk menonjolkan satu rancangan dengan izin, a *tax set-off* di antara 6% GST dan potongan cukai pendapatan 0.5% ke 1%. Potongan cukai ini dibesar-besarkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan sebagai potongan 1% hingga 3%.

Saya rasa dalam fikiran saya, saya tahu macam mana Yang Amat Berhormat Pekan boleh tambah 2% lagi potongan itu sampai ke tahap 3%. Akan tetapi, saya minta jugalah kalau boleh Menteri memberi perkiraan yang lebih jelas dengan *breakdown* yang betul bagaimana dia boleh dapat 3% ini.

Pokoknya, dalam Jadual 1, majoriti besar dalam perkiraan saya, 90% pembayar-pembayar cukai pendapatan hanya akan menikmati potongan 1% sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar. Ada pemakluman, Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa saya telah menerima dan membenarkan permohonan daripada pihak kerajaan supaya rang undang-undang berikut dibahas dan diputuskan pada hari Khamis, 27 November 2014 seperti berikut:

- (vi) D.R 31/2014 – Rang Undang-undang Malaysian Airline System Berhad (Pentadbiran) 2014;
- (vii) D.R 28/2014 – Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan) 2014; dan
- (viii) D.R 23/2014 – Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2014

Sekian. Ya, sila sambung Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi isu yang saya hendak- *repeat* sedikit ya, bagi konteks sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, konteks potongan kadar cukai ini ialah isu GST. Seperti yang saya kata tadi, ini adalah satu percubaan *tax set-off* di antara 6% GST dan 0.5% ke 1% cukai pendapatan. Apa yang penting ialah Yang Amat Berhormat Pekan ataupun Menteri ataupun Timbalan Menteri pada hari ini memberi penjelasan penuh bagaimana dia boleh kira sampai 3% ini.

Pokoknya, bagi perkiraan kita, majoriti besar 90% pembayar-pembayar cukai pendapatan hanya menikmati potongan 1% sahaja. Akan tetapi, 100% pembayar cukai dan semua ahli keluarganya, bayi ataupun dia punya nenek, semua kena bayar cukai tambahan GST 6%. Dalam perkiraan saya, tidak sampai 1% pun pembayar cukai akan menikmati potongan 3% yang Yang Amat Berhormat Pekan sudah tekankan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah isu dasar. Isu-isu lain saya akan bawa pada *Committee stage*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

4.37 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ringkas sahaja iaitu Akta undang-undang Kewangan (No.2) 2014.

Sistem percukaian adalah satu instrumen yang paling berkesan sekali dalam usaha untuk kita meningkatkan pendapatan sesebuah negara. Dalam negara kita, kita mempunyai lebih kurang 13 juta tenaga kerja di mana hanya 1.2 juta sahaja yang membayar cukai pendapatan. Daripada jumlah tersebutlah kita dapat melihat bahawa kerajaan melakukan banyak pembangunan bagi kesejahteraan ummah.

Keduanya, sumber kita yang besar daripada kerajaan yang diuruskan oleh negara adalah semata-mata untuk kepentingan rakyat dan ia selaras juga dengan apa yang dipraktikkan oleh agama Islam. Kita diwajibkan membayar zakat apabila sampai nisabnya. Jadi ini adalah bertujuan supaya kita dapat merapatkan jurang di antara miskin dan juga kaya dan kita dapat membantu mereka-mereka yang berpendapatan rendah dan dengan pungutan tersebutlah, bukan sahaja kita dapat terus memajukan negara bahkan kita dapat memakmurkannya.

Seterusnya saya pergi kepada apa yang telah dibuat oleh kerajaan semasa pembentangan bajet yang lalu. Sebenarnya, usaha kerajaan ini adalah seharusnya mendapat sambutan yang cukup hebat daripada semua rakyat kita. Kalaupun ada mereka-mereka yang

banyak mencemuh kita tetapi sebenarnya apa yang dibuat oleh kerajaan adalah semata-mata untuk memberikan kelegaan supaya wang yang dibawa balik ke rumah dapat sebenar-benarnya melebihi dan dapat dibelanjakan untuk tujuan keluarga.

Pertamanya, saya pergi kepada perenggan 1, Jadual 1 yang dipinda untuk menurunkan kadar cukai pendapatan individu yang bermastautin antara satu hingga tiga mata peratusan mulai pendapatan bercukai RM5,000.

■1640

Struktur paras pendapatan bercukai disusun semula di mana amaun permulaan pendapatan bercukai bagi banjaran tertinggi dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM400,000 mulai tahun taksiran 2015. Sebenarnya keputusan ini adalah keputusan yang cukup dinantikan oleh rakyat kita, terutamanya mereka sebenar yang berpendapatan kurang daripada RM5,000. Kalau duduk di Kuala Lumpur, sebenarnya mereka kita boleh kategorikan sebagai berpendapatan rendah.

Di sini saya ingin menanya kepada pihak kerajaan, berapa ramai sebenarnya daripada tenaga kerja kita yang sepatutnya membayar cukai tetapi tidak membayar cukai dan lari daripada membayar cukai? Adakah sebenarnya pemantauan yang benar-benar berkesan dibuat supaya mereka yang berpendapatan ini membayar cukai?

Keduanya, apa yang saya sebut di sini kepada mereka yang menjalankan perniagaan. Walaupun mereka mempunyai kereta yang besar, rumah yang besar, tetapi oleh sebab mereka tidak membuat pernyataan kepada pihak kerajaan, maka memang menyukarkan kita untuk mengenakan cukai kepada mereka.

Seterusnya saya pergi kepada perenggan 2, Jadual 1 dipinda untuk menurunkan kadar cukai pendapatan syarikat daripada 25% kepada 24% mulai cukai taksiran 2016. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, bagaimana dengan syarikat-syarikat ataupun pertubuhan-pertubuhan yang mencatatkan kerugian pada tahun semasa, tetapi mereka masih lagi dikenakan cukai. Mungkin di atas apa juga pendapatan yang mereka peroleh terutamanya daripada *interest* daripada pelaburan mereka. Akan tetapi sebenarnya kalau kita ikut daripada syarikat tersebut, mencatatkan kerugian.

Keduanya, bagaimana dengan syarikat-syarikat yang banyak menanam modal ataupun menjalankan perniagaan di luar negara tetapi sebenarnya syarikat tersebut beralamat di negara kita dan beroperasi di negara kita tetapi menjalankan perniagaan dan mendapat keuntungan. Adakah keuntungan yang diperolehi daripada luar negara akan juga dikenakan cukai?

Seterusnya saya pergi kepada Bahagian IV, Jadual 1 dipinda untuk menurunkan kadar cukai pendapatan koperasi sebanyak satu hingga dua mata peratusan bagi pendapatan bercukai melebihi RM150,000 mulai tahun taksiran 2015. Koperasi kita sebenarnya adalah satu institusi yang cukup banyak dalam negara kita dan mempunyai aset yang berbilion ringgit.

Jadi soalan saya kepada pihak kerajaan, adakah koperasi-koperasi yang tidak berdaya saing dan juga mempunyai ahli yang ramai, walaupun mempunyai keuntungan, adakah mereka

akan dikecualikan daripada membayarnya. Ini kerana dalam masa yang sama, koperasi ini memberikan dividen dan pulangan kepada ahli-ahlinya.

Seterusnya saya pergi kepada subseksyen 46(1), dipinda dengan menaikkan amaun pelepasan cukai bagi perbelanjaan peralatan sokongan asas untuk golongan OKU daripada RM5,000 kepada RM6,000 mulai tahun taksiran 2015. Juga dalam subseksyen 46(1)(g), dipinda dengan menaikkan amaun pelepasan cukai bagi perbelanjaan perubatan bagi penyakit-penyakit yang serius untuk diri sendiri, isteri atau suami atau anaknya daripada RM5,000 kepada RM6,000 mulai tahun taksiran 2015. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah juga mereka yang menanggung ibu bapa yang sakit serius, adakah mereka juga akan diberikan pengecualian daripada keputusan kerajaan ini?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan sama ada dalam usaha kita untuk meningkatkan pendapatan *capital gain tax* ini akan dikuatkuasakan? Keduanya, *inheritance tax*. Kita tenaga-tenaga pekerja membanting tulang, apabila kita mendapat pendapatan, kita membayar cukai dengan cukup taat sekali. Ini kerana kita tahu cukai ini adalah satu perkara yang diwajibkan bagi semua rakyat. Bagi mereka yang hanya mendapat pulangan hasil daripada warisan keluarga mereka yang kaya, adakah mereka juga dikenakan *inheritance tax*?

Seterusnya, saya pergi kepada penurunan cukai sebanyak 1% yang memberi *relief* kepada tenaga-tenaga kerja kita. Mereka sebenarnya mendapat keuntungan ataupun pelepasan di antara RM300 sehingga RM13,000. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, sebenarnya angka ini amat besar sekali jika kita bandingkan kenaikan dia dengan pemberian BR1M yang baru-baru diumumkan oleh kerajaan kenaikan sebanyak RM150 ke RM300, berbanding dengan mereka yang berpendapatan tinggi. Kalau *relief* 1%, dia mungkin mendapat pelepasan sebanyak saya sebut tadi, RM300 kepada RM13,000.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan mengumumkan untuk menguatkuasakan GST, kita banyak mendengar mereka yang tidak bersetuju. Akan tetapi inilah sebenarnya satu sistem yang cukup bertepatan sekali dalam usaha kita bagi memungut cukai-cukai lebih efisien lagi, bahkan pada ketika ini 60% daripada rakyat tidak terlibat dengan GST. Ini terutamanya mereka yang berada di luar bandar. GST adalah satu sistem apabila kita beli sahaja kita bayar. Jadi yang tidak beli itu tidak adalah bayar, bahkan kerajaan tidak mengenakan lebih kurang 900 item yang lain tidak dikenakan cukai GST. Jika tidak ada sistem percukaian yang efisien, kerajaan tidak akan boleh mendapatkan pulangan bagi memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada seksyen 91, dipinda untuk memanjangkan tempoh had masa pembangkitan taksiran ataupun taksiran tambahan pembangkitan kes pindahan harga daripada tujuh tahun berbanding dengan lima tahun peruntukan yang sedia ada ini untuk langkah-langkah anti pengelakan cukai. Kenapakah perkara ini kita bangkitkan, mesti ada sebab-sebab yang munasabah untuk kerajaan memperkenalkan sistem ini.

Seterusnya kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 di bawah seksyen 21, dipinda untuk menaikkan kadar pegangan daripada 2% kepada 3%. Ini adalah satu perkara yang cukup dinanti-nantikan, tetapi kita mahu melihat supaya mereka ini benar-benar bersifat lebih ikhlas lagi dalam kalau mereka membuat apa juga pernyataan kepada Lembaga Cukai Dalam Negeri supaya ia berdasarkan daripada apa juga amaun dan keuntungan yang mereka dapati. Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

4.48 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak banyak, cuma ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2014 ini. Cuma saya hendak membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan keizinan melalui peruntukan undang-undang percukaian ini untuk rayuan pembayar cukai itu untuk membuat rayuan-rayuan dan sebagainya.

Cuma saya hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, kerana sebelum ini walaupun sudah dijelaskan terhadap apa yang didakwa oleh *Mingguan Malaysia* sebelum itu kononnya LHDN memberikan layanan istimewa kepada syarikat-syarikat korporat sehingga kata *Mingguan Malaysia*, kerajaan terpaksa rugi beratus ribu juta ringgit yang menyebabkan kita kehilangan wang yang begitu besar. Akan tetapi penjelasan yang diberikan oleh LHDN melalui kenyataan media yang dibuat selepas itu tidak menafikan bahawa memang tidaklah bersifat layanan, kerana apa yang dilakukan oleh LHDN kata kenyataan media LHDN itu ialah berasaskan kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada iaitu setiap pembayar cukai itu, mereka berhak untuk membuat rayuan.

Ini bermakna bahawa apa yang didakwa oleh *Mingguan Malaysia* bahawa banyak syarikat korporat telah mendapat satu ruang dan peluang begitu besar untuk mendapatkan diskaun kepada cukai yang sepatutnya mereka bayar. Jadi pertama saya hendak dapatkan penjelasan, apakah pertimbangan-pertimbangan untuk rayuan yang dibuat oleh pembayar cukai ini khususnya syarikat-syarikat korporat ataupun individu-individu yang *super* kaya ini, yang membuat permohonan untuk dikurangkan cukai atau mendapatkan diskaun walaupun disebut dalam kenyataan media Ketua Pegawai Eksekutif LHDN itu bahawa LHDN bergantung kepada fakta setiap kes dan bukti melalui dokumen sokongan.

■1650

Jadi sejauh mana LHDN dalam SOP bekerja ini untuk memastikan dokumen yang dikemukakan itu adalah dokumen yang betul, tulen, yang bukan direka. Ini dalam dunia elektronik yang ada pada hari ini, orang boleh buat dokumen- saya pernah diberitahu oleh sesetengah orang kontraktor dia nak masuk kontrak, dia terpaksa tunjukkan akaunnya. Walaupun akaunnya tidak ada duit tetapi oleh kerana dunia elektronik pada hari ini dia boleh pinda akaun itu untuk tunjuk akaun itu, akaun yang baik. Jadi sejauh mana dalam dokumen-dokumen yang

dikemukakan kepada LHDN melalui perayu-perayu pembayar cukai ini, kita boleh pastikan bahawa itu dokumen yang betul, bukan dokumen yang palsu.

Ini kerana kalau kita lihat hari ini ada orang hendak bayar cukai, dia suruh syarikat yang berkaitan dengan percukaian ini untuk buat akaun yang menunjukkan bahawa tidak banyak pendapatan dan sebagainya. Jadi sejauh mana ini boleh memastikan bahawa apa yang dikemukakan oleh perayu-perayu pembayar cukai itu adalah betul, tepat dan munasabah dengan langkah-langkah dan tindakan yang dibuat oleh LHDN.

Satu perkara lagi yang saya hendak minta penjelasan ialah berapakah jumlah syarikat korporat yang setakat ini atau pun dalam tempoh satu tahun itu, berapa jumlah syarikat korporat? Saya tahu bahawa kerajaan tidak boleh mendedahkan nama syarikat korporat tetapi saya tidak fikir bahawa itu terhalang untuk memperjelaskan kepada *public* khususnya kepada Parlimen ini, jumlah syarikat korporat yang membuat rayuan, yang telah diberikan diskaun. Berapakah jumlah diskaun secara keseluruhannya yang diberikan kepada syarikat korporat dalam setiap tahun? Saya tidak minta setiap satu syarikat korporat atau pun nama setiap syarikat korporat tetapi saya minta secara umum berapa jumlah syarikat korporat dan berapakah jumlah individu super kaya ini yang membuat rayuan dan mendapat diskaun dan berapa jumlah diskaun individu super kaya itu dan berapa jumlah diskaun yang diberikan kepada syarikat-syarikat korporat ini.

Ini sangat penting untuk kita melihat berapa banyak wang yang kita hilang dan yang kerajaan sepatutnya dapat cukai tetapi atas pertimbangan-pertimbangan tertentu, kita berikan diskaun kepada syarikat-syarikat korporat ini atau pun kepada individu-individu super kaya ini. Kita hendak lihat juga bahawa apakah alasan-alasan yang sebenarnya yang selalunya kerajaan pertimbangkan itu alasan-alasan sehingga memberikan satu jumlah yang begitu besar kepada syarikat-syarikat ataupun individu-individu ini. Apakah insiden ini ada hadnya, hendak diskaun berapa peratus daripada jumlah sebenar?

Adakah ia ada hak ataupun itu atas pertimbangan LHDN sendiri atau pun ia memang ada had tidak boleh lebih daripada berapa peratus diskaun yang diberikan. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan kerana kenyataan yang dibuat dalam media dalam *Mingguan Malaysia* pada beberapa bulan yang lalu menunjukkan bahawa banyak syarikat korporat ini mendapat diskaun yang begitu besar. Ini tidak dinafikan oleh LHDN, cuma LHDN kata bahawa itu adalah berasaskan kepada perundangan hak pembayar cukai untuk mendapatkan diskaun.

Jadi saya hendak minta penjelasan apa yang telah pun saya sebutkan tadi dan saya harap pihak kerajaan seharusnya memberikan penjelasan ini. Akhir sekali yang saya hendak dapat juga ialah kalau jumlah sepatutnya cukai setiap tahun itu sepatutnya dipungut oleh kerajaan, berapa kekurangan akibat daripada diskaun ini yang diberikan kepada syarikat korporat dan individu-individu super kaya, berapakah kekurangan tersebut yang boleh diberikan kepada Dewan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai, selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

4.54 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat berkenaan dengan subfasal 6(a) dan subfasal 6(b) iaitu bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(d) Akta 53 untuk menaikkan potongan peribadi bagi seseorang individu dari maksimum RM5,000 kepada RM6,000 berkenaan dengan pembelian apa-apa kelengkapan asas yang perlu. Bagi kegunaan individu itu sendiri, jika ia adalah orang yang kurang upaya atau suami atau isteri individu, anak atau ibu bapa yang merupakan orang kurang upaya. Dengan meminda perenggan 46(1)(g), Akta 53 untuk menaikkan potongan peribadi bagi seseorang individu daripada maksimum daripada RM5,000 kepada RM6,000 berkenaan dengan perbelanjaan perubatan yang dibelanjakan.

Ia disifatkan dibelanjakan di bawah subseksyen 46(3), Akta 53 oleh individu ke atas dirinya. Jika dia mengidap penyakit serius atau ke atas suaminya atau isterinya atau anaknya yang mengidap sesuatu penyakit serius. Tuan Yang di-Pertua, dengan meminda fasal ini dan menaikkan kadar potongan cukai bagi individu yang mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi terhadap kos perubatan dan kelengkapan sokongan asas terhadap golongan kurang upaya, ini mampu mengurangkan sedikit kesulitan yang dialami oleh mereka. Sungguhpun berada dalam keadaan yang serba kekurangan mereka masih lagi membayar cukai individu yang telah diperuntukkan. Masyarakat seperti ini wajar dipuji dan menjadi contoh kepada golongan yang lain.

Kata orang, *'Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul'*. Kita tidak boleh bayangkan dalam sebuah keluarga atau pun dalam keluarga isterinya sakit ataupun isteri yang kerja dengan pendapatan yang kecil, suaminya sakit atau pun ada anak-anak yang sakit, anak-anak yang orang kurang upaya atau pun dia terpaksa menjaga ibu bapa yang sakit dengan serba kekurangan. Jadi bebanan ini, fikirannya, kerja kerasnya dan dengan keadaan kos kehidupan yang tinggi ini maka ini adalah satu perkara yang sangat baik yang dilakukan oleh kerajaan. Tidak lupa juga kepada usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dengan menjaga kebajikan golongan seperti ini dalam memudahkan perjalanan kehidupan mereka dengan menaikkan potongan peribadi bagi seseorang individu tersebut. Ini menunjukkan betapa komitednya kerajaan dalam membantu masyarakat ini.

Tuan Yang di-Pertua dengan pelaksanaan GST tidak lama lagi, cukai pendapatan dikurangkan 1% hingga 3% di mana 300,000 orang akan terselamat atau tidak perlu bayar lagi cukai. Ini satu perkara yang baik. Daripada 13 juta orang yang bekerja, hanya 1.0 juta orang yang membayar cukai. Jadi pelaksanaan GST hari ini yang merupakan satu sistem yang lebih telus, lebih efisien, lebih cekap, lebih efektif yang mana orang tidak boleh lari kerana ini disebabkan cukai kepenggunaan. Jadi tidak boleh lari kerana cukai ini satu tanggungjawab. Banyak kali sudah kita bincangkan tentang cukai ini, apakah perasaan kita apabila kita hendak membayar cukai? Adakah kita rasa kita hendak kena lari bayar cukai? Atau pun kita rasa cukai itu satu tanggungjawab, satu amal kita. Jadi inilah satu. Kita hendak kerajaan yang bertanggungjawab,

kita perlu juga jadi rakyat yang bertanggungjawab. Jadi pendapatan kita, cukai kita adalah perkara yang penting hari ini.

Jadi kita lihat, saya hendak bagi contohnya, contohnya mereka-mereka yang mempunyai anak-anak yang mempunyai masalah autisme kerana di negara ini ada 19 *centre* untuk *National Autism Society of Malaysia* (NASOM) yang mana perbelanjaannya diberikan hanya 656,880 tidak setimpal dengan kerajaan bagi untuk seorang anak yang normal untuk belajar ke luar negeri. Jadi ibu bapa mana yang tidak mahu anak jadi pandai.

Jadi konsep sekarang ini atau keadaan sekarang ini kita mendiagnosis autisme ini secepat mungkin supaya kita dapat memberi rawatan meletakkan dalam *mainstream* dalam sekolah-sekolah yang normal ataupun kita tempatkan kepada sekolah-sekolah yang khusus yang mana tidak cukup di negara ini. Sepatutnya ada di seluruh negara. Jadi rakyat atau pun ibu bapa yang ada anak-anak yang mempunyai masalah autisme mereka fikir di mana hendak cari tempat-tempat ini dan mengeluarkan perbelanjaan dari poket sendiri.

Jadi kita lihat hari ini pun di negara kita kanak-kanak yang mempunyai kumpulan-kumpulan ini, mereka ditempatkan dalam satu kelas yang ada semua dalam itu, yang ada *down syndrome*, yang ada *dyslexia*, yang ada hiperaktif, yang ada *Mental Retardation* (MR) dan sebagainya di tempatkan satu dan kita tidak ada guru-guru yang cukup terlatih untuk bagi keperluan yang baik kepada mereka. Jadi saya harap kerajaan dapat memberikan *tax deductible* potongan cukai yang lebih lagi ataupun yang setimpal ataupun yang seiring dengan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh ibu bapa ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai sangat bersetuju dengan beberapa perkara yang akan dipinda ini dan saya menyokong usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

■1700

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut terlibat dalam perbahasan rang undang-undang ini, di mana Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Bagan Serai.

Dari segi Yang Berhormat Kelana Jaya, beliau telah ingin tahu dari segi pengiraan bagaimana pengurangan adalah satu hingga tiga mata peratusan. Sebenarnya kalau kita lihat dari segi maklumat yang telah diberi, sebenarnya dari segi pengurangan cukai, sebagai contoh dari pembacaan saya tidak hendak *detail* sangat. Maka saya baca yang mana ada 3% supaya Yang Berhormat Kelana Jaya tahu memang terdapat pengurangan dari segi cukai sebanyak 3%. Dari kumpulan pendapatan bercukai di antara RM50,001 hingga RM70,000 setahun, cukai pada tahun taksiran 2013 ialah sebanyak 19%. Akan tetapi pada tahun taksiran 2015, ia ialah sebanyak 16%. Maka terdapatlah pengurangan sebanyak 3%. Ini menunjukkan bahawa memang terdapat dari segi kadar pengurangan 1% atau 0.5% hingga 3%.

Dari segi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin, sebenarnya beliau telah membangkitkan beberapa isu dan juga ingin tahu beberapa maklumat. Nombor satu dari segi jumlah pembayar cukai yang dikenakan cukai. Sebenarnya jumlah pekerja ialah sebanyak 12 juta orang pembayar cukai yang aktif di mana mereka mengemukakan Borang Nyata tidak bermakna mereka sebenarnya membayar cukai, dia ada fail, ialah sebanyak RM5.9 juta. Akan tetapi yang membayar cukai, pembayar cukai yang membayar cukai ialah sebanyak RM2 juta. Akan tetapi kita jangka dengan pengumuman pengurangan kadar cukai pendapatan sebanyak 1% hingga 3%, maka ada RM300,000 lagi yang tidak akan membayar cukai. Maka ada pengurangan lagi dari segi pembayar cukai yang membayar cukai.

Untuk syarikat yang menjalankan perniagaan di luar negara tetapi beralamat di Malaysia, adakah mereka dikenakan cukai bagi pendapatan luar negara? Sebenarnya mereka tidak dikenakan cukai bagi pendapatan luar negara. Adakah pembayar cukai yang menanggung perubahan penyakit serius untuk ibu bapa diberi potongan *relief*? Ya, mereka diberi sehingga RM5,000 tetapi perlulah ada resit-resit dan sebagainya, sokongan-sokongan yang perlu disimpan. Selain itu, sama ada ahli koperasi dikenakan cukai ke atas dividen dari koperasi? Ia sama seperti syarikat sekarang, dividen yang kita terima itu tidak dikenakan cukai kerana syarikat dan koperasi telah dikenakan cukai.

Selain itu terdapat juga pertanyaan, mengapa tempoh masa untuk membuat taksiran ke atas kes-kes pindaan harga ditingkatkan dari lima tahun kepada tujuh tahun? Sebenarnya kes-kes pindaan harga melibatkan syarikat-syarikat multinasional. Kes-kes penyelesaian mengambil masa yang panjang kerana dokumen yang perlu diperoleh dari syarikat induk berkaitan di luar negara.

Selain itu kalau kita melihat secara amnya, kebanyakan pembayar cukai atau syarikat dia perlu menyimpan rekod selama tujuh tahun. Maka ini tidak melebihi daripada Peraturan Am di mana syarikat atau individu perlu menyimpan rekod selama tujuh tahun. Maka ini adalah penting untuk kita terus menjalankan kerja-kerja bagi LHDN.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Daripada pengurangan cukai pendapatan 1% hingga ke 3%, dan juga pengurangan 1% kepada cukai-cukai pendapatan syarikat, berapakah sebenarnya kehilangan pendapatan kerajaan? Daripada jumlah bilangan cukai pendapatan kerajaan tadi, bolehkah sebenarnya kita menampung kelebihan daripada cukai GST yang bakal diperkenalkan tahun depan? Terima kasih.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin yang telah mengemukakan soalan tersebut. Kalau kita melihat pembentangan bajet apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengemukakan Bajet 2015, beliau telah mengemukakan bahawa dalam pelaksanaan GST terdapat pelbagai bukan sahaja barang dan perkhidmatan yang dikecualikan cukai, bahkan terdapat pengurangan dari segi 1% hingga 3%

untuk cukai-cukai yang dilaksanakan. Ini sebenarnya telah menyebabkan dari segi kerajaan termasuklah BR1M sebanyak kira-kira RM4.9 bilion yang telah dibelanjakan. Maka ini merupakan satu inisiatif di mana kalau kita melihat dari segi kerja-kerja yang dijalankan semasa pelaksanaan GST, ia adalah untuk mengurangkan impak terhadap pelaksanaan GST.

Dari segi isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena, beliau telah mengemukakan soalan mengenai sama ada terdapat syarikat-syarikat yang...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Celahan Yang Berhormat Menteri, kalau boleh. Saya hendak- Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih. Saya hendak sambung dengan apa yang Ahli Parlimen Jasin kata tadi itu, berapa pengurangannya sebab Menteri tidak jawab pun tadi. Soalan itu dengan potongan kadar cukai 1% ke 3% itu, berapa pengurangan pendapatan cukai LHDN?

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Dari segi pengurangan cukai pendapatan atau 1% hingga 3% yang...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Kutipan oleh LHDN untuk tahun depan? Ini kerana ia ada kadar baru, pengurangan 3%, ya Yang Berhormat Menteri kata. Jadi kalau tahun ini ia dapat RM130 bilion, itu anggaran. Tahun hadapan dapat berapa?

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Itu saya tidak mempunyai data pada masa sekarang dari segi pengurangan tersebut. Akan tetapi kalau kita lihat dari segi pelaksanaan GST, hasil kutipan yang dianggarkan ialah sebanyak RM20.32 bilion di mana kerajaan telah mengecualikan sebilangan barangan yang keseluruhan yang dianggarkan RM3.8 bilion dan daripada jumlah tersebut RM4.9 bilion juga disalurkan kembali untuk keperluan rakyat melalui pakej-pakej bantuan. Contoh, tambahan BR1M dan juga pengurangan cukai. Maka itu sahaja *figure* yang saya ada pada masa sekarang.

Dari segi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan apabila disebut tadi tentang pengurangan cukai. Ketika ini juga saya difahamkan LHDN akan dikorporatkan. So, adakah dengan pengkorporatan LHDN ini bertujuan untuk memastikan bahawa kerajaan akan mendapat atau cuba untuk mengumpul cukai-cukai yang mungkin berkurang daripada hasil pengeluaran yang telah disebutkan tadi? Kedua ialah apakah faedah-faedah terutama sekali apabila LHDN ini dikorporatkan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor atas soalan tambahan. Sebenarnya kalau kita lihat dari segi kecekapan kutipan cukai oleh LHDN, kos mereka sentiasa dikawal dan tujuan kita mengadakan *corporatization* LHDN ialah memberi lebih banyak *independent* dan insentif kepada mereka supaya mereka

menjalankan kerja mereka dengan lebih efektif untuk memberi mereka sokongan agar mereka membuat lebih kerja dengan lebih efektif untuk mengutip lebih banyak cukai.

Maka kalau kita lihat sebenarnya dari segi untuk menjawab juga Yang Berhormat Pokok Sena, kalau kita melihat dari segi cukai, dari segi individu dan syarikat, walaupun pada tahun-tahun tersebut terdapatlah pengurangan cukai dan sebagainya, dari segi kutipan sama ada dari individu dan syarikat dari tahun 2009, ia telah sebenarnya meningkat setiap tahun.

Kalau saya memberi nombor di sini, sebagai contoh cukai pendapatan pada tahun 2009 ialah sebanyak RM15 bilion, syarikat ialah sebanyak RM30 bilion. Akan tetapi sehingga tahun 2013, untuk individu telah meningkat sehingga RM23 bilion dan juga RM58 bilion. Memang dari segi pengutipan cukai ini ia mempunyai boleh dikatakan cabaran kepada pihak LHDN. Ini kerana dalam isu, kalau terdapat syarikat yang tidak boleh membayar hutang atau tidak boleh membayar atau mempunyai aliran kewangan, masalahnya ialah LHDN atau cukai yang dihutang ini adalah *unsecured creditor*.

Bahkan mereka merupakan - boleh dikatakan *creditor* yang paling rendah, lebih rendah dari bank dan juga *bon holder*. Ini kerana mereka tidak mempunyai sebarang yang boleh mengatakan wang yang diambil oleh atau yang ada di syarikat itu dia perlu bayar LHDN, lebih cepat dari dia bayar bank.

■1710

Maka, terdapatlah perbincangan yang diadakan sebenarnya. Saya ingin menegaskan di sini bahawa sebarang kerja-kerja yang dijalankan oleh LHDN, mereka perlulah mempunyai akta-akta dan juga mempunyai panduan-panduan. Mereka juga mempunyai rangka kerja siasatan cukai, apakah rangka-rangkanya, rayuan, proses dan sebagainya. Ini adalah di laman web, bukan di bawah sahaja yang boleh mendapatkannya. Di dalam laman web boleh dimuat turun untuk melihat kalau terdapat sebarang siasatan, ada kes dan sebagainya, ia boleh menggunakan rangka kerja ini untuk mendapat tahu haknya. Maka, adalah penting kita mengetahui bahawa bukan syarikat yang besar sahaja. Individu juga ada yang memohon diskaun dan sebagainya tetapi dia perlu mengikutlah, boleh dikatakan panduan-panduan atau *guidelines* dan akta-akta yang telah disediakan.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: [Bangun]

Datuk Chua Tee Yong: Dengan kata-kata yang demikian, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Gudang bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Datuk Chua Tee Yong: Oh! Yang Berhormat Pasir Gudang. Okey, Yang Berhormat Pasir Gudang dahulu.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sedikit saya hendakkan pencerahan dua perkara dengan isu pengorporatan *income tax* ini, Jabatan Hasil. Mengapakah tindakan ini

diputuskan? Sebelum diputuskan, saya mendengar tadi ada dua isu utama, yang satu daripada segi *efficiency* dan tahap kecekapan. Apakah ini jika ditafsirkan sebagai di bawah *income tax* sekarang ini sedia ada, cara sedia ada ia kurang efisien? Ini kerana kalau itulah jawapannya, kita tidak memberi satu gambaran yang baik kepada rakyat di luar sana.

Keduanya, tentang untuk mengambil daripada cukai-cukai terhutang daripada syarikat-syarikat ini di bawah akta sedia ada tidak mencukupi. Jika sedemikian rupa, kenapa tidak dibuat pindaan? Apakah sebagai sebuah agensi kerajaan yang dapat mengumpul dana banyak untuk digunakan balik kepada rakyat dengan cara *you corporatize it*, itu cara yang terbaik? Itu sahaja, terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Okey, nombor satu daripada segi *corporatization* adalah memang daripada segi LHDN, mereka telah cekap. Kita hanya ingin menambahkan daripada segi *independence* mereka supaya mereka boleh menjalankan kerja mereka dengan lebih baik. Sebenarnya, kalau kita melihat, sebagai contoh, dalam tahun taksiran 2009 untuk individu sahaja, sebenarnya daripada segi kumpulan pendapatan cukai mereka, sebenarnya pada kadar paling tinggi adalah 27%. Akan tetapi sehingga tahun taksiran 2013, ia terdapat penurunan sehingga 26% iaitu 1%. Daripada segi kumpulan pendapatan bercukai, mereka juga telah terdapat pengurangan sebanyak 1% secara umumnya untuk kebanyakan. Akan tetapi walaupun terdapat pengurangan daripada segi kadar cukai pendapatan, termasuk untuk syarikat dan sebagainya, kita melihat trend pengutipan cukai adalah meningkat. Ini menunjukkan LHDN memang daripada segi *effectiveness* ada...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: [Bangun]

Datuk Chua Tee Yong: ...Akan tetapi kita ingin sentiasa menambah baik. Ini kerana kita haruslah sentiasa melihat ada ruang atau tidak untuk menambah baik supaya agensi kerajaan menjadi lebih cekap. Ini adalah sesuatu untuk sentiasa melihat daripada segi *continuous improvement*.

Daripada segi isu...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Timbalan Menteri.

Datuk Chua Tee Yong: ...yang mengatakan bahawa sama ada terdapat pindaan-pindaan akta supaya— boleh dikatakan hutang atau hutang cukai menjadi *precedent*, itu sentiasa adalah sesuatu yang ingin dilihat. Akan tetapi ada yang khuatir pula, terdapat akta tersebut mungkin terdapat timbul isu yang lain. Maka, ini perlulah dikaji lagi dan kita sentiasa ingin mendapat pendapat daripada Ahli Parlimen yang lain. Kalaulah melihat memang terdapat keperluan tersebut, boleh juga dicadangkan oleh Ahli Parlimen yang lain. Terima kasih.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Timbalan Menteri.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tadi janji kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena, ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada sebut tahun 2009, individu RM15 bilion, syarikat RM30 bilion kemudian sampai tahun 2013, individu RM23.5 dan syarikat lebih kurang RM58 bilion. Cuma saya hendak dapatkan penjelasan, adakah RM23 bilion dan RM58 bilion pada tahun 2013 itu, itu selepas diskaun?

Jadi, saya hendak penjelasan ialah kalau tanpa diskaun itu berapa? Tanpa diskaun berapa? Berapa jumlah yang sepatutnya kita dapat? Tadi saya juga minta penjelasan, Yang Berhormat tidak jelaskan lagi ialah berapa jumlah syarikat korporat ataupun individu-individu yang *super* kaya ini yang telah diberikan diskaun? Contoh kalau saya katakan tahun 2013, berapa jumlah dan berapa amaun diskaun yang telah pun diberikan kepada mereka? *[Disampuk]* Jawapan bertulis pun tidak apa kalau tidak boleh hari ini.

Datuk Chua Tee Yong: Lembaga Hasil Dalam Negeri sebenarnya saya telah katakan terdapat rangka kerja siasatan dan sebagainya. Daripada segi diskaun yang boleh diberi, hanya untuk penalti sahaja. Ia tidak boleh beri diskaun kepada nilai cukai yang perlu dibayar. Penalti sebenarnya dalam peruntukan memang ada tulis bahawa mereka boleh memberi diskaun tersebut. Diskaun ini tidak tertakluk kepada syarikat besar sahaja atau individu yang besarlah seperti Yang Berhormat Pokok Sena kata itu. Ia kepada semua daripada segi penalti, mereka boleh memohon untuk pengurangan penalti, bukan pengurangan cukai. Pengurangan penalti. Daripada segi cukai, ia sebenarnya kadang-kadang ada dokumen yang mungkin ada menunjukkan bahawa daripada segi cukai itu perlu dikurangkan. Maka, itu adalah lain hal.

Apa Yang Berhormat Pokok Sena mengatakan sama ada pengurangan cukai atau diskaun untuk cukai, tidak ada. Diskaun untuk penalti, ada.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kelana Jaya bangun Yang Berhormat.

Datuk Chua Tee Yong: Okey?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Timbalan Menteri, saya hairan sebab pagi ini kita dengar *corporatization* Kastam. Ini kali pertama saya dengar *corporatization* LHDN. Adakah benar Timbalan Menteri, mungkin *you made a mistake, I am not sure*. Adakah benar ada *corporatization policy* seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang tadi dan juga rakan saya, betulkah ada *plan corporatization* LHDN? Oleh sebab LHDN setiap tahun meningkat ia punya *collection*. Memang bagus sekali, ia masih satu badan kerajaan. Saya rasa tidak timbul sekali pun dalam surat khabar, saya *Google search* tadi pun tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Jadi, kalau boleh Timbalan Menteri beri penjelasan atau semak dengan *your officers*. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Tadi yang kata *self-financing* bukan?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *Corporatization was the word used by*, dengan izin.

Datuk Chua Tee Yong: Okey, okey. *What I meant is self-financinglah actually, okey.*

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *So, no corporatization?*

Datuk Chua Tee Yong: *Not that I know of lah.*

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Betullah. Maknanya, semua penjelasan dua atau tiga butiran tadi itu kalau boleh dikeluarkan daripada *Hansard* lah.

Datuk Chua Tee Yong: Okey.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal 1 hingga 29 –

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

5.18 ptg.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin fokus kepada dua fasal. Saya mula dengan fasal 14 dahulu, pindaan kepada seksyen 99, Akta Cukai Pendapatan.

Tuan Pengerusi, benarkan saya untuk memberikan konteks sedikit tentang fasal 14. Dewan ini mungkin maklum bahawa kutipan cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri semakin tahun semakin bertambah. Daripada kutipan lebih kurang RM80 bilion lima tahun dahulu ke anggaran kutipan RM130 bilion untuk tahun ini. Peningkatan ini hebat sekali. Tahniah kepada LHDN. Tidak payah buat *corporatization*. Ini adalah memang baik daripada segi kewangan fiskal untuk negara tetapi peningkatan kutipan mendadak ini juga telah menimbulkan pelbagai aduan daripada pembayar cukai sama ada peribadi ataupun korporat. Aduan biasa ialah LHDN terlalu keras, LHDN terlalu prejudis terhadap pembayar cukai, tidak cukup masa untuk membuat rayuan kepada pembayar cukai ini. Ada syarikat yang kompelin kepada saya, mereka akan mufliis atau tutup kedai sekiranya LHDN terus berkeras. *Cash flow* mereka terjejas teruk.

■1720

Ini ialah situasi dan persepsi kalangan peniaga. Isu pokoknya ialah tentang keadilan. Sekiranya peniaga memang menyalahi undang-undang negara dengan *tax evasion* dengan izin, mereka patut dikenakan penalti maksimum. Itu saya bersetuju. Akan tetapi proses untuk rayuan mestilah adil dan lebih penting lagi konsep *natural justice* perlulah diamalkan. Maksudnya pihak LHDN perlu memberikan masa yang lebih kepada pembayar cukai untuk membuat rayuan dan

LHDN perlu memberikan jawapan balasan dalam jangka masa yang lebih pendek dengan cara yang lebih efisien. Konteks fasal 14 ialah isu tentang masa yang diberikan kepada pembayar cukai. Nampaknya fasal 14 ini memberikan lebih kuasa atau lebih jenis rayuan yang dibenarkan tetapi semuanya perlu dilakukan dalam masa 30 hari, 30 hari daripada tarikh penilaian cukai.

Tuan Pengerusi, sekiranya pihak LHDN membuat operasi serbuan terhadap sebuah syarikat seorang peniaga. Membuka fail-fail lama dia dan seterusnya membuat penilaian cukai. Adakah 30 hari cukup bagi pembayar cukai untuk membayar cukai? Sekiranya penilaian audit oleh LHDN itu mengambil 60 hari atau 90 hari, itu kebiasaan. Bolehkah pembayar cukai itu membuat rayuan balas dalam jangka masa 30 hari sahaja? Oleh itu, saya rasa pindaan ini tidak memberikan masa yang cukup kepada pembayar cukai. Saya meminta pihak LHDN memberikan sekurang-kurangnya 60 hari untuk membuat rayuan kepada perayu yang memerlukan masa untuk menyemak fail-fail lama. Tujuh tahun, lima tahun punya rekod, dia kena buka semua ini. Dia perlu mendapatkan perkhidmatan peguam dan juga akauntan cukai. Ini mengambil masa, 30 hari memang tidak patut dan tidak adil.

Mengikut fasal yang sama, pihak LHDN pula cuma memberikan jawapan balasan kepada rayuan pembayar cukai itu dalam jangka masa 12 bulan. Selama 30 hari untuk perayu, LHDN sendiri hendak menjawab balasnya selama 12 bulan, 365 hari. Lebih 10 kali ganda masa dia. Jadi, kenapakah pindaan ini terlalu *lop-sided* kepada LHDN? Tuan Pengerusi, saya hendak memberikan sedikit perbandingan. Kerajaan Singapura, cara pencukaiannya efisien, yang ditangkap dimasukkan ke dalam lokap dan mereka memang pengutip cukai yang kuat. Seganas-ganas Singapura ini pun dia akan memberikan sekurang-kurangnya dua bulan untuk pembayar cukai bagi membuat rayuan. LHDN Singapura pula memberikan jawapan balasan kepada perayu dalam jangka masa enam bulan, bukan 12 bulan seperti di Malaysia. Jadi, Tuan Pengerusi pendapat saya ialah kita perlu mengamalkan dengan izin, *time scale* yang sama dengan Singapura dalam isu mengenai proses rayuan dan jawapan balasan LHDN kepada perayu.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih fokus kepada fasal 13, pindaan kepada seksyen 91 Akta Cukai Pendapatan iaitu mengenai perkara *transfer pricing*. Pindaan ini merujuk kepada seksyen 140A(3). Di mana isunya ialah mengenai *transfer pricing* yang kerap diamalkan oleh syarikat-syarikat besar termasuklah syarikat multinasional. Saya memang mengalu-alukan usaha LHDN untuk memastikan gejala *transfer pricing* sebab ia perlu dihentikan dan cukai yang patut dibayar akan dibayar dengan sepenuhnya. Tuan Pengerusi, *transfer pricing* ialah amalan manipulasi harga sesuatu barang untuk mengelakkan cukai. Barang-barang biasanya dijual dari sebuah anak syarikat ke sebuah anak syarikat yang lain yang ada hubungan ataupun kepunyaan syarikat induk yang sama. Amalan ini boleh mengubah untung rugi syarikat tersebut dan tujuannya ialah mendapat insentif potongan maksimum daripada cukai-cukai pelaburan.

Apabila ini berlaku, syarikat tersebut tidak akan dikenakan cukai maksimum. Dia hanya membayar cukai sifar ataupun *zero tax* ataupun cukai yang paling minimum sekali kerana dia main dengan *adjustment* dengan *transfer pricing*. Walaupun saya mengalu-alukan usaha ini daripada LHDN, saya lihat bahawa kuasa ketua pengarah adalah terlalu luas dalam pindaan ini.

Ayat yang digunakan dalam pindaan ini adalah, “*According to the director general’s best judgment.*” Ini tidak merupakan konsep *natural justice*. Dewan yang mulia ini, dia mulia kerana berpunca daripada undang-undang yang diluluskan oleh kami semua, Ahli Dewan. Apa yang kita luluskan perlu mempunyai kualiti yang tinggi dan berasaskan *natural justice*. Jadi, saya hendak membuat *recommendation* kalau boleh kita tukar ayat *according to his best judgment*, kita gunakan perkataan yang lebih elok dan *reasonable* iaitu *according to the director general’s reasonable judgment*.

Sekiranya kita membuat pertukaran ayat itu, ini bermakna kuasa mutlak *director general* kurang dan apa-apa isu tentang penilaian yang dibuat oleh *director general* boleh dibawa ke mahkamah dan disempurnakan di mahkamah. Bagi syarikat yang telah membayar cukai pula, sekiranya mereka melakukan isu *transfer pricing*, serbuan *transfer pricing* ataupun *investigation transfer pricing*, syarikat berkenaan mengikut pindaan ini perlu menyimpan dokumen selama tujuh tahun. Ini adalah jangka masa yang terlalu lama kerana di Singapura, kita balik ke Singapura. Dokumen untuk *investigation transfer pricing* ini hanya terhad empat tahun sahaja. Kita kata okey, Singapura mungkin lebih maju dan lebih efisien tetapi kita lihat pula Taiwan dan Indonesia. Thailand dan Indonesia, rakan kita, jiran kita. Dokumen tersebut terhad kepada lima tahun sahaja. Mengapakah Malaysia perlu menyimpan rekod selama tujuh tahun untuk isu *transfer pricing*? Sekiranya Malaysia ingin menarik FDI atau pelabur langsung asing, ia perlu mengamalkan kompetitif *legislation* di mana dengan izin, *our neighbours are competing for the same FDI. We must have similar legislation or at least better one.*

Tuan Pengerusi, saya berikan satu senario untuk menjelaskan konteks pindaan ini. Katakanlah syarikat gergasi jana elektrik. Syarikat Amerika yang besar sekali ingin membuka sebuah kilang *high tech* yang baru di Malaysia. Dia akan pergi tengok Thailand dan pergi tengok Singapura dan Indonesia. Kalau dia tengok status undang-undang setiap negara, dia akan tahu *transfer pricing issue* di Singapura empat tahun, Indonesia dan Thailand lima tahun. Sekiranya dia tengok dan mengetahui perkara ini, dia mungkin akan membuat *investment decision* untuk pergi ke Thailand, Indonesia dan Singapura dan bukannya di Malaysia kerana diamalkan tujuh tahun.

Oleh itu Tuan Pengerusi, bagi saya Dewan ini perlu sentiasa ingat bahawa isu besar dalam setiap undang-undang atau setiap pindaan terperinci ialah kita perlu meluluskan di Parlimen yang terbaik dan berasaskan prinsip keadilan. Oleh itu, saya dalam perkara fasal 13 dan fasal 14 serta isu-isu yang saya telah timbulkan dan juga *recommendation* saya, saya berharap kerajaan boleh membuat pindaan yang sewajarnya. Kalau tidak, maka saya terpaksa menolak rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebagai makluman kalau ada pindaan yang datang daripada Yang Berhormat terhadap pindaan yang dikemukakan kerajaan ia boleh dibuat dalam bentuk usul, Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ketika usul dibentangkan, rang undang-undang di atas meja itu, Yang Berhormat boleh *counter* pindaan yang lazimnya dibuat dalam Parlimen Yang Berhormat. Jadi, apabila Yang Berhormat mencadangkan ubah daripada satu bulan 30 hari kepada 60 hari, ia tidak akan memberikan kesan kerana usul itu harus datang untuk membuat pindaan. Itu secara bertulis dalam bentuk usul. Ya, ada lagi hendak berbahas.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin memperbetulkan satu fakta. Memang LHDN telah diperbadankan sejak tahun 1995. Maka *self-financing* ialah tindakan susulan bagi kaedah pembayaran LHDN yang telah diluluskan. Daripada segi kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya mengenai kes pindaan harga di mana kita harus membuat perbandingan dengan negara-negara yang lain. Kita harus mengambil maklum bahawa daripada segi kita ingin menarik pelabur-pelabur asing, kita juga harus memastikan daripada segi cukai yang perlu dibayar haruslah dibayar. Maka, kalaulah sesebuah syarikat itu multinasional dan mempunyai sebarang isu daripada segi kes pindaan harga maka ia tidak akan melihat daripada segi tahun yang telah ditetapkan kerana daripada segi rekod yang telah diumumkan dalam LHDN ini memang daripada segi dokumen, mereka haruslah menyimpan dokumen sebanyak tujuh tahun. Daripada segi isu yang dibangkitkan mengenai pindaan seksyen 99(4). Sebenarnya daripada segi tarikh masa pada pindaan ini tiada penukaran sebenarnya.

■1730

Maka ia kekal yang menunjukkan bahawa tiada pengurangan dari segi masa dan ini merupakan akta di mana terdapat pindaan untuk memastikan mereka yang membuat *self assessment* mempunyai ruang untuk mendapat *appeal*. Sekian, terima kasih.

[Fasal-fasal 1 hingga 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PENGHASILAN BERSIH PERJANJIAN KEWANGAN 2014

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.33 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014 untuk mengadakan peruntukan bagi kebolehuatkuasaan peruntukan penghasilan bersih di bawah perjanjian kewangan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semasa ucapan Belanjawan 2014, kerajaan telah mengumumkan bahawa satu undang-undang akan digubal dalam tahun ini bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara *netting friendly jurisdiction* berhubung kebolehkuasaan peruntukan penghasilan bersih penamat, *enforceability of close out netting provision* dengan izin, di bawah perjanjian-perjanjian kewangan. Penggubalan undang-undang ini amatlah penting bagi memberikan jaminan mutlak kepada peserta-peserta pasaran kewangan domestik dan antarabangsa sama ada institusi kewangan perbankan, insurans, pengurusan dana atau syarikat-syarikat awam dan swasta untuk menguatkuasakan mekanisme penghasilan bersih penamat apabila berlaku *event of default* di bawah sesuatu perjanjian.

Mekanisme ini membolehkan hanya satu pihak perjanjian kewangan sahaja yang perlu membayar suatu amaun bersih tunggal, *single net amount* dengan izin, bagi kesemua transaksi yang telah dibuat di bawah perjanjian tersebut. Tanpa mekanisme ini kedua-dua pihak perlu membuat pembayaran penuh, *gross amount* bagi setiap transaksi yang telah dibuat di bawah perjanjian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan yang terkandung di dalam rang undang-undang ini akan menyokong kerangka perundangan yang diperlukan untuk menjamin keberkesanan penghasilan bersih penamat pada masa ini dan masa hadapan. Rang undang-undang ini akan memberi manfaat kepada negara dalam empat aspek utama:

- (i) membantu pasaran kewangan Malaysia untuk berkembang setaraf dengan pasaran kewangan antarabangsa yang lain kerana adanya kepastian yang diperolehi daripada peruntukan rang undang-undang ini;
- (ii) menggalakkan penggunaan model dan kemudahan kredit dengan lebih efisien oleh institusi kewangan kerana dengan penguatkuasaan penghasilan bersih, dedahan kredit di antara dua pihak yang membuat transaksi kewangan adalah berdasarkan nilai bersih dan bukan nilai penuh;
- (iii) mengurangkan risiko sistemik terhadap keseluruhan sistem pasaran kewangan dan seterusnya dapat memastikan keadaan pasaran kewangan yang teratur walaupun ketika kemurapan volatiliti yang tinggi; dan
- (iv) menggalakkan jumlah transaksi kewangan dan menambah kedalaman dan kecairan pasaran kewangan di Malaysia dengan memberi keyakinan kepada institusi kewangan antarabangsa untuk berurusan dengan institusi kewangan domestik melalui pengiktirafan Malaysia sebagai *netting friendly jurisdiction*.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat rang undang-undang ini adalah untuk mencapai lima objektif berikut iaitu:

- (i) memberi jaminan undang-undang kepada pihak-pihak di bawah perjanjian-perjanjian kewangan, layak untuk menguatkuasakan peruntukan penghasilan bersih penamat;
- (ii) memastikan pihak berkuasa dapat melaksanakan resolusi kewangan secara teratur dengan jaminan bahawa penguatkuasaan penghasilan bersih penamat adalah tertakluk kepada tempoh penangguhan sementara di bawah undang-undang tersebut;
- (iii) memastikan bahawa jaminan yang diberikan di bawah rang undang-undang ini bagi penguatkuasaan penghasilan bersih penamat tidak akan terjejas berikutan perkembangan undang-undang yang lain pada masa hadapan yang mempunyai *unintended consequences* dengan izin. Penggubalan undang-undang kewangan baharu perlu sentiasa membuat penyelarasan dengan peruntukan di dalam Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014 ini;
- (iv) memperuntukkan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk;
 - (a) memperluaskan skop Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Kewangan 2014 supaya peruntukan penghasilan bersih berkenaan suatu transaksi kewangan di bawah Perjanjian-perjanjian Kewangan Baharu pada masa depan juga boleh diberikan jaminan undang-undang. Kuasa-kuasa menteri ini akan dilaksanakan atas syor pihak berkuasa berkaitan iaitu Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Pengurusan Dana Harta Nasional Berhad;
 - (b) menetapkan suatu tempoh penangguhan bagi maksud pelaksanaan resolusi kewangan. Kuasa menteri ini akan dilaksanakan atas syor pihak berkuasa yang berkenaan; dan
 - (c) meminda jadual di dalam rang undang-undang ini setelah mengambil kira undang-undang bertulis yang lain yang tidak selaras dengan matlamat Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014.
- (v) memberi jaminan statutori di sisi undang-undang yang membolehkan Malaysia diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai *netting friendly jurisdiction* dan seterusnya dapat menjadikan Malaysia pusat kewangan pilihan di antara kalangan negara-negara Asia.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai sembilan fasal untuk menjamin keberkesanan penghasilan bersih penamat di Malaysia. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini diringkaskan seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tersebut yang digunakan dalam akta yang dicadangkan.

Fasal 3 menyatakan bahawa peruntukan penghasilan bersih di bawah perjanjian kewangan yang layak boleh dikuatkuasakan mengikut temanya walau apa pun peruntukan tertentu yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual.

Fasal 4 menyatakan bentuk cagaran kewangan di bawah akta ini.

Fasal 5 menyatakan jenis-jenis transaksi kewangan yang layak di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 6 memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan perjanjian kewangan yang layak tambahan, peruntukan penghasilan bersih tambahan dan transaksi kewangan yang layak tambahan atas syor Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Pengurusan Dana Harta Nasional Berhad. Suatu perintah hendaklah dibentangkan di Dewan Rakyat secepat yang dapat dilaksanakan selepas penyenaraian di warta.

Fasal 7 memperuntukkan bahawa Menteri boleh menetapkan suatu tempoh penangguhan bagi maksud peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual atas syor pihak-pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan berkenaan dan tempoh penangguhan itu akan diguna pakai walau apa pun tempoh penangguhan lain yang diperuntukkan atau ditetapkan di bawah peruntukan-peruntukan tersebut.

Fasal 8 memberi jaminan bahawa peruntukan berkaitan dalam undang-undang bertulis yang ditetapkan dalam Bahagian III Jadual akan terus diguna pakai.

Fasal 9 memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda Jadual melalui satu perintah yang disiarkan di dalam warta setelah berunding dengan pihak-pihak berkuasa berkaitan. Perintah tersebut hendaklah dibentangkan di Dewan Rakyat secepat yang dapat dilaksanakan selepas penyenaraian diwartakan.

■1740

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, rang undang-undang ini akan memberi jaminan undang-undang bahawa penghasilan bersih penamat di bawah perjanjian kewangan boleh dikuatkuasakan. Ini secara langsung akan menyediakan satu rangka kerja undang-undang yang mantap dan menyeluruh bagi menjamin keberkesanan penghasilan bersih penamat pada masa ini dan untuk masa hadapan bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan pilihan di kalangan negara-negara Asia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kebolehuatkuasaan peruntukan penghasilan bersih dalam perjanjian kewangan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Titiwangsa.

5.41 ptg.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mengambil inisiatif untuk memperkenalkan akta *netting* ini kerana seperti mana yang kita tahu bahawa dengan adanya akta ini, secara tidak langsung ia boleh menjimatkan *capital transaction* yang diperlukan oleh mana-mana produk kewangan terutamanya termasuk *derivative*.

Saya ada beberapa soalan yang saya ingin tahu daripada pihak kerajaan atau pihak Menteri. Berapakah *exposure* ataupun keterbukaan *risk* transaksi *financial product* atau *derivative* ini di Malaysia? Ini kerana daripada apa yang dianggarkan, di seluruh *global trade estimated exposure of the capital risk transaction RM720 trillion*. Jadi saya hendak tahu kalau di peringkat Malaysia ini, berapa banyak *exposure* Malaysia dengan tidak adanya akta ini?

Kemudian, kalau kita berinteraksi dengan bank-bank tempatan di antara bank A atau bank B atau Malayan Banking, CIMB dan sebagainya, saya rasa soal *netting* ini agak mudah dilakukan tetapi adakah *netting* ini boleh berlaku kepada syarikat di antara satu syarikat dengan satu syarikat lain yang beroperasi di dua negara yang berbeza? Adakah undang-undang *netting* ini boleh diguna pakai untuk kita *net liability of each transaction* yang kita ada di antara negara kita dan juga negara yang kita mengurus niaga?

Yang ketiga soalan saya ialah, adakah dengan adanya akta ini – oleh kerana *capital requirement* kita kurang kerana kita boleh *net the risk*, maka penggunaan *capital* ini boleh bertambah. Oleh kerana bertambah, adakah ia akan menggalakkan syarikat-syarikat atau bank-bank kita ini lebih menumpukan produk-produk *derivative* oleh kerana mereka mempunyai *capital* yang berlebihan hasil daripada *netting process* yang kita ada?

Jadi, itu sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya ingin tanya kepada pihak kerajaan. Manfaat ataupun *risk* yang kita *face* daripada tiga soalan saya tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kelana Jaya. Selepas itu Yang Berhormat Menteri bolehlah menjawab.

5.44 ptg.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ada satu isu sahaja yang pendek tentang rang undang-undang ini. Setahu saya, *netting* ini ialah mengenai *payment netting* di antara satu ke satu sistem yang lebih elok dan saya memang *support*, sokong. Akan tetapi, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah

sistem *netting* ini akan diimpose ke atas semua bank kita dan apa pendirian Bank Negara tentang perkara ini? Juga, apakah *netting guideline* yang akan dipakai mengikut akta ini, sama ada ia mengikut *Basel 2*? Juga soalan tambahan saya, apakah status terbaru bank-bank di Malaysia tentang pendirian mereka tentang *Basel 2* dan sama ada mereka sudah *fulfill* semua *guideline* di *Basel 2*? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa dan Yang Berhormat Kelana Jaya yang turut berbahas dalam Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014.

Dari segi rang undang-undang ini adalah memang untuk memastikan dari segi kepentingan dan faedah penghasilan bersih penamat ini adalah memang untuk mengurangkan risiko sistem, meningkatkan daya saing pasaran kewangan dan juga mengadakan pasaran kewangan yang lebih aktif dan berkembang.

Dari segi *nett exposure* yang pada masa ini, saya mungkin memerlukan sedikit masa untuk menyediakan maklumat tersebut, tapi yang diterima sekarang adalah mengatakan transaksi di Malaysia adalah sebanyak RM590 bilion, dan *netting* ini boleh berlaku dengan syarikat-syarikat asalkan perjanjian induk ditandatangani termasuk merentas sempadan dan bank-bank boleh menawarkan produk-produk yang lebih banyak tetapi mereka masih perlu tertakluk dengan kelulusan dari Bank Negara. Maka, ini tentu akan dipantau untuk memastikan bahawa...

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: [Bangun]

Datuk Chua Tee Yong: Hendak tanya?

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, *exposure* yang kita ada sekarang ini *estimated* RM590 bilion. Apabila kita *implement* akta ini, adakah Bank Negara akan *melimitkan* transaksi *derivative* daripada *RM590 billion* ke *what limit – is there any ceiling?* Ini kerana apabila kita ada RM590 bilion transaksi *derivative* sekarang ini, dengan adanya *netting* ini, maka bank-bank ini mempunyai *capital* yang lebih. Jadi bila mempunyai *capital* yang lebih, maka mereka juga boleh mengeluarkan produk yang lebih besar ataupun *derivative* yang lebih tinggi daripada ini. Adakah Bank Negara akan *melimitkan* sesuatu bank itu berdasarkan kepada *capital* ataupun *shareholder fund* sesuatu bank itu untuk mereka bergiat langsung dalam *derivative* ini?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya boleh sambung Yang Berhormat Titiwangsa, rakan baik saya. Yang Berhormat Titiwangsa itu orang korporat, saya tahu.

Yang penting itu, saya hendak tanya bersambung dengan soalan Yang Berhormat Titiwangsa, kita semua tahu *derivative* ini dipanggil Warren Buffett sebagai *weapon of mass*

financial destruction. RM590 bilion *exposure* adalah satu isu yang penting yang bukan *small matter* dan Yang Berhormat Titiwangsa memang betul, kita perlu adakan siling.

Soalan saya ialah, dengan adanya *netting system* ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri rasa *exposure* ini akan meningkat ke RM700 bilion hingga RM800 bilion atau turun? Saya tahu *netting* memang *saving* kepada dua parti, dua bank ataupun dua *transaction*. Dua transaksi itu dia akan terdapat *savings* sebab *exchange* itu kurang sedikit, kos dia kurang. Akan tetapi yang saya takut itu, kalau kita *push ahead with netting thing*, *exposure* kita menjadi lebih besar. Apakah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri dan apakah anggaran *study* daripada Kementerian? Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Saya ingat nombor-nombor yang telah diberi oleh pegawai ini menunjukkan terdapat percanggahan *figure*. Maka saya tidak ingin mengelirukan Dewan.

Dari segi amaun-amaun yang telah ditanya itu, saya ingat saya mungkin perlu memberi secara bertulis kerana ini untuk memastikan bahawa kita mendapat gambaran yang jelas dari segi *netting* ini.

Memang dari segi had dan sebagainya, saya yakin akan ditentukan oleh Bank Negara di mana pada masa sekarang, mereka juga perlu mengikut rangka-rangka peraturan *Base/3*, bukan dua yang ditulis di sini.

Maka dari segi isu-isu yang lain, saya perlulah menjawab secara bertulis. Terima kasih.

■1750

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal 1 hingga 9 -

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Subang.

5.51 ptg.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, saya bangun hanya untuk menarik perhatian Jawatankuasa dan juga Yang Berhormat Menteri sebab bila kita lulus undang-undang, kita kena pastikan tidak ada kesilapan kinematik atau kesilapan walaupun kesilapan kecil. Kita kena pastikan undang-undang ini dibuat secara elok. Saya baru perhatikan di versi bahasa Inggeris seksyen 5(2) dan saya harap ini boleh dibetulkan di bawah Peraturan Mesyuarat 96 oleh

Setiausaha sebelum rang undang-undang ini diluluskan di Dewan Negara dan sebelum digazet dan diwartakan di mana di definisi *derivative* ada.

Versi bahasa Inggeris berbunyi macam ini, saya baca dengan izin, ini (2) ya. "*In this section, derivative means any agreement including...*" – dan sekian-sekian sampai habis dan sampai ayat baris terakhir. Ini di mana ada kesilapan dia *and shall include derivative*, ini yang kesilapan dia. Sepatutnya *derivatives, plural*. Oleh sebab *which are in accordance* dengan syariah. So, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri bawa perkara ini kepada pihak yang bertanggungjawablah dan pastikan sebelum kita baca ke Dewan Negara ataupun sebelum kita wartakan kesilapan ini.

Walaupun kecil, dibetulkan supaya undang-undang ini nampak elok dan sempurna. Itu sahaja, terima kasih. *Just that*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya rasa boleh ambil nota perkara itu Yang Berhormat ya.

[Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya menjemput seorang Menteri untuk membawakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.56 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri II [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), tanpa menghiraukan usul terdahulu, Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai, diputuskan:

- (i) Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2014;
- (ii) Rang Undang-undang Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2014; dan
- (iii) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2014.

Seperti yang tertera di No. 5, 6 dan 7 dalam Aturan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 27 November 2014.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (PINDAAN) 2014

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.58 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 serta untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya meneruskan pembentangan, izinkan saya untuk memaklumkan bahawa terdapat pindaan kepada peruntukan seksyen 38A yang dicadangkan bagi tujuan menerangkan pemakaian seksyen tersebut berhubung kuasa pengkompaunan terhadap kesemua perundangan di bawah pengawalseliaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sebab pindaan ke atas peruntukan seksyen 38A ini dibuat akan saya terangkan seterusnya di dalam ucapan saya ini dan juga di peringkat jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001, Akta 614 merupakan akta tubuh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang memberikan peruntukan berhubung fungsi dan kuasa SSM dalam mengawal selia syarikat dan perniagaan di Malaysia. Undang-undang di bawah kawal selia SSM adalah seperti berikut:

- (i) Akta Syarikat 1965 [Akta 125];
- (ii) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197];
- (iii) Akta Syarikat Amanah 1949 [Akta 100];
- (iv) Akta Larangan Kumpulan Wang Kutu 1971 [Akta 28]; dan
- (v) Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743].

Selaras dengan Pelan Strategik Kedua SSM 2010 hingga 2015 yang menggariskan arah tuju SSM ke arah menjalankan fungsi dan kuasanya secara lebih aktif, efektif dan efisien.

■1800

SSM mencadangkan supaya pindaan-pindaan dibuat ke atas Akta SSM tahun 2001 berhubung perkara-perkara berikut:

- (i) penjelasan berhubung struktur pengurusan SSM termasuklah pelantikan pengerusi atau ketua pegawai eksekutif atau timbalan ketua pegawai eksekutif secara sementara;
- (ii) pengenalan peruntukan baru penyeragaman dan penyelarasan peruntukan dan aktiviti penguatkuasaan untuk kesemua akta di bawah kawal selia SSM;
- (iii) pengurangan peratusan sumbangan tahunan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan iaitu KWDP;
- (iv) kuasa untuk melesenkan mana-mana orang di bawah mana-mana akta yang dikawal selia oleh SSM; dan serta
- (v) kuasa untuk melaksanakan program latihan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, antara justifikasi-justifikasi untuk pindaan Akta 614 adalah seperti berikut:

- (a) pengukuhan struktur pengurusan SSM termasuklah pelantikan pengerusi atau ketua pegawai eksekutif atau timbalan ketua pegawai eksekutif secara sementara. Pada masa ini, anggota SSM adalah terdiri daripada pengerusi dan ahli suruhanjaya yang dilantik oleh Menteri yang kesemuanya tidak melebihi sembilan orang. Ketua pegawai eksekutif dan timbalan ketua pegawai eksekutif juga dilantik oleh Menteri. Namun begitu, tiada peruntukan berhubung kekosongan jawatan yang bersifat sementara. Jadi keadaan sedemikian boleh menjejaskan operasi harian SSM. Oleh itu SSM mencadangkan peruntukan baru yang memberi kuasa menteri melantik pemangku pengerusi, ketua pegawai eksekutif atau timbalan ketua pegawai eksekutif secara sementara bagi tujuan memperkukuhkan institusi anggota dan juga struktur organisasi suruhanjaya agar pengurusan dan operasi SSM tidak terjejas;
- (b) pengenalan kuasa baru penyeragaman dan penyelarasan peruntukan berkaitan penguatkuasaan untuk kesemua akta di bawah kawal selia SSM. Pada masa ini peruntukan berhubung penguat kuasa akta-akta di bawah kawal selia SSM adalah terkandung di dalam akta-akta itu sendiri yang mengakibatkan ketidakseragaman kuasa penguatkuasaan yang dijalankan oleh SSM. Akta-akta di bawah kawal selia SSM yang mempunyai peruntukan penguatkuasaannya tersendiri adalah:
 - (i) Akta Syarikat 1965 [Akta 125];
 - (ii) Akta Pendaftaran Perniagaan [Akta 197];
 - (iii) Akta Syarikat Amanah [Akta 100]; dan
 - (iv) Akta Perkongsian Liabiliti Terhad [Akta 743].

Cadangan pindaan terhadap Akta 614 akan menjadikan akta ini sebagai sumber tunggal kuasa penguatkuasaan yang akan terpakai terhadap

kesemua akta-akta di bawah kawal selia SSM. Ini termasuk menyeragamkan kuasa-kuasa pendaftar dalam menjalankan pemeriksaan dan siasatan serta kuasa baru seperti kuasa untuk menghendaki mana-mana orang sedang disiasat untuk menyerahkan dokumen perjalanan kepada pendaftar. Di samping memperkenalkan kuasa baru, menyelaraskan dan menyeragamkan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta 614, pindaan ini juga akan mengelakkan pertindihan, ketidakseragaman atau percanggahan peruntukan berkaitan penguatkuasaan yang sekali gus dapat menyumbang kepada kerangka kawal selia yang lebih mantap dan menyeluruh bagi SSM. Lanjutan daripada cadangan untuk meminda Akta 614, adalah dicadangkan supaya pindaan berkaitan *consequential amendment* ke atas akta-akta di bawah kawal selia SSM seperti berikut turut dilakukan:

- (i) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
 - (ii) Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.
- (c) Pengurangan peratusan sumbangan kepada Kumpulan Wang Disatukan. Pada masa ini SSM menyumbang sebanyak 50% daripada hasil pendapatan kasarnya kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan iaitu KWDP setiap tahun. Untuk menampung perbelanjaan operasi dan modal tahunan, SSM bergantung penuh kepada baki 50% tersebut. Sekiranya SSM berterusan menyumbang kepada KWDP pada kadar 50% setahun daripada jumlah pendapatan kasarnya, SSM dijangka menghadapi masalah kewangan untuk menampung keberlangsungan operasinya di masa hadapan. Terutamanya bagi menyokong inisiatif pemodenan rangka perundangan yang baru sejajar dengan pengenalan Rang Undang-undang Syarikat yang bakal diperkenalkan kelak serta program transformasi organisasi dan pembangunan sistem teras SSM yang bakal melibatkan perbelanjaan yang tinggi.

Di bawah Rang Undang-undang Syarikat yang baru, SSM bakal memperkenalkan pelbagai polisi yang akan memodenkan dan menjadi pemangkin pertumbuhan perniagaan di Malaysia serta menjadi negara ini sebuah pusat perniagaan yang dinamik. Antara peruntukan baru yang akan diperkenalkan adalah rejim, tiada nilai tara, *No Par Value* (NPV) untuk modal saham terbitan sebuah syarikat. Pengenalan NPV akan memudahkan operasi syarikat menghapuskan konsep-konsep *authorize capital* atau modal yang dibenarkan menjadikan akaun syarikat lebih telus dan mudah difahami. Syarikat boleh menambahkan saham modal tanpa perlu membayar fi ke atas modal dibenarkan.

Pengenalan rejim NPV di Malaysia akan meningkatkan daya saing negara untuk menarik pelabur dengan pengurangan kos menjalankan perniagaan di Malaysia. Sebaliknya fi pemerbadanan pada kadar rata dan lebih kompetitif untuk tujuan penyerah simpanan dokumen dengan SSM akan diperkenalkan. Polisi ini bertujuan untuk menekankan pemudah cara perniagaan serta untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi perniagaan yang kompetitif dan menarik kepada pelabur asing walaupun pengenalan rejim NPV di Malaysia akan mendatangkan manfaat kepada negara. Ia boleh menjejaskan hasil masa depan SSM apabila fi yang dikenakan ke atas modal yang dibenarkan tidak lagi terpakai.

Selain daripada itu, selaras dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan penggunaan nombor identiti korporat iaitu MyCoID di kalangan komuniti perniagaan sewaktu menjalankan transaksi dengan jabatan dan agensi, SSM akan membekalkan maklumat kepada agensi-agensi kerajaan yang terlibat melalui portal MyCoID sewaktu pemerbadanan syarikat dilakukan di mana inisiatif ini akan memberi implikasi terhadap pungutan hasil pendapatan SSM. *Projek MyCoID* secara signifikan akan mempengaruhi hasil SSM dari segi bekalan maklumat korporat kerana syarikat tidak perlu mendapat salinan data korporat bagi tujuan pendaftaran dengan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan.

Buat masa ini, fi dikenakan terhadap setiap salinan data korporat yang dipohon oleh orang ramai. Berdasarkan kepada inisiatif yang sedang dan bakal dijalankan oleh SSM sebagai badan kawal selia syarikat dan perniagaan, adalah dijangkakan bahawa hasil yang diperolehi oleh SSM berkemungkinan tidak setara dengan kos operasi yang akan meningkat dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, pembaharuan-pembaharuan ini telah diperjelaskan kepada Kementerian Kewangan dan pihak Kementerian kewangan telah memberi persetujuan supaya seksyen 35 (Akta SSM 2001) dipinda supaya peratusan sumbangan SSM kepada KWDP dikurangkan daripada 50% hasil kasar pendapatan tahunan kepada 30% hasil bersih pendapatan tahunan untuk membolehkan SSM beroperasi dengan lebih efisien pada masa hadapan. Persetujuan ini dinyatakan melalui surat Kementerian Kewangan bertarikh 9 Oktober 2012.

- (d) Kuasa untuk melaksanakan program latihan. Salah satu fungsi utama SSM sebagai badan kawal selia korporat adalah untuk memastikan tadbir urus yang tinggi di kalangan syarikat dan perniagaan. Untuk

memastikan bahawa inisiatif ini dapat dicapai, SSM mencadangkan supaya Akta 614 dipinda dengan memasukkan peruntukan baru berhubung fungsi tambahan SSM untuk merangka dan melaksanakan program-program pendidikan dan latihan kepada pengarah dan pegawai syarikat yang lain bagi meningkatkan pengetahuan yang perlu agar dapat memahami segala tanggungjawab mereka di sisi undang-undang dan membantu dalam menjalankan tugas dan melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan. Pindaan ini membolehkan Menteri untuk menetapkan kaedah pelaksanaan kursus atau program yang perlu dijalankan oleh pihak-pihak berkepentingan.

■1810

- (e) Kuasa untuk melesenkan mana-mana orang di bawah peruntukan akta-akta di bawah kawal selia SSM. Rang Undang-undang ini juga dicadangkan untuk memperluaskan kuasa Suruhanjaya untuk memberi dan memperbaharui lesen-lesen di bawah akta ini atau undang-undang di bawah kawal selia SSM. Di antaranya adalah seperti kuasa melesenkan Setiausaha Syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dan Pemegang Amanah di bawah Akta Skim Kepentingan yang bakal dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada keseluruhan, Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2014 ini mencadangkan 18 perkara pindaan pada Akta SSM 2001 (Akta 614) dan di antara cadangan pindaan yang akan diperkenalkan adalah seperti berikut.

Fasal 3 bertujuan menggantikan seksyen 6 bagi memperkukuhkan institusi anggota Suruhanjaya melalui penyusunan semula peruntukan semasa yang berkaitan dengan keahlian Suruhanjaya dan memperkenalkan peruntukan baru yang memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik Pemangku Pengerusi sekiranya berlaku kekosongan.

Fasal 4 bertujuan meminda peruntukan subseksyen 9(b) yang bertujuan untuk menjelaskan kehilangan kelayakan jawatan seseorang anggota Suruhanjaya sekiranya disabitkan dengan kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan tidak kurang daripada empat bulan.

Fasal 5 adalah mencadangkan pengenalan seksyen 11 yang baru untuk memperkukuhkan struktur organisasi suruhanjaya dengan menggantikan peruntukan yang berhubung dengan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan timbalan-timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif untuk memangku jawatan Ketua Pegawai Eksekutif sekiranya terdapat atau berlaku kekosongan.

Fasal 6 mencadangkan pindaan kepada subseksyen 17(d) untuk memperluaskan fungsi Suruhanjaya di dalam mendorong dan menggalakkan tanggungjawab korporat dan kemampuan perniagaan.

Fasal 7 mencadangkan pindaan ke atas subseksyen 18(2) iaitu memasukkan perenggan baru (ea) untuk menyatakan fungsi tambahan Suruhanjaya bagi merangka dan melaksanakan program-program pendidikan dan latihan kepada pengarah dan pegawai syarikat yang lain. Pindaan subseksyen 18(2) juga memperluaskan kuasa Suruhanjaya dengan memasukkan perenggan (eb) untuk memberi dan memperbaharui lesen-lesen di bawah akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Fasal 8 bertujuan menggantikan seksyen 20 yang membolehkan Suruhanjaya mewakili mana-mana fungsi dan kuasanya dengan memperluaskan kepada mana-mana anggota Suruhanjaya, jawatankuasa Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, mana-mana pekerja Suruhanjaya atau Pendaftar. Pindaan ini bertujuan untuk melicinkan pentadbiran dan membantu meningkatkan kecekapan operasi harian Suruhanjaya dengan menghendaki kuasa perwakilan dijalankan menurut syarat dan terma seperti mana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan Bahagian IIIA yang baru berhubung fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa Pendaftar dengan menjelaskan kepada Ketua Pegawai Eksekutif kepada Suruhanjaya adalah juga merupakan Pendaftar bagi tujuan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Suruhanjaya boleh melantik daripada kalangan orang dalam penggajian Suruhanjaya apa-apa bilangan Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar atau pekerja lain bagi pelaksanaan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Fasal 9 juga memasukkan Bahagian IIIB yang baru di mana suruhanjaya atau Pendaftar diberi kuasa untuk mengeluarkan garis panduan, notis, pekeliling atau nota amalan berkaitan mana-mana peruntukan di bawah akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Fasal 9 juga bertujuan memasukkan Bahagian IIIC yang baru ke dalam Akta 614. Di antara kuasa-kuasa baru yang terkandung dalam Bahagian IIIC tersebut adalah memberi Pendaftar kuasa untuk memberi dan memperbaharui lesen yang diperlukan di bawah akta ini atau undang-undang yang dinyatakan di bawah Jadual Pertama dan peruntukan berhubung kuasa membatalkan atau menggantung lesen.

Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 25 untuk memperluaskan perlindungan liabiliti diri kepada pegawai awam atau mana-mana orang lain selain daripada anggota atau pekerja Suruhanjaya.

Fasal 11 juga memasukkan Bahagian IVA baru ke dalam Akta 614 yang mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung penyiasatan dan penguatkuasaan termasuk kuasa untuk menjalankan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan.

Fasal 12 adalah pindaan kepada subseksyen 35(1) yang bertujuan meneruskan kadar pengurangan sumbangan SSM kepada KWDP daripada 50% jumlah hasil tahunan kepada 30% atas lebih bersih semasa.

Fasal 13 ialah pindaan kepada seksyen 37 yang diperluaskan kategori orang yang boleh mewakili SSM atau pekerjanya dalam prosiding sivil.

Fasal 14 bertujuan memasukkan peruntukan baru berkenaan cara-cara penyampaian apa-apa dokumen yang dikeluarkan oleh Pendaftar dalam melaksanakan fungsi dan kuasanya di bawah akta ini dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama serta nilai keterangan dokumen yang dikeluarkan atas nama Ketua Pegawai Eksekutif atau Pendaftar.

Fasal 15 bertujuan untuk memberi Pendaftar kuasa untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang ditetapkan dengan keizinan bertulis pendakwa raya dan memperuntukkan liabiliti pengarah, pekongsi, ketua pegawai eksekutif, pengurus, setiausaha atau pegawai seumpamanya yang lain dalam suatu pertubuhan perbadanan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan itu.

Fasal 15 juga memperkenalkan peruntukan baru berhubung pemusnahan, penyembunyian, pencacatan dan pengubahan rekod dengan niat untuk melakukan *fraud*. Fasal ini juga memperuntukkan prosedur rayuan kepada Menteri berhubung tindakan yang telah diambil Pendaftar.

Fasal 16 bertujuan untuk menggantikan seksyen 40 dengan memberi kuasa kepada Menteri bagi membuat peraturan-peraturan yang antara lainnya berhubung tugas dan fungsi Pendaftar bagi pentadbiran akta ini serta akta yang ditadbir oleh SSM selaras dengan polisi untuk menyelaraskan dan menyeragamkan pelantikan pendaftar bagi akta yang dikawal selia oleh SSM di bawah akta ini dan untuk memperuntukkan penalti denda yang tidak melebihi RM500,000 atau pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta ini.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua, akta ibu dengan memasukkan Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 sebagai salah satu undang-undang di bawah bidang kuasa SSM.

■1820

Fasal 18 bertujuan memasukkan peruntukan pengecualian dan peralihan. Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 akan dipinda selepas rang undang-undang ini diluluskan di Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada siapa menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2011 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Titiwangsa.

6.21 ptg.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada dua tiga perkara yang saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan dan pihak menteri. Mengenai cadangan penghapusan nilai tara atau *par value*, *no par value* untuk menghapuskan kegunaan *authorized capital*. Ini adalah satu inisiatif yang saya rasa amat saya alu-alukan kepada pihak kerajaan. Ini kerana dengan secara tidak langsung ia memudahkan syarikat-syarikat yang ingin meningkatkan *capital* mereka tanpa dikehendaki membayar sebarang *fee* untuk meningkatkan *capital* yang diperlukan.

Cuma saya hendak tanya kepada pihak Menteri, kesan daripada akta dan undang-undang yang akan digubal ini atau yang akan ditukar ini, berapakah jangkakan *fee* yang akan berkurangan daripada kutipan SSM hasil daripada penghapusan *authorized capital* ini?

Kedua, saya juga ingin menyentuh soal inisiatif SSM memperkenalkan sistem *micro ID*. Dalam sistem ini seperti mana Yang Berhormat Menteri sebut tadi, SSM akan membekalkan maklumat-maklumat kepada agensi-agensi kerajaan. Maka, sudah tidak ada lagi masalah atau isu di mana mereka yang mengurus niaga dengan kerajaan, mereka terpaksa mendapat pengesahan SSM untuk mengesahkan, contoh *form 25*, *form 49* dan sebagainya.

Jadi, dengan sistem ini saya percaya bahawa agensi-agensi kerajaan ini akan dapat akses terus maklumat ini tanpa memerlukan syarikat-syarikat ini mengeluarkan dokumen-dokumen melalui SSM yang sebahagian daripadanya kadang-kadang berlaku penipuan. Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah sistem ini dibenarkan diguna pakai oleh syarikat-syarikat GLC? Oleh sebab syarikat-syarikat GLC ini ada yang besar-besar, mereka juga mengendalikan banyak tender, terutama mana-mana GLC yang ada *carve-out program* kepada syarikat-syarikat bumiputera, kalau ditender sesuatu projek, dia ada *carve-out* untuk bumiputera.

Jadi, hendak mengesahkan bahawa syarikat-syarikat bumiputera ini adalah syarikat yang benar-benar dan *genuine* bumiputera dan tidak berlaku sebarang penipuan. Adakah sistem ini diberi guna pakai kepada syarikat GLC. Ketiga, saya juga ingin mengalu-alukan inisiatif yang diambil oleh SSM, terutama dari segi mengemas kini daftar pembatalan nama syarikat yang tidak aktif.

Seperti mana yang saya lihat, kita mempunyai 1.1 juta syarikat yang telah didaftarkan tetapi yang aktif cuma 480,000. Bermakna, lebih kurang dalam 600,000 ataupun 500,000 lebih syarikat yang tidak aktif. Maka, apabila kita mempunyai inisiatif untuk pembatalan syarikat-syarikat yang tidak aktif ini, ia secara tidak langsung dapat menyelamatkan sebahagian daripada syarikat-syarikat yang kemungkinan besar mengurus niaga dengan syarikat-syarikat yang tidak aktif.

Cuma saya hendak minta Yang Berhormat Menteri melihat, baru-baru ini tidak silap saya tahun lepas. SSM ada mengendalikan satu program dipanggil moratorium program di mana ia

memberi kemudahan kepada syarikat-syarikat yang tidak aktif ini untuk dikeluarkan atau dibatalkan nama syarikat tersebut.

Akan tetapi dalam proses pembatalan ini, kebanyakan daripada syarikat-syarikat yang dibatalkan ini diberi pengecualian daripada menyediakan *audited account*. Jadi, banyak syarikat yang telah mengambil kesempatan ini untuk memohon kepada pihak SSM untuk membatalkan syarikat-syarikat tersebut. Akan tetapi selepas syarikat-syarikat ini dibatalkan dan digazet, kemudian SSM baru hendak tengok syarikat-syarikat yang dibatalkan ini sama ada, ada *legal implication* atau tidak.

Jadi, apa yang berlaku hari ini ialah syarikat-syarikat ini apabila ia memohon untuk membatalkan pendaftaran mereka, ia telah menghantar semua dokumen yang diperlukan oleh pihak SSM. Pihak SSM tidak memerlukan *audited account*. Jadi, apabila syarikat sudah dibatalkan, baru hendak tanya *audited account*. Jadi, memanglah tidak jumpa. Jadi, ini yang saya hendak minta pihak SSM, kalau sebarang inisiatif yang diambil untuk memudahkan ini, kita kena lihat kesan dan implikasi. Sama ada kita ada tak perkara-perkara yang akan menyusahkan syarikat-syarikat di luar sana kesan daripada inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh pihak SSM. Jadi, itu sahaja Yang Berhormat Menteri. Saya ucap terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Subang.

6.26 ptg.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi saya ruang untuk mengambil bahagian dalam rang undang-undang untuk meminda Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. Saya mengalu-alukan beberapa pindaan yang dibuat kepada akta ibu yang sekarang dibuat dengan hasrat untuk memperkukuhkan rangka undang-undang sedia ada untuk membolehkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam tugas mereka yang sangat penting untuk memantau perjalanan dan pengurusan syarikat-syarikat yang didaftarkan di negara kita. Baik yang kecil atau besar, yang swasta atau yang disenaraikan di bursa, yang dimiliki oleh pihak swasta atau pun dimiliki oleh pihak kerajaan.

Undang-undang yang menambah baik kuasa dan perjalanan tanggungjawab suruhanjaya memang mesti dialu-alukan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang membawa rang undang-undang ini. Ini berkaitan dengan tindakan yang sepatutnya diambil oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia terhadap syarikat-syarikat yang tidak mengikuti keperluan undang-undang dalam pemfailan akaun-akaun mereka atau pun akaun yang diaudit. Akaun beraudit adalah satu kewajipan yang penting di bawah undang-undang ini, undang-undang untuk syarikat-syarikat. Undang-undang mewajibkan dan membutuhkan tarikh yang tetap untuk pemfailan akaun-akaun mereka setiap tahun.

Sekiranya akaun ini tidak difailkan, tindakan patut diambil. Oleh sebab obligasi ini sangat penting daripada segi pengurusan syarikat-syarikat ini. Kita perlu faham bahawa pemfailan akaun ini adalah penting dari segi perlindungan yang diberi kepada syarikat-syarikat sendirian berhad ataupun berhad sebab liabiliti mereka adalah terhad.

Akan tetapi untuk mendapat perlindungan itu, mereka ada tanggungjawab yang penting untuk membuat pengurusan mereka secara terbuka dan pastikan akaun mereka dibuat dengan betul, dengan syarikat audit yang bertauliah dan sebagainya.

■1830

Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, ini berkaitan dengan akaun-akaun untuk Syarikat 1MDB. Saya difahamkan Syarikat 1MDB telah mengalami dalam lima tahun kebelakangan ini, mereka telah melalui sekurang-kurangnya tiga syarikat akauntan besar telah mengambil tugas untuk audit akaun mereka dan selepas itu ditukar. *Auditor* yang pertama iaitu Ernst & Young yang telah meletakkan jawatan tugas mereka tanpa menandatangani satu set akaun pun pada tahun pertama untuk 1MDB. Seterusnya, mereka melantik KPMG. KPMG pun selepas Mac 2013 meletak jawatan daripada tanggungjawab mereka, pelantikan mereka tanpa menandatangani akaun juga. Sekarang Deloitte adalah audit yang ketiga. Akan tetapi *point* yang saya hendak tegaskan, akaun 1MDB walaupun dimiliki oleh kerajaan, difailkan lewat dan ini bukan satu tahun sahaja ini berturut-turut untuk *financial year 2013* dengan izin dan *financial year 2014*.

Saya juga difahamkan bahawa ada beberapa subsidiari 1MDB yang tidak memfailkan akaun langsung sejak *financial year 2013*, dengan izin. Saya bagi satu contoh. Inilah subsidiari, anak syarikat yang dimiliki 100% oleh 1MDB yang bernama SRC Internasional. Saya difahamkan dan kalau saya silap, saya terbuka untuk dibetulkan saya. Akaun syarikat ini tidak difailkan sehingga Mac 2012 sampai sekarang. Syarikat ini ialah 100% milik Kementerian Kewangan negara kita. Ini bukan syarikat swasta, syarikat yang dimiliki oleh kerajaan dan ini yang telah berlaku. Syarikat ini penting Tuan Yang di-Pertua sebab syarikat ini digunakan untuk meminjam RM4 bilion daripada apa yang kita sebut KWAP. KWAP secara penuh ialah Kumpulan Wang Persaraan macam EPF tetapi dari dana-dana pencen untuk tujuan yang sama dilaburkan untuk mereka dapat dividen dan sebagainya.

Subsidiari 1MDB ini telah pinjam RM4 bilion daripada dana penting ini, RM4,000 juta dan *auditor* pada tahun 2014 ialah Deloitte International tetapi akaun tidak difailkan. Inilah satu contoh. Jadi, saya hendak tanya kepada Timbalan Menteri apakah tindakan yang telah diambil oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia terhadap Syarikat 1MDB ini atas beberapa ketidaksempurnaan yang kita melihat dengan jelas sebab syarikat-syarikat milik kerajaan patut dijaga dengan lebih sempurna dengan piawaian yang lebih tinggi untuk menunjukkan bahawa pengurusan kita adalah dengan taraf-teraf terbaik. Sebab dana yang dilibatkan di sini bukan dana swasta, ia adalah dana awam, dana rakyat Malaysia. Jadi saya pohon jawapan daripada Timbalan Menteri, apakah tindakan yang telah diambil. Kalau tindakan tidak diambil, apakah alasan tindakan tidak diambil, dan apakah tindakan yang akan diambil. Itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kangsar, selepas itu Menteri boleh menjawab.

6.34 ptg.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh tentang *limited liability partnership* iaitu perkongsian liabiliti terhad dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dan kementerian kerana memperkenalkan satu kaedah baru dalam perniagaan ataupun perkongsian baru yang diperkirakan lebih mudah daripada tradisional iaitu *joint venture* ataupun usaha sama. Jadi, dengan LLP ini maka perkongsian ini dikira dalam perniagaan lebih memudah cara dalam bentuk-bentuk perkongsian untuk menjalankan perniagaan.

Saya ingin bertanyakan kepada pihak kementerian bahawa saya difahamkan penyertaan syarikat-syarikat ataupun perkara-perkara yang telah dibuat melalui LLP ini telah ada ratusan perjanjian ataupun perkongsian LLP ini. Akan tetapi berapakah sebenarnya yang telah aktif ataupun telah terbukti kejayaannya dan telah matang tentang prosesnya kerana apatah lagi di peringkat bank-bank ataupun institusi kewangan untuk pembiayaan ataupun pinjaman, adakah pihak bank-bank telah bersedia ataupun pihak-pihak institusi kewangan telah bersedia untuk memberi pinjaman ataupun pembiayaan kepada perkara baru ini? Satu perkongsian LLP kerana dalam bentuk perjanjian ataupun perkongsiannya ia merupakan perkongsian syarikat A, B dan LLP.

Jadi apakah pihak pengurusan ataupun penilaian di peringkat bank dan juga institusi kewangan telah bersedia kerana kita risau, kita khuatir sekiranya terdapat pendekatan baru melalui LLP ini begitu mudah tetapi akhirnya terencat di peringkat pemprosesan, di peringkat bank-bank dan institusi kewangan. Saya mohon pihak SSM, ataupun pihak kementerian dapat memberi satu pendekatan ataupun satu perkara yang memudah cara supaya dapat difahami ataupun diberi kerjasama oleh bank-bank komersial ataupun agensi-agensi yang memberi pinjaman kepada – LLP ini ialah satu pendekatan baru yang mungkin belum diterima pakai di peringkat bank ataupun satu perkara yang baru ataupun *alien* kepada bank-bank. Jadi, saya harap perkara ini dapat kita tangani di peringkat bank-bank dan institusi kewangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

6.37 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, tiga orang yang memajukan soalan. Pertama Yang Berhormat Titiwangsa, membangkitkan mengenai dengan nilai atau *value* bakal dihapuskan dan Kesan dari penghapusan modal yang dibenarkan merupakan hasil yang berkurangan. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh berakhir 31 Oktober 2014, jumlah hasil yang dikutip adalah sebanyak RM37 juta. Ini bermakna sekiranya pindaan ini dilaksanakan, SSM akan mendapat pengurangan hasil sebanyak RM30 juta.

Mengenai dengan sistem *my company ID*, sama ada dibenarkan untuk diguna pakai oleh GLC, ini juga untuk makluman Yang Berhormat Titiwangsa, sistem *my company ID* merupakan sistem pendaftaran serentak dengan beberapa agensi kerajaan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri, KWSP, PERKESO, SME Corps dan sebagainya. Sebaliknya, mana-mana syarikat GLC yang berminat untuk mengadakan perkongsian maklumat bolehlah berbuat demikian melalui sistem dan juga e-Info SSM iaitu sistem pembekalan maklumat. Jadi dibenarkan sekiranya mereka berminat.

Mengenai dengan inisiatif SSM mengemaskinikan pembatalan nama syarikat yang tidak aktif, terima kasih kepada Yang Berhormat. Inisiatif mengemas kini pembatalan nama syarikat daripada daftar SSM adalah semata-mata bertujuan hanya kepada syarikat yang aktif dan menyumbang kepada ekonomi negara sahaja yang dikekalkan dalam daftar. Jadi sebab itu inisiatif ini kita ambil untuk pembatalan syarikat-syarikat yang tidak aktif. Garis panduan untuk tujuan ini telah diterbitkan dan boleh dirujuk oleh pihak awam, terutama bagi tujuan inisiatif ini SSM juga menerima akaun yang tidak diaudit, *management account* untuk membuktikan bawah syarikat tersebut tidak mempunyai aset dan liabiliti.

■1840

Itu daripada Yang Berhormat Titiwangsa. Untuk Yang Berhormat Subang...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sebelum...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sebab hendak sambung sedikit soalan daripada Yang Berhormat Subang tadi. Saya dimaklumkan bahawa ada perbezaan, adakah benar Yang Berhormat Timbalan Menteri mereka yang datang daripada Sabah dan Sarawak tidak boleh mendaftar di pejabat di Semenanjung. Mereka yang datang dari Sabah dan Sarawak mesti mendaftar di Sabah dan Sarawak dan *administrative* nya agak berbeza dengan pejabat-pejabat di Semenanjung. Adakah benar atau tidak *statement* yang saya buat tadi? Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat sekejap lagi saya akan bagi jawapan kepada soalan. Yang Berhormat daripada Subang mengenai dengan soalan yang berkaitan syarikat 1MDB. Untuk makluman Yang Berhormat penyata kewangan 1MDB telah diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan dan tiada pelanggaran Akta Syarikat 1965 dilakukan dan penyata kewangan telah pun diserahkan simpan pada 6 November 2014 yang lalu.

Mengenai dengan soalan berkaitan dengan SRC International Sdn. Bhd. Syarikat SRC International Sdn. Bhd. bukan merupakan anak syarikat 1MDB. Walau bagaimanapun SSM akan menyemak status pematuhan syarikat tersebut dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Itu...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh minta penjelasan sedikit daripada jawapan itu. Saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beritahu Dewan bahawa akaun penyata kewangan 1MDB telah difailkan pada 6 hari bulan November. Saya difahamkan bahawa tarikh yang sepatutnya difailkan ialah Mac tahun ini. Jadi boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan sedikit macam mana tempoh pemfailan itu telah, macam mana walaupun difailkan pada 6 hari bulan November, suruhanjaya ataupun pihak kerajaan anggap itu sebagai dibuat mengikut keperluan undang-undang.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat. Samalah juga dengan ada soalan daripada perkara berbangkit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Petaling Jaya mengenai dengan 12 anak syarikat 1MDB. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, kalau anak-anak syarikat ini seperti yang saya sebutkan tadi, penyata kewangan yang terkini bagi tahun kewangan berakhir tahun 2014 untuk anak-anak syarikat ini telah diserahkan bersama-sama penyata tahunan syarikat tersebut di Suruhanjaya Syarikat SSM dalam tempoh yang ditetapkan di bawah seksyen 165(4) Akta Syarikat 65 yang dibaca bersama Perenggan 26(a) seperti yang saya jelaskan tadi.

Jadi Jadual Kedua akta yang sama seksyen 16, 165(4) Akta Syarikat 1965 menyatakan penyata tahunan syarikat hendaklah diserahkan simpan dalam tempoh satu bulan selepas Mesyuarat Agung Tahunan syarikat diadakan, manakala Perenggan 26(a) Jadual Kedua Akta Syarikat 1965 memperuntukkan tiada *fee* lewat serah simpan dikenakan bagi dokumen syarikat yang diserahkan simpan dalam tempoh tujuh hari daripada tempoh statutori yang telah ditetapkan.

Penyata-penyata kewangan tersebut telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan dalam tempoh yang ditetapkan menurut seksyen 169(1) Akta Syarikat 1965 iaitu dalam tempoh enam bulan daripada tahun kewangan tersebut berakhir. Jadi sehubungan dengan itu Yang Berhormat seperti yang saya nyatakan tadi, tiada tindakan diambil terhadap pengarah-pengarah syarikat tersebut kerana dokumen-dokumen tersebut telah diserahkan simpan di SSM dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan mengikut tempoh yang ditetapkan. Terima kasih.

Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar *limited liability* dan juga *partnership* dan berapakah LLP yang telah didaftarkan. Untuk makluman Yang Berhormat setakat 30 Oktober 2014, sebanyak 3,163 telah didaftarkan di SSM. Adakah bank-bank bersedia untuk memberi pinjaman berkaitan dengan kesediaan bank untuk memberi pinjaman. SSM telah pun memulakan memberi penerangan dan memberi makluman dan juga kesedaran kepada Persatuan Bank-bank Malaysia agar menyokong entiti-entiti baru yang didaftarkan ini LLP dan diberikan pinjaman sebagai modal pusingan. Itu maklumat kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Tambahan daripada Yang Berhormat Sungai Petani ini adakah individu di Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Petani, pendaftaran syarikat boleh dibuat di

mana-mana sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan juga di dalam talian (*online*) melalui MyCoID. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Habis sudah?

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila. Sudah habis? Sudah siap? Dia sudah siap.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal 1 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 15 – Pindaan:

Tuan Pengerusi: Sila.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal 15 bertujuan untuk memasukkan seksyen 38A dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2014 yang memperuntukkan kuasa kepada pendaftar untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang ditetapkan dengan keizinan penulis pendakwa raya.

Kementerian ini mencadangkan agar dua peruntukan asal dalam Fasal 38A(1) dan (3) Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2014 dipinda dengan menggantikan perkataan “*di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya*” dengan perkataan “*di bawah Akta ini dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama*”. Menerusi cadangan pindaan rang undang-undang bertujuan untuk meminda subseksyen 38A(1) dan (3) untuk membolehkan pemakaian peruntukan yang berhubung dengan pengkompaunan kesalahan turut meliputi undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta Suruhanjaya Syarikat 2001.

Oleh itu sokongan dan kerjasama kepada semua pihak termasuk daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini adalah diharapkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ada?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, boleh saya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Sama ada notis kepada pindaan yang dibuat sekarang sudah diberikan kepada Dewan ini sebab mengikut dokumentasi di dalam tangan saya belum terima. Kita terima *I mean* akta pindaan, betul. Tapi sekarang sama ada pindaan itu telah diberi notis.

■1850

Tuan Pengerusi: Sila respons sebelum saya bagi respons.

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat notis telah pun dikeluarkan oleh Kementerian untuk sidang ini.

Tuan Pengerusi: Pada kebiasaannya Yang Berhormat, pindaan tidak akan dikasi masuk dalam *Order Paper* seperti begini kalau tidak ada kebenaran daripada saya sebagai Yang di-Pertua. Jadi *I cannot response to you right know* sama ada saya sudah bagi kebenaran atau tadi, *but my feeling is that it is been given*.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, Tuan Yang di-Pertua, memang biasa – maksud saya, bukan dimasukkan dalam rang undang-undang, biasa kita terima kertas berasingan...

Tuan Pengerusi: Ya, ya, itu juga maksud saya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...Yang menunjukkan pindaan yang dibuat. Itu yang saya maksudkan. Saya sudah tanya...

Seorang Ahli: Ada.

Tuan Pengerusi: Ada.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ada? Okey, baik, baik.

Tuan Pengerusi: Yes, ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Okey, sudah disahkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, jadi tidak ada perbahasan, tidak ada yang minat. Okey.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Fasal 15 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]

[Fasal 16 dan 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

**RANG UNDANG-UNDANG
PENDAFTARAN PERNIAGAAN (PINDAAN) 2014
Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

6.53 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 serta untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197) merupakan satu akta yang mengawal pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan berbentuk pemilikan tunggal dan perkongsian. Akta 197 ini merupakan salah satu akta yang ditadbir dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan terhadap Akta 197 ini adalah diklasifikasikan sebagai pindaan susulan yang perlu dibuat berdasarkan pindaan yang dicadangkan terhadap Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 iaitu akta tubuh SSM. Antara pindaan yang dicadangkan adalah pengeluaran peruntukan berhubung pelantikan Pendaftar, Penolong Pendaftar atau pekerja SSM daripada Akta 197. Sebaiknya, peruntukan ini dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

Cadangan ini adalah selari dengan polisi untuk menyeragamkan peruntukan berhubung pelantikan Pendaftar serta Penolong Pendaftar dengan memasukkan peruntukan yang berkaitan di dalam Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 yang dijangka dapat menambah keefisienan SSM di dalam menjalankan tugas dan fungsinya.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 197 ini juga dicadang untuk dipinda dengan mengeluarkan semua peruntukan berhubung penguatkuasaan untuk dimasukkan ke dalam Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. Cadangan ini adalah selaras dengan inisiatif SSM untuk menyeragam dan menyelaraskan peruntukan penguatkuasaan untuk kesemua akta yang di bawah kawal seliaan SSM.

Pindaan ini dijangka dapat mengelakkan pertindihan, ketidakseragaman atau percanggahan peruntukan berkaitan penguatkuasaan yang sekali gus dapat menyumbangkan kepada kerangka kawal selia yang lebih mantap dan menyeluruh bagi SSM.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pada keseluruhannya, Rang Undang-undang Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2014 ini mencadangkan empat perkara pindaan kepada Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197). Cadangan utama terhadap rang undang-undang ini adalah pemotongan seksyen 3, 9, 10 dan 14 Akta 197 memandangkan perkara yang berhubungan dengan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan pekerja lain serta kuasa-kuasa penguatkuasaan yang akan diperuntukkan di dalam seksyen baru 20A, 27C, 27B dan 38A Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614).

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■1900

RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PINDAAN) 2014

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 serta untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (Akta 743) merupakan satu akta yang memperkenalkan perkongsian liabiliti terhad sebagai satu entiti perniagaan baru yang merupakan alternatif kepada bentuk-bentuk perniagaan sedia ada seperti pemilikan tunggal, perkongsian dan syarikat. Akta 743 ini telah dikuatkuasakan pada 26 Disember 2013 dan setakat 30 September 2014 sebanyak 2,943 buah perkongsian liabiliti terhad telah didaftarkan. Ini merupakan bahawa penerimaan terhadap PLT sebagai

sebuah bentuk perniagaan yang baru adalah memberangsangkan. Akta 743 ini merupakan salah satu akta yang ditadbir dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat pindaan yang dicadangkan terhadap Akta 743 boleh diklasifikasikan sebagai pindaan susulan yang perlu dibuat berdasarkan pindaan yang dicadangkan terhadap Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 iaitu Akta Tubuh SSM. Antara pindaan yang dicadangkan adalah pengeluaran peruntukan berhubung pelantikan Pendaftar, Penolong Pendaftar atau pekerja daripada Akta 743. Sebaliknya peruntukan ini dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

Cadangan ini adalah selari dengan polisi untuk menyeragamkan peruntukan berhubung pelantikan Pendaftar dan Penolong Pendaftar. Dengan memasukkan peruntukan yang berkaitan di dalam Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 yang dijangka dapat menambah keefisienan SSM di dalam menjalankan tugas dan fungsinya.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 743 juga dicadangkan untuk dipinda dengan mengeluarkan semua peruntukan berhubung penguatkuasaan untuk dimasukkan ke dalam Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. Cadangan ini adalah selaras dengan inisiatif SSM untuk menyeragamkan dan menyelaraskan peruntukan penguatkuasaan untuk ke semua akta-akta yang di bawah kawal seliaan SSM. Pindaan ini dijangka dapat mengelakkan pertindihan, ketidakseragaman atau percanggahan peruntukan berkaitan penguatkuasaan yang sekali gus dapat menyumbang kepada kerangka kawal selia yang lebih mantap dan menyeluruh bagi SSM.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2014 ini mencadangkan lapan perkara pindaan kepada Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta 743. Antara cadangan pindaan yang diperkenalkan adalah seperti berikut:-

- (i) Fasal 3 bertujuan untuk memotong subseksyen 5 Akta 743 memandangkan perkara yang berhubungan dengan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan pekerja lain yang akan diperuntukkan dalam seksyen baru 20(A) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001, Akta 614;
- (ii) Fasal 4 bertujuan untuk menggantikan subseksyen 48, Akta 743 bagi memastikan bahawa perkara berhubung dengan pembubaran perkongsian liabiliti terhad asing dikendalikan seumpama dengan pembubaran syarikat asing di bawah Akta Syarikat 1965, Akta 125;
- (iii) Fasal 5 bertujuan untuk memotong Bahagian VIII seksyen 77, 78, 82, 83, 84, 85, 87, 88 dan 89, Akta 743 yang berhubung dengan penguatkuasaan dan peruntukan am. Semua peruntukan penguatkuasaan diperkatakan di bawah cadangan pindaan kepada Akta 614; dan

- (iv) Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 91, Akta 743 dengan memotong perenggan 1(A) yang berhubungan dengan kewajipan dan fungsi Pendaftar dan Penolong Pendaftar yang memperuntukkan di bahagian baru 3(A), Akta 614.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan serahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang tiga dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 27 November 2014. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.08 malam]